JUZU' KE-16
SURAH
TAHA

SURAH KE **20**

# SURAH TAHA

## Surah Taha

**(Makkiyah)**

**Kecuali Ayat 130 - 131 diturunkan di Madinah**

JUMLAH AYAT **135**

**Dengan nama Allah**
**Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih**

**(Kumpulan ayat-ayat 1 - 98)**

طه ﴿١﴾

مَآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكَ ٱلۡقُرۡءَانَ لِتَشۡقَىٰٓ ﴿٢﴾

إِلَّا تَذۡكِرَةٗ لِّمَن يَخۡشَىٰ ﴿٣﴾

تَنزِيلٗا مِّمَّنۡ خَلَقَ ٱلۡأَرۡضَ وَٱلسَّمَٰوَٰتِ ٱلۡعُلَى ﴿٤﴾

ٱلرَّحۡمَٰنُ عَلَى ٱلۡعَرۡشِ ٱسۡتَوَىٰ ﴿٥﴾

لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَا وَمَا تَحۡتَ ٱلثَّرَىٰ ﴿٦﴾

وَإِن تَجۡهَرۡ بِٱلۡقَوۡلِ فَإِنَّهُۥ يَعۡلَمُ ٱلسِّرَّ وَأَخۡفَى ﴿٧﴾

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ لَهُ ٱلۡأَسۡمَآءُ ٱلۡحُسۡنَىٰ ﴿٨﴾

وَهَلۡ أَتَىٰكَ حَدِيثُ مُوسَىٰٓ ﴿٩﴾

إِذۡ رَءَا نَارٗا فَقَالَ لِأَهۡلِهِ ٱمۡكُثُوٓاْ إِنِّيٓ ءَانَسۡتُ نَارٗا لَّعَلِّيٓ ءَاتِيكُم مِّنۡهَا بِقَبَسٍ أَوۡ أَجِدُ عَلَى ٱلنَّارِ هُدٗى ﴿١٠﴾

*"Ta. Ha.(1). Kami tidak menurunkan Al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau mendapat kesusahan(2). Melainkan semata-mata supaya menjadi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah(3). (Al-Qur'an itu) diturunkan dari Tuhan yang telah menciptakan bumi dan langit yang amat tinggi(4). Iaitu Allah Yang Maha Penyayang yang bersemayam di 'Arasy(5). Yang memiliki segala isi langit, segala isi bumi, segala makhluk yang ada di antara keduanya dan segala apa yang ada di bawah tanah(6). Dan andainya engkau menyaringkan pengucapanmu, maka sesungguhnya Allah itu mengetahui segala rahsia dan apa yang lebih tersembunyi lagi(7). Dialah Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia. Dia mempunyai nama-nama yang paling indah(8). Tidakkah sampai kepadamu cerita Musa?(9) Ketika dia melihat api lalu dia pun berkata kepada keluarganya: Tinggallah kamu (di sini) sesungguhnya aku nampak api, mudah-mudahan aku dapat membawa kepada kamu sedikit darinya atau mendapat pemandu jalan di tempat api itu"(10).*

فَلَمَّآ أَتَىٰهَا نُودِيَ يَٰمُوسَىٰٓ ﴿١١﴾

إِنِّيٓ أَنَا۠ رَبُّكَ فَٱخۡلَعۡ نَعۡلَيۡكَ إِنَّكَ بِٱلۡوَادِ ٱلۡمُقَدَّسِ طُوٗى ﴿١٢﴾

وَأَنَا ٱخۡتَرۡتُكَ فَٱسۡتَمِعۡ لِمَا يُوحَىٰٓ ﴿١٣﴾

إِنَّنِيٓ أَنَا ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعۡبُدۡنِي وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِذِكۡرِيٓ ﴿١٤﴾

إِنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ أَكَادُ أُخۡفِيهَا لِتُجۡزَىٰ كُلُّ نَفۡسِۢ بِمَا تَسۡعَىٰ ﴿١٥﴾

فَلَا يَصُدَّنَّكَ عَنۡهَا مَن لَّا يُؤۡمِنُ بِهَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ فَتَرۡدَىٰ ﴿١٦﴾

وَمَا تِلۡكَ بِيَمِينِكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿١٧﴾

قَالَ هِيَ عَصَايَ أَتَوَكَّؤُاْ عَلَيۡهَا وَأَهُشُّ بِهَا عَلَىٰ غَنَمِي وَلِيَ فِيهَا مَـَٔارِبُ أُخۡرَىٰ ﴿١٨﴾

قَالَ أَلۡقِهَا يَٰمُوسَىٰ ﴿١٩﴾

فَأَلۡقَىٰهَا فَإِذَا هِيَ حَيَّةٞ تَسۡعَىٰ ﴿٢٠﴾

*"Apabila dia sampai di tempat api itu, tiba-tiba dia diseru: Wahai Musa!(11) Sesungguhnya Aku ini adalah Tuhanmu, oleh itu tanggalkanlah dua kasutmu, kerana sesungguhnya engkau sedang berada di Wadi Tuwa yang suci(12). Dan aku telah memilihmu (menjadi rasul). Oleh itu dengarlah apa yang akan diwahyukan kepadamu(13). Sesungguhnya Aku ini adalah Allah, tiada tuhan yang lain melainkan hanya Aku. Oleh itu abdikanlah dirimu kepada-Ku dan dirikanlah solat untuk mengingati-Ku(14). Sesungguhnya hari Qiamat itu tetap akan datang, Aku sengaja sembunyikan waktunya supaya setiap orang dibalas dengan amalan yang dilakukannya(15). Oleh itu janganlah engkau dihalangi dari mempercayakannya oleh orang yang tidak beriman kepadanya dan mengikut hawa nafsunya, lalu ia*

*menyebabkan engkau binasa(16). Apakah benda di tangan kananmu itu, wahai Musa?(17) Jawab Musa: Ini adalah tongkatku. Aku bertilikan di atasnya dan memukul daun-daun dengannya untuk makanan kambingku dan ada lagi keperluan-keperluan-ku yang lain(18). Allah berfirman: Campakkan tongkat itu, wahai Musa!(19) Lalu dia terus mencampakkannya tiba-tiba ia menjadi seekor ular yang merayap"(20).*

قَالَ خُذْهَا وَلَا تَخَفْ سَنُعِيدُهَا سِيرَتَهَا
الْأُولَىٰ ﴿٢١﴾
وَاضْمُمْ يَدَكَ إِلَىٰ جَنَاحِكَ تَخْرُجْ بَيْضَاءَ مِنْ غَيْرِ
سُوءٍ آيَةً أُخْرَىٰ ﴿٢٢﴾
لِنُرِيَكَ مِنْ آيَاتِنَا الْكُبْرَى ﴿٢٣﴾
اذْهَبْ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿٢٤﴾
قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي ﴿٢٥﴾

*"Allah berfirman: Tangkapkannya! Dan janganlah engkau takut kerana Kami akan mengembalikannya kepada keadaannya yang asal(21). Dan kepitkanlah tanganmu (yang kanan) di bawah ketiak engkau (yang kiri) nescaya ia akan keluar putih melepak bersinar-sinar tanpa apa-apa penyakit sebagai satu mu'jizat yang lain pula(22). Untuk Kami memperlihatkan kepadamu sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Kami yang amat besar(23). Pergilah kepada Fir'aun! Sesungguhnya dia telah bertindak melampau(24). Lalu Musa berdo'a:Ya Tuhanku! Lapangkanlah dadaku!"(25).*

وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي ﴿٢٦﴾
وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي ﴿٢٧﴾
يَفْقَهُوا قَوْلِي ﴿٢٨﴾
وَاجْعَلْ لِي وَزِيرًا مِنْ أَهْلِي ﴿٢٩﴾
هَارُونَ أَخِي ﴿٣٠﴾

*"Dan mudahkanlah segala urusanku(26). Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku(27). Supaya mereka dapat memahami perkataan-perkataanku(28). Dan lantikkanlah untukku seorang menteri dari keluargaku sendiri(29). Iaitu Harun saudaraku"(30).*

اشْدُدْ بِهِ أَزْرِي ﴿٣١﴾
وَأَشْرِكْهُ فِي أَمْرِي ﴿٣٢﴾
كَيْ نُسَبِّحَكَ كَثِيرًا ﴿٣٣﴾
وَنَذْكُرَكَ كَثِيرًا ﴿٣٤﴾
إِنَّكَ كُنْتَ بِنَا بَصِيرًا ﴿٣٥﴾

*"Teguhkanlah kekuatanku dengan bantuannya(31). Dan jadikannya sekutu dalam urusanku(32). Supaya kami banyak bertasbih kepada-Mu(33). Dan banyak mengingati-Mu(34). Sesungguhnya Engkau Maha Melihat keadaan kami"(35).*

وَلَقَدْ مَنَنَّا عَلَيْكَ مَرَّةً أُخْرَىٰ ﴿٣٧﴾
قَالَ قَدْ أُوتِيتَ سُؤْلَكَ يَا مُوسَىٰ ﴿٣٦﴾
إِذْ أَوْحَيْنَا إِلَىٰ أُمِّكَ مَا يُوحَىٰ ﴿٣٨﴾
أَنِ اقْذِفِيهِ فِي التَّابُوتِ فَاقْذِفِيهِ فِي الْيَمِّ فَلْيُلْقِهِ الْيَمُّ
بِالسَّاحِلِ يَأْخُذْهُ عَدُوٌّ لِي وَعَدُوٌّ لَهُ ۚ وَأَلْقَيْتُ عَلَيْكَ مَحَبَّةً
مِنِّي وَلِتُصْنَعَ عَلَىٰ عَيْنِي ﴿٣٩﴾
إِذْ تَمْشِي أُخْتُكَ فَتَقُولُ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ مَنْ يَكْفُلُهُ ۖ
فَرَجَعْنَاكَ إِلَىٰ أُمِّكَ كَيْ تَقَرَّ عَيْنُهَا وَلَا تَحْزَنَ ۚ وَقَتَلْتَ
نَفْسًا فَنَجَّيْنَاكَ مِنَ الْغَمِّ وَفَتَنَّاكَ فُتُونًا ۚ فَلَبِثْتَ
سِنِينَ فِي أَهْلِ مَدْيَنَ ثُمَّ جِئْتَ عَلَىٰ قَدَرٍ يَا مُوسَىٰ ﴿٤٠﴾
وَاصْطَنَعْتُكَ لِنَفْسِي ﴿٤١﴾
اذْهَبْ أَنْتَ وَأَخُوكَ بِآيَاتِي وَلَا تَنِيَا فِي ذِكْرِي ﴿٤٢﴾
اذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿٤٣﴾
فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَيِّنًا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾
قَالَا رَبَّنَا إِنَّنَا نَخَافُ أَنْ يَفْرُطَ عَلَيْنَا أَوْ أَنْ يَطْغَىٰ ﴿٤٥﴾

*"Allah berfirman: Segala permintaan-mu itu telah diperkenan-Ku, wahai Musa(36). Dan sesungguhnya Kami telah pun mengurniakan ni'mat kepadamu pada kali yang lain (di zaman silam)(37). Ketika Kami menyampaikan kepada ibumu yang wajar diilhamkan kepadanya(38). Iaitu campakkannya (anakmu Musa)di dalam sebuah peti kemudian campakkannya ke dalam sungai, kemudian hendaklah sungai itu campakkannya ke tepi tebing supaya dia diambil oleh musuh-Ku (Fir'aun) dan musuhnya. Dan Aku telah campakkan ke atasmu kasihan belas dari-Ku (supaya engkau dikasihi orang) dan supaya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku(39). Ketika kakakmu berjalan lalu berkata (kepada keluarga Fir'aun): Dapatkah saya tunjukkan kepada kamu seorang yang boleh membelakannya? Lalu*

*Kami memulangkanmu kepada ibumu supaya hatinya senang dan tidak lagi berdukacita. Dan engkau telah membunuh seorang manusia lalu Kami selamatkanmu dari kesusahan dan Kami telah mengujimu dengan berbagai-bagai ujian. Kemudian engkau telah tinggal beberapa tahun dalam kalangan penduduk Madyan kemudian engkau datang kembali mengikut waktu yang telah ditetapkan, wahai Musa(40). Dan Aku telah memilihmu untuk menjadi utusan diri-Ku(41). Pergilah engkau bersama saudaramu membawa ayat-ayat-Ku dan janganlah kamu berdua lalai dari mengingati-Ku(42). Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun. Sesungguhnya dia telah bertindak melampaui batas(43). Dan berbicaralah kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut semoga dia insaf atau takut (kepada Allah)(44). Mereka berdua berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami merasa bimbang dia akan bertindak segera menyeksakan kami atau berlagak angkuh"(45).*

قَالَ لَا تَخَافَآ إِنَّنِي مَعَكُمَآ أَسْمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

فَأْتِيَاهُ فَقُولَآ إِنَّا رَسُولَا رَبِّكَ فَأَرْسِلْ مَعَنَا بَنِيٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَا تُعَذِّبْهُمْ قَدْ جِئْنَٰكَ بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّكَ وَٱلسَّلَٰمُ عَلَىٰ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلْهُدَىٰٓ ﴿٤٧﴾

إِنَّا قَدْ أُوحِىَ إِلَيْنَآ أَنَّ ٱلْعَذَابَ عَلَىٰ مَن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿٤٨﴾

قَالَ فَمَن رَّبُّكُمَا يَٰمُوسَىٰ ﴿٤٩﴾

قَالَ رَبُّنَا ٱلَّذِىٓ أَعْطَىٰ كُلَّ شَىْءٍ خَلْقَهُۥ ثُمَّ هَدَىٰ ﴿٥٠﴾

قَالَ فَمَا بَالُ ٱلْقُرُونِ ٱلْأُولَىٰ ﴿٥١﴾

قَالَ عِلْمُهَا عِندَ رَبِّى فِى كِتَٰبٍ لَّا يَضِلُّ رَبِّى وَلَا يَنسَى ﴿٥٢﴾

ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ مَهْدًا وَسَلَكَ لَكُمْ فِيهَا سُبُلًا وَأَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦٓ أَزْوَٰجًا مِّن نَّبَاتٍ شَتَّىٰ ﴿٥٣﴾

كُلُوا۟ وَٱرْعَوْا۟ أَنْعَٰمَكُمْ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِى ٱلنُّهَىٰ ﴿٥٤﴾

مِنْهَا خَلَقْنَٰكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَىٰ ﴿٥٥﴾

*"Allah berfirman: Janganlah kamu berdua merasa bimbang kerana sesungguhnya Aku bersama kamu, Aku sentiasa mendengar dan melihat(46). Hendaklah kamu berdua menemuinya dan katakanlah: Sesungguhnya kami berdua adalah utusan dari Tuhanmu. Oleh itu lepaskanlah Bani Israel keluar bersama kami dan janganlah engkau tindaskan mereka. Sesungguhnya kami telah membawa kepadamu bukti dari Tuhanmu,dan kesejahteraan itu dikurniakan kepada sesiapa yang mengikut hidayat Allah(47). Sesungguhnya telah diwahyukan kepada kami bahawa 'azab (Allah) itu ditimpakan ke atas sesiapa yang mendusta dan berpaling (dari hidayat)(48). Fir'aun bertanya: Siapakah Tuhan kamu berdua, wahai Musa?(49). Jawab Musa: Tuhan kami ialah (Tuhan) yang telah memberikan kepada setiap sesuatu itu bentuk kejadian yang sesuai dengannya, kemudian dia memberi hidayat(50). Fir'aun bertanya lagi: Bagaimana pula keadaan umat-umat yang dahulu kala?(51). Jawab Musa: Pengetahuan mengenai umat-umat itu berada disisi Tuhanku tertulis di dalam sebuah buku, Tuhanku tidak pernah keliru dan tidak pernah lupa(52). Dialah yang telah menjadikan bumi untuk kamu sebagai hamparan dan mengadakan padanya jalan-jalan untuk kamu, Dia juga yang menurunkan hujan dari langit, dan dengan siramannya kami keluarkan pasangan-pasangan dari bermacam-macam tumbuhan (53). Makanlah kamu dan gembalakanlah ternakan-ternakan kamu. Sesungguhnya pada kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan (Allah) bagi orang-orang yang berakal(54). Dari tanah (bumi) Kami ciptakan kamu dan kepadanya Kami akan pulangkan kamu dan daripadanya juga Kami akan keluarkan kamu pada suatu ketika yang lain"(55).*

وَلَقَدْ أَرَيْنَٰهُ ءَايَٰتِنَا كُلَّهَا فَكَذَّبَ وَأَبَىٰ ﴿٥٦﴾

قَالَ أَجِئْتَنَا لِتُخْرِجَنَا مِنْ أَرْضِنَا بِسِحْرِكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿٥٧﴾

فَلَنَأْتِيَنَّكَ بِسِحْرٍ مِّثْلِهِۦ فَٱجْعَلْ بَيْنَنَا وَبَيْنَكَ مَوْعِدًا لَّا نُخْلِفُهُۥ نَحْنُ وَلَآ أَنتَ مَكَانًا سُوًى ﴿٥٨﴾

قَالَ مَوْعِدُكُمْ يَوْمُ ٱلزِّينَةِ وَأَن يُحْشَرَ ٱلنَّاسُ ضُحًى ﴿٥٩﴾

فَتَوَلَّىٰ فِرْعَوْنُ فَجَمَعَ كَيْدَهُۥ ثُمَّ أَتَىٰ ﴿٦٠﴾

قَالَ لَهُم مُّوسَىٰ وَيْلَكُمْ لَا تَفْتَرُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا فَيُسْحِتَكُم بِعَذَابٍ وَقَدْ خَابَ مَنِ ٱفْتَرَىٰ ﴿٦١﴾

فَتَنَٰزَعُوٓا۟ أَمْرَهُم بَيْنَهُمْ وَأَسَرُّوا۟ ٱلنَّجْوَىٰ ﴿٦٢﴾

قَالُوٓا۟ إِنْ هَٰذَٰنِ لَسَٰحِرَٰنِ يُرِيدَانِ أَن يُخْرِجَاكُم مِّنْ أَرْضِكُم بِسِحْرِهِمَا وَيَذْهَبَا بِطَرِيقَتِكُمُ ٱلْمُثْلَىٰ ﴿٦٣﴾

فَأَجْمِعُوا۟ كَيْدَكُمْ ثُمَّ ٱئْتُوا۟ صَفًّا وَقَدْ أَفْلَحَ ٱلْيَوْمَ مَنِ ٱسْتَعْلَىٰ ﴿٦٤﴾

قَالُوا۟ يَٰمُوسَىٰٓ إِمَّآ أَن تُلْقِىَ وَإِمَّآ أَن نَّكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَلْقَىٰ ﴿٦٥﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah memperlihatkan kepada Fir'aun segala tanda-tanda kekuasaan tetapi dia telah*

*mendustakannya dan enggan menerima(56). Fir'aun berkata: Adakah (tujuan) engkau datang kepada kamiuntuk mengusirkan kami dari negeri kami dengan (kepandaian) sihirmu, wahai Musa?(57) Sesungguhnya kami akan membawa kepadamu sihir yang seperti itu juga. Oleh itu tetapkanlah satu hari (pertandingan) di antara kami dengan engkau, yang mana kami dan engkau tidak akan memungkirinya di suatu tempat yang terbuka(58). Jawab Musa: Hari (pertandingan di antara kami dan) kamu ialah pada hari raya (yang akan datang) dan hendaklah orang ramai dikumpulkan di waktu pertengahan pagi(59). Kemudian Fir'aun beredar (dari majlis itu) lalu mengumpulkan segala tipu dayanya (tukang-tukang sihir) kemudian dia datang (pada hari pertandingan)(60). Berkatalah Musa kepada mereka (ahli-ahli sihir): Celakalah kamu! Janganlah kamu mengada-adakan pembohongan terhadap Allah, kerana akibatnya Dia akan membinasakan kamu dengan 'azab seksa. Sesungguhnya amat rugilah orang-orang yang telah mengada-adakan pembohongan (terhadap Allah)(61). Lalu mereka berselisih di antara mereka mengenaiurusan mereka dan merahsiakan perbincangan mereka(62). Mereka berkata: Sesungguhnya kedua-dua orang ini mahu mengusirkan kamu keluar dari negeri kamu dengan kepandaian sihir mereka dan menghapuskan agama kamu yang unggul(63). Oleh itu satukanlah tipu daya kamu kemudian datanglah dalam satu barisan yang padu. Sesungguhnya beruntunglah orang yang menang pada hari ini(64). Mereka berkata: Wahai Musa! (Pilihlah) sama ada engkau yang mula mencampakkannya atau kami yang mula mencampakkannya?"(65)*

قَالَ بَلۡ أَلۡقُواْۖ فَإِذَا حِبَالُهُمۡ وَعِصِيُّهُمۡ يُخَيَّلُ إِلَيۡهِ مِن
سِحۡرِهِمۡ أَنَّهَا تَسۡعَىٰ ٦٦
فَأَوۡجَسَ فِي نَفۡسِهِۦ خِيفَةٗ مُّوسَىٰ ٦٧
قُلۡنَا لَا تَخَفۡ إِنَّكَ أَنتَ ٱلۡأَعۡلَىٰ ٦٨
وَأَلۡقِ مَا فِي يَمِينِكَ تَلۡقَفۡ مَا صَنَعُوٓاْۖ إِنَّمَا صَنَعُواْ كَيۡدُ
سَٰحِرٖۖ وَلَا يُفۡلِحُ ٱلسَّاحِرُ حَيۡثُ أَتَىٰ ٦٩
فَأُلۡقِيَ ٱلسَّحَرَةُ سُجَّدٗا قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِرَبِّ هَٰرُونَ وَمُوسَىٰ ٧٠
قَالَ ءَامَنتُمۡ لَهُۥ قَبۡلَ أَنۡ ءَاذَنَ لَكُمۡۖ إِنَّهُۥ لَكَبِيرُكُمُ ٱلَّذِي
عَلَّمَكُمُ ٱلسِّحۡرَۖ فَلَأُقَطِّعَنَّ أَيۡدِيَكُمۡ وَأَرۡجُلَكُم مِّنۡ
خِلَٰفٖ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمۡ فِي جُذُوعِ ٱلنَّخۡلِ وَلَتَعۡلَمُنَّ أَيُّنَآ
أَشَدُّ عَذَابٗا وَأَبۡقَىٰ ٧١
قَالُواْ لَن نُّؤۡثِرَكَ عَلَىٰ مَا جَآءَنَا مِنَ ٱلۡبَيِّنَٰتِ وَٱلَّذِي
فَطَرَنَاۖ فَٱقۡضِ مَآ أَنتَ قَاضٍۖ إِنَّمَا تَقۡضِي هَٰذِهِ ٱلۡحَيَوٰةَ
ٱلدُّنۡيَآ ٧٢
إِنَّآ ءَامَنَّا بِرَبِّنَا لِيَغۡفِرَ لَنَا خَطَٰيَٰنَا وَمَآ أَكۡرَهۡتَنَا عَلَيۡهِ
مِنَ ٱلسِّحۡرِۗ وَٱللَّهُ خَيۡرٞ وَأَبۡقَىٰٓ ٧٣
إِنَّهُۥ مَن يَأۡتِ رَبَّهُۥ مُجۡرِمٗا فَإِنَّ لَهُۥ جَهَنَّمَ لَا يَمُوتُ فِيهَا
وَلَا يَحۡيَىٰ ٧٤
وَمَن يَأۡتِهِۦ مُؤۡمِنٗا قَدۡ عَمِلَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَأُوْلَٰٓئِكَ لَهُمُ
ٱلدَّرَجَٰتُ ٱلۡعُلَىٰ ٧٥

*"Jawab Musa: Bahkan silalah kamu campakkan dahulu, maka tiba-tiba tali-tali dan tongkat-tongkat mereka terperasan kepada Musa seakan-akan berjalan kerana kepandaian sihir mereka(66). Lalu Musa merasa takut di dalam hatinya(67). Lalu Kami berkata: Janganlah engkau takut kerana engkaulah yang akan menang(68). Dan campakkanlah apa yang ada di tanganmu itu nescaya ia akan menelan segala apa yang dibuat mereka. Sesungguhnya segala apa yang dibuat mereka hanya tipu daya tukang sihir sahaja, sedangkan tukang sihir itu tidak akan mendapat kejayaan biarpun dari mana sahaja dia datang(69). Lalu tukang-tukang sihir itu merebahkan diri sujud seraya berkata: Kami telah beriman kepada Tuhan Harun dan Musa(70). Fir'aun berkata: Apakah wajar kamu beriman kepadanya sebelum aku memberi keizinan kepada kamu? Sesungguhnya dia (Musa) rupa-rupanya menjadi pemimpin kamu yang mengajar ilmu sihir kepada kamu, maka kerana itu aku akan potong tangan dan kaki kamu dengan bersilang dan aku akan palangkan kamu di batang-batang pokok tamar. Sesungguhnya kamu akan mengetahui siapakah di antara kami yang lebih dahsyat dan kekal 'azab keseksaannya?(71) Jawab mereka: Kami tidak akan mengutamakan engkau dari bukti-bukti (kekuasaan Allah) yang jelas, yang telah datang kepada kami dan dari Tuhan yang telah menciptakan kami, maka hukumkanlah kami apa sahaja hukuman (yang engkau suka) kerana engkau hanya boleh menghukum dalam kehidupan dunia ini sahaja(72). Sesungguhnya kami telah beriman kepada Tuhan kami supaya Dia mengampunkan kesalahan-kesalahan kami dan mengampunkan amalan sihir yang telah engkau paksakannya ke atas kami, dan Allah itulah yang lebih baik dan lebih kekal (balasan pahalanya)(73). Sesungguhnya barang siapa yang menemui Tuhannya dengan keadaan berdosa, maka dia akan mendapat Neraka Jahannam, di mana dia tidak mati dan tidak pula hidup(74). Dan barang siapa yang menemui-Nya dengan keadaan beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka mereka akan memperolehi darjat-darjat yang amat tinggi"(75).*

جَنَّٰتُ عَدۡنٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ وَذَٰلِكَ
جَزَآءُ مَن تَزَكَّىٰ ٧٦
وَلَقَدۡ أَوۡحَيۡنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنۡ أَسۡرِ بِعِبَادِي فَٱضۡرِبۡ
لَهُمۡ طَرِيقٗا فِي ٱلۡبَحۡرِ يَبَسٗا لَّا تَخَٰفُ دَرَكٗا وَلَا تَخۡشَىٰ ٧٧

فَأَتْبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ بِجُنُودِهِۦ فَغَشِيَهُم مِّنَ ٱلْيَمِّ مَا غَشِيَهُمْ ﴿٧٨﴾

وَأَضَلَّ فِرْعَوْنُ قَوْمَهُۥ وَمَا هَدَىٰ ﴿٧٩﴾

يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ قَدْ أَنجَيْنَٰكُم مِّنْ عَدُوِّكُمْ وَوَٰعَدْنَٰكُمْ جَانِبَ ٱلطُّورِ ٱلْأَيْمَنَ وَنَزَّلْنَا عَلَيْكُمُ ٱلْمَنَّ وَٱلسَّلْوَىٰ ﴿٨٠﴾

كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ وَلَا تَطْغَوْا۟ فِيهِ فَيَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبِى ۖ وَمَن يَحْلِلْ عَلَيْهِ غَضَبِى فَقَدْ هَوَىٰ ﴿٨١﴾

وَإِنِّى لَغَفَّارٌ لِّمَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا ثُمَّ ٱهْتَدَىٰ ﴿٨٢﴾

وَمَآ أَعْجَلَكَ عَن قَوْمِكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿٨٣﴾

قَالَ هُمْ أُو۟لَآءِ عَلَىٰٓ أَثَرِى وَعَجِلْتُ إِلَيْكَ رَبِّ لِتَرْضَىٰ ﴿٨٤﴾

قَالَ فَإِنَّا قَدْ فَتَنَّا قَوْمَكَ مِنۢ بَعْدِكَ وَأَضَلَّهُمُ ٱلسَّامِرِىُّ ﴿٨٥﴾

*"(Iaitu) Syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Dan itulah balasan kepada orang yang membersihkan dirinya(76). Dan sesungguhnya Kami telah mewahyukan kepada Musa: Bawalah keluar hamba-hamba-Ku (Bani Israel) di waktu malam dan belahkan (dengan tongkatmu) satu jalan yang kering di lautan untuk dilalui mereka. Janganlah engkau bimbang ditangkap (Fir'aun) dan jangan pula takut (tenggelam dalam lautan)(77). Kemudian Fir'aun mengejar mereka dengan bala tenteranya lalu mereka diliputi dan ditenggelami air laut dengan keadaan yang amat dahsyat(78). Dan Fir'aun telah menyesatkan kaumnya dan tidak pernah memberi petunjuk (kepada mereka)(79). Wahai Bani Israel! Sesungguhnya Kami telah menyelamatkan kamu sekalian dari musuh kamu dan Kami telah menetapkan perjanjian dengan kamu (untuk menurunkan Kitab Taurat) di sebelah kanan Bukit Tursina itu. Dan Kami telah menurunkan kepada kamu Manna dan Salwa(80). Makanlah segala rezeki yang baik yang telah Kami kurniakan kepada kamu dan janganlah kamu melampaui batasnya menyebabkan kamu ditimpa kemurkaan-Ku, dan barang siapa yang ditimpa kemurkaan-Ku, maka sesungguhnya dia telah terhumban (ke dalam kebinasaan)(81). Dan sesungguhnya Aku Maha Pengampun kepada sesiapa sahaja yang bertaubat dan mengerjakan amalan yang soleh kemudian terus mengikut jalan hidayat(82). Mengapakah engkau datang lebih cepat dari kaummu, wahai Musa?(83) Jawab Musa: Itulah mereka sedang menyusulku dan aku datang segera kepada-Mu, wahai Tuhanku, supaya Engkau redha terhadapku(84). Allah berfirman: Sesungguhnya Aku telah menguji kaummu selepas pemergianmu dan mereka telah disesatkan oleh as-Samiri"(85).*

فَرَجَعَ مُوسَىٰٓ إِلَىٰ قَوْمِهِۦ غَضْبَٰنَ أَسِفًا ۚ قَالَ يَٰقَوْمِ أَلَمْ يَعِدْكُمْ رَبُّكُمْ وَعْدًا حَسَنًا ۚ أَفَطَالَ عَلَيْكُمُ ٱلْعَهْدُ أَمْ أَرَدتُّمْ أَن يَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبٌ مِّن رَّبِّكُمْ فَأَخْلَفْتُم مَّوْعِدِى ﴿٨٦﴾

قَالُوا۟ مَآ أَخْلَفْنَا مَوْعِدَكَ بِمَلْكِنَا وَلَٰكِنَّا حُمِّلْنَآ أَوْزَارًا مِّن زِينَةِ ٱلْقَوْمِ فَقَذَفْنَٰهَا فَكَذَٰلِكَ أَلْقَى ٱلسَّامِرِىُّ ﴿٨٧﴾

فَأَخْرَجَ لَهُمْ عِجْلًا جَسَدًا لَّهُۥ خُوَارٌ فَقَالُوا۟ هَٰذَآ إِلَٰهُكُمْ وَإِلَٰهُ مُوسَىٰ فَنَسِىَ ﴿٨٨﴾

أَفَلَا يَرَوْنَ أَلَّا يَرْجِعُ إِلَيْهِمْ قَوْلًا وَلَا يَمْلِكُ لَهُمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا ﴿٨٩﴾

وَلَقَدْ قَالَ لَهُمْ هَٰرُونُ مِن قَبْلُ يَٰقَوْمِ إِنَّمَا فُتِنتُم بِهِۦ ۖ وَإِنَّ رَبَّكُمُ ٱلرَّحْمَٰنُ فَٱتَّبِعُونِى وَأَطِيعُوٓا۟ أَمْرِى ﴿٩٠﴾

*"Lalu Musa pulang kepada kaumnya dengan keadaan marah dan sedih dan berkata: Wahai kaumku! Bukankah Tuhan kamu telah menetapkan satu perjanjian yang baik dengan kamu? Apakah masa perjanjian itu terlalu lama kepada kamu atau kamu mahu ditimpakan kemurkaan dari Tuhan kamu, maka kerana ini kamu melanggar perjanjianku?(86) Jawab mereka: Kami tidak melanggar perjanjianmu dengan kemahuan kami, tetapi kami disuruh membawa beban dari perhiasan kaum (Mesir) itu lalu kami campakkannya (ke dalam api) dan begitu juga as-Samiri turut mencampakkannya(87). Lalu as-Samiri mengeluarkan untuk mereka (dari leburan perhiasan itu) patung anak lembu yang bertubuh dan bersuara. Maka berkatalah mereka. Inilah tuhan kamu dan tuhan Musa tetapi dia (Musa) telah lupakannya(88). Apakah mereka tidak melihat bahawa patung anak lembu tidak dapat memberi jawapan kepada mereka dan tidak juga dapat memberi sebarang mudharat dan manfa'at?(89) Sesungguhnya Harun sebelum itu telah berkata kepada mereka: Wahai kaumku! Sebenarnya kamu telah diuji dengan anak lembu itu dan sesungguhnya Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Penyayang, maka ikutilah aku dan ta'atilah perintahku"(90).*

قَالُوا۟ لَن نَّبْرَحَ عَلَيْهِ عَٰكِفِينَ حَتَّىٰ يَرْجِعَ إِلَيْنَا مُوسَىٰ ﴿٩١﴾

قَالَ يَٰهَٰرُونُ مَا مَنَعَكَ إِذْ رَأَيْتَهُمْ ضَلُّوٓا۟ ﴿٩٢﴾

أَلَّا تَتَّبِعَنِ ۖ أَفَعَصَيْتَ أَمْرِى ﴿٩٣﴾

قَالَ يَبْنَؤُمَّ لَا تَأْخُذْ بِلِحْيَتِي وَلَا بِرَأْسِيٓ إِنِّي خَشِيتُ أَن تَقُولَ فَرَّقْتَ بَيْنَ بَنِيٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَمْ تَرْقُبْ قَوْلِي ﴿٩٤﴾ قَالَ فَمَا خَطْبُكَ يَٰسَٰمِرِيُّ ﴿٩٥﴾ قَالَ بَصُرْتُ بِمَا لَمْ يَبْصُرُواْ بِهِۦ فَقَبَضْتُ قَبْضَةً مِّنْ أَثَرِ ٱلرَّسُولِ فَنَبَذْتُهَا وَكَذَٰلِكَ سَوَّلَتْ لِي نَفْسِي ﴿٩٦﴾ قَالَ فَٱذْهَبْ فَإِنَّ لَكَ فِي ٱلْحَيَوٰةِ أَن تَقُولَ لَا مِسَاسَ وَإِنَّ لَكَ مَوْعِدًا لَّن تُخْلَفَهُۥ وَٱنظُرْ إِلَىٰٓ إِلَٰهِكَ ٱلَّذِي ظَلْتَ عَلَيْهِ عَاكِفًا لَّنُحَرِّقَنَّهُۥ ثُمَّ لَنَنسِفَنَّهُۥ فِي ٱلْيَمِّ نَسْفًا ﴿٩٧﴾ إِنَّمَآ إِلَٰهُكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَسِعَ كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا ﴿٩٨﴾

*"Jawab mereka: Kami tetap menyembah patung anak lembu itu hingga Musa kembali kepada kami(91). Berkatalah Musa: Wahai Harun! Apakah sebab yang telah menghalangi engkau apabila engkau melihat mereka telah sesat(92). (Sehingga) engkau tidakmengikut pesananku, apakah engkau sengaja melanggar perintahku?(93) Jawab Harun: Wahai putera ibuku! Janganlah engkau pegang janggutku dan (rambut) kepalaku. Sesungguhnya aku bimbang nanti engkau akan berkata kepadaku: Engkau telah memecahbelahkan di antara Bani Israel dan tidak mengamati pesananku(94). Musa bertanya: Apakah yang mendorong engkau (berbuat begitu), wahai Samiri?(95) Jawab Samiri: Aku mengetahui sesuatu yang tidak diketahui mereka, lalu aku mengambil segenggam dari kesan jejak Rasul kemudian aku campakkannya. Demikianlah aku didorong olah nafsuku(96). Berkatalah Musa: Pergilah engkau! Sesungguhnya dalam kehidupan dunia ini engkau hanya dapat berkata: Jangan sentuh aku. Dan engkau mempunyai masa (hukuman di Akhirat) yang tidak akan dapat dihindari engkau. Dan lihatlah kepada tuhanmu yang engkau tetap menyembahkannya, sesungguhnya kami akan membakarkannya kemudian kami akan leburkannya ke dalam laut selebur-leburnya(97). Sesungguhnya Tuhan kamu hanyalah Allah, yang tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, ilmu-Nya meliputi segala sesuatu"(98).*

**(Latar belakang dan pokok pembicaraan)**

Surah ini dimula dan ditamatkan dengan ayat-ayat yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk menerangkan tugasnya dan batas-batas kewajipannya, iaitu tugas kerasulan itu bukanlah suatu kesusahan yang dikenakan ke atas beliau dan bukanlah suatu keseksaan untuk mengazabkannya, malah tugas beliau ialah berda'wah dan menyampaikan peringatan, iaitu memberi tabsyir dan amaran (kepada manusia), dan selepas itu segala urusan penciptaan adalah terpulang kepada Allah Yang Maha Esa, yang tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia. Dialah yang menguasai segala isi alam buana lahir dan batin. Dialah Yang Maha Mendalam Ilmu-Nya terhadap isi kandungan hati manusia yang zahir dan yang tersembunyi. Seluruh dahi tunduk kepada-Nya dan seluruh insan akan kembali kepada-Nya sama ada yang ta'at atau yang menderhaka. Oleh itu seorang rasul tidak bertanggungjawab terhadap orang-orang yang mendusta dan tidak percaya. Dia juga tidak akan mendapat kesusahan kerana mereka mendusta dan tidak percaya.

Di antara permulaan dan pengakhiran surah ditayangkan kisah Musa a.s. dari babak beliau menjadi rasul hingga kepada babak Bani Israel menyembah anak lembu setelah mereka keluar dari negeri Mesir. Semuanya diceritakan dengan terperinci dan panjang lebar terutama babak munajat di antara Allah dengan Musa a.s. Di celah-celah kisah itu nampak jelas betapa rapinya ri'ayah Allah terhadap Musa yang dibelaikannya di bawah penglihatan-Nya dan menjadikan beliau hamba kesayangan-Nya. Allah berfirman kepada beliau dan saudaranya:

قَالَ لَا تَخَافَآ إِنَّنِي مَعَكُمَآ أَسْمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

*"Janganlah kamu berdua merasa bimbang kerana sesungguhnya Aku bersama kamu berdua, Aku sentiasa mendengar dan melihat."(46)*

Kemudian diceritakan pula kisah 'Adam secara sepintas lalu, di mana ditonjolkan betapa limpahnya rahmat Allah terhadap 'Adam setelah beliau melakukan kesalahan dan betapa limpah hidayat-Nya kepada beliau, juga diterangkan bahawa anak-anak cucu 'Adam yang telah diberi peringatan dan amaran itu adalah diberi kebebasan memilih di antara hidayat dengan kesesatan.

Kisah ini dilingkungi pula dengan pemandangan-pemandangan Qiamat seolah-olah untuk melengkapkan cerita 'Adam yang bermula di alam al-Mala'ul-A'la, yang mana pada akhirnya orang yang ta'at akan pulang kembali ke Syurga dan orang-orang yang derhaka akan pulang ke Neraka sebagai menepati janji Allah kepada 'Adam, moyang ulung mereka ketika beliau diturunkan ke bumi selepas berlakunya peristiwa beliau melakukan kesalahan.

Oleh sebab itulah penerangan surah ini berlangsung dalam dua pusingan. Pusingan yang pertama mengandungi permulaan surah yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w:

مَآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ لِتَشْقَىٰٓ ﴿٢﴾

*"Kami tidak menurunkan Al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau mendapat kesusahan."(2)*

إِلَّا تَذۡكِرَةٗ لِّمَن يَخۡشَىٰ ٣

*"Melainkan semata-mata supaya menjadi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah."(3)*

Kemudian diikuti pula dengan kisah Nabi Musa a.s. sebagai satu contoh lengkap yang menunjukkan betapa rapinya ri'ayah Allah terhadap para rasul-Nya yang dipilih untuk menyampaikan da'wah-Nya. Mereka tidak mendapat kesusahan dan kecelakaan di bawah perlindungan-Nya.

Pusingan yang kedua mengandungi pemandangan-pemandangan Qiamat dan kisah 'Adam a.s. yang sealiran dengan permulaan surah di samping kisah Musa a.s., kemudian akhir surah ditutup dengan pembicaraan yang serupa dan selaras dengan permulaan surah dan suasananya.

Surah ini mempunyai satu bayangan istimewa yang menyelubungi seluruh suasananya, iaitu bayangan maqam ketinggian Ilahi Yang Maha Besar, di mana seluruh hati manusia merendah khusyu' kepada-Nya dan seluruh jiwa mereka merasa tenang dan tenteram dengan-Nya dan seluruh dahi tunduk ta'at kepada-Nya. Itulah bayangan yang diliputi oleh tajalli Allah yang Rahman ke atas Lembah Tuwa yang suci dan ke atas hamba-Nya Musa a.s. dalam peristiwa munajat yang panjang, ketika itu malam sunyi sepi dan Musa sendirian dan seluruh alam buana menyambut gema munajat yang panjang itu. Itulah bayangan yang diliputi tajalli Allah yang Qayum di padang Mahsyar yang amat besar itu:

وَخَشَعَتِ ٱلۡأَصۡوَاتُ لِلرَّحۡمَٰنِ فَلَا تَسۡمَعُ إِلَّا هَمۡسٗا ١٠٨

*"Dan seluruh suara merendah khusyu' kepada Allah Yang Maha Penyayang (oleh itu di sana) engkau tidak dapat mendengar kecuali suara bisikan sahaja."(108)*

وَعَنَتِ ٱلۡوُجُوهُ لِلۡحَيِّ ٱلۡقَيُّومِۖ

*"Dan seluruh wajah tunduk merendahkan diri kepada Allah Yang Maha Hidup dan Maha Mentadbir."(111)*

Nada irama seluruh surah ini selaras dengan suasana yang seperti ini dari permulaan surah hingga ke akhirnya, iaitu sebuah nada irama yang lembut, merdu dan lunak dengan bunyi panjang (madd) pada hampir seluruh kata-kata akhir setiap ayat yang berakhir dengan alif maqsurah itu.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 8)**

طه ١

مَآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكَ ٱلۡقُرۡءَانَ لِتَشۡقَىٰٓ ٢

إِلَّا تَذۡكِرَةٗ لِّمَن يَخۡشَىٰ ٣

تَنزِيلٗا مِّمَّنۡ خَلَقَ ٱلۡأَرۡضَ وَٱلسَّمَٰوَٰتِ ٱلۡعُلَى ٤

ٱلرَّحۡمَٰنُ عَلَى ٱلۡعَرۡشِ ٱسۡتَوَىٰ ٥

لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَا وَمَا تَحۡتَ ٱلثَّرَىٰ ٦

وَإِن تَجۡهَرۡ بِٱلۡقَوۡلِ فَإِنَّهُۥ يَعۡلَمُ ٱلسِّرَّ وَأَخۡفَى ٧

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۖ لَهُ ٱلۡأَسۡمَآءُ ٱلۡحُسۡنَىٰ ٨

*"Ta. Ha."(1). Kami tidak menurunkan Al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau mendapat kesusahan(2). Melainkan semata-mata supaya menjadi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah(3). (Al-Qur'an itu) diturunkan dari Tuhan yang telah menciptakan bumi dan langit yang amat tinggi(4).Iaitu Allah Yang Maha Penyayang yang bersemayam di 'Arasy(5). Yang memiliki segala isi langit, segala isi bumi, segala makhluk yang ada di antara keduanya dan segala apa yang ada di bawah tanah(6). Dan andainya engkau menyaringkan pengucapanmu, maka sesungguhnya Allah itu mengetahui segala rahsia dan apa yang lebih tersembunyi lagi(7). Dialah Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia. Dia mempunyai nama-nama yang paling indah."(8)*

Satu permulaan kata yang amat lembut dan lunak menggunakan huruf-huruf potongan "Ta, Ha" untuk menyedarkan bahawa surah ini sama seperti surah-surah Al-Qur'an yang lain adalah digubahkan dari huruf-huruf potongan seperti ini sebagaimana telah kami jelaskan pada permulaan-permulaan surah-surah yang lain. Dalam surah ini Allah memilih dua huruf yang berakhir dengan nada yang sama dengan nada surah. Kedua-duanya juga dibunyikan pendek-pendek dan tidak di panjang-panjang untuk menyelaraskan bunyi nada itu.

Selepas menyebut dua huruf ini terus diiringi dengan sebuah pernyataan mengenai Al-Qur'an sebagaimana biasa di dalam surah-surah yang dimulakan dengan huruf-huruf potongan. Pernyataan itu dibuat dalam bentuk ungkapan yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w:

مَآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكَ ٱلۡقُرۡءَانَ لِتَشۡقَىٰٓ ٢

*"Kami tidak menurunkan Al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau mendapat kesusahan."(2)*

Tujuan diturunkan Al-Qur'an kepadamu bukanlah, supaya engkau mendapat kesusahan dengan sebabnya atau mendapat kesusahan kerana membacanya dan beribadat dengannya hingga melampaui tenaga kemampuan engkau. Al-Qur'an itu telah disusun begitu mudah dengan tujuan untuk memberi peringatan kepada manusia. Taklif-taklif yang ditetapkan oleh Al-Qur'an tidaklah melebihi tenaga kemampuan manusia. Al-Qur'an tidak mentaklifkan engkau (wahai Muhammad) melainkan sekadar keupayaan yang ada padamu sahaja. Ia tidak mewajibkan ke atasmu melainkan sekadar yang dapat dipikul oleh daya tenagamu sahaja. Ia mentaklifkan engkau berta'abbud dengannya dalam batas-batas

kemampuan engkau sahaja yang dapat melahirkan keni'matan bukannya kesusahan, di samping membuka peluang (kepada manusia) untuk berhubung dengan alam al-Mala'ul-A'la untuk mencari kekuatan dan ketenteraman, dan untuk meni'mati perasaan kerelaan, kepuasan, kemesraan dan keni'matan sampai kepada Allah.

Tujuan Kami turunkan Al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) bukanlah supaya engkau menderita kesusahan apabila manusia tidak beriman kepadanya, kerana engkau bukanlah ditugas untuk memaksa mereka supaya beriman dan bukanlah pula ditugas untuk menanggung kedukacitaan terhadap keengganan mereka. Al-Qur'an ini tidak diturun melainkan hanya semata-mata untuk tujuan memberi peringatan dan amaran kepada manusia:

إِلَّا تَذۡكِرَةٗ لِّمَن يَخۡشَىٰ ٣

*"Melainkan semata-mata supaya menjadi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah."(3)*

Mana-mana orang yang takut kepada Allah akan mengambil pengajaran dari Al-Qur'an apabila dia diperingatkan dengannya, dan dia akan bertaqwa dan memohon keampunan kepada-Nya. Setakat inilah sahaja berakhirnya tugas Rasulullah s.a.w. Beliau tidak ditugas untuk membuka hati-hati yang tertutup atau untuk menguasai hati dan jiwa manusia, kerana urusan yang seperti ini adalah terpulang kepada Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an ini kerana Dialah sahaja yang menguasai seluruh alam buana dan mengetahui segala rahsia hati manusia:

تَنزِيلٗا مِّمَّنۡ خَلَقَ ٱلۡأَرۡضَ وَٱلسَّمَٰوَٰتِ ٱلۡعُلَى ٤ ٱلرَّحۡمَٰنُ عَلَى ٱلۡعَرۡشِ ٱسۡتَوَىٰ ٥ لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَا وَمَا تَحۡتَ ٱلثَّرَىٰ ٦

*"(Al-Qur'an itu) diturunkan dari Tuhan yang telah menciptakan bumi dan langit yang amat tinggi(4). Iaitu Allah Yang Maha Penyayang yang bersemayam di 'Arasy(5). Yang memiliki segala isi langit, segala isi bumi, segala makhluk yang ada di antara keduanya dan segala apa yang ada di bawah tanah."(6)*

Tuhan yang menurunkan Al-Qur'an ialah Tuhan yang telah menciptakan bumi dan langit-langit yang tinggi. Dan Al-Qur'an juga merupakan satu gejala alam yang sama dengan langit dan bumi yang diturunkan dari alam al-Mala'ul-A'la. Ayat-ayat ini menghubungkan di antara undang-undang yang mengendalikan alam dengan undang-undang syari'at yang diturunkan oleh Al-Qur'an di samping menyelaraskan di antara bayangan langit yang tinggi bersama bumi, dengan bayangan Al-Qur'an yang diturunkan dari alam al-Mala'ul-A'la ke bumi.

Tuhan yang telah menurunkan Al-Qur'an dari alam al-Mala'ul-A'la dan menciptakan bumi dan langit yang tinggi itu ialah Allah yang "Rahman" (Yang Maha Penyayang). Oleh itu tentulah Dia tidak menurunkan Al-Qur'an ini ke atas hamba kesayangan-Nya (Muhammad) supaya beliau mendapat kesusahan. Sifat rahmat (penyayang) yang ditonjolkan di sini ialah untuk mengemukakan maksud ini. Dan Allah Yang Maha Penyayanglah yang menguasai seluruh alam buana:

ٱلرَّحۡمَٰنُ عَلَى ٱلۡعَرۡشِ ٱسۡتَوَىٰ ٥

*"Iaitu Allah Yang Maha Penyayang yang bersemayam di 'Arasy."(5)*

Yang dimaksudkan dengan persemayaman atau al-istiwa' di atas 'Arasy itu ialah bayangan dari penguasaan Allah yang sepenuh (terhadap seluruh alam buana). Jadi, seluruh urusan manusia adalah terpulang kepada-Nya, sedangkan tugas Rasulullah hanya memberi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah.

Di samping sifat Allah yang menguasai segala-galanya ialah sifat-Nya yang memiliki dan mengetahui segala-galanya:

لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَا وَمَا تَحۡتَ ٱلثَّرَىٰ ٦

*"Yang memiliki segala isi langit, segala isi bumi, segala makhluk yang ada di antara keduanya dan segala apa yang ada di bawah tanah."(6)*

Pemandangan-pemandangan alam digunakan dalam pengungkapan ini untuk menonjolkan pengertian sifat Allah yang memiliki dan mengetahui segala-galanya itu dalam bentuk yang dapat difahami oleh daya pemikiran manusia, sedangkan hakikat yang sebenar adalah jauh lebih besar dari itu lagi kerana Allah memiliki segala makhluk alam al-wujud yang lebih besar dari isi alam langit bumi, dari segala sesuatu yang wujud di antara keduanya dan dari segala apa yang ada di bawah tanah.

Ilmu Allah itu meliputi seluas kerajaan yang dimilikinya:

وَإِن تَجۡهَرۡ بِٱلۡقَوۡلِ فَإِنَّهُۥ يَعۡلَمُ ٱلسِّرَّ وَأَخۡفَى ٧

*"Dan andainya engkau menyaringkan pengucapanmu, maka sesungguhnya Allah itu mengetahui segala rahsia dan apa yang lebih tersembunyi lagi."(7)*

Al-Qur'an menyeimbangkan di antara bayangan pengertian yang dibayangkan oleh ayat:

لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَا وَمَا تَحۡتَ ٱلثَّرَىٰ ٦

*"Yang memiliki segala isi langit, segala isi bumi, segala makhluk yang ada di antara keduanya dan segala apa yang ada di bawah tanah"(6)*

dengan bayangan pengertian yang dibayangkan oleh ayat:

وَإِن تَجْهَرْ بِالْقَوْلِ فَإِنَّهُۥ يَعْلَمُ السِّرَّ وَأَخْفَى ﴿٧﴾

*"Dan andainya engkau menyaringkan pengucapanmu, maka sesungguhnya Allah mengetahui segala rahsia dan apa yang lebih tersembunyi lagi"(7)*

iaitu ia menyeimbangkan di antara keketaraan makhluk yang zahir dan nyata di alam buana ini, juga keketaraan pengucapan kata-kata yang zahir dan terang-terangan dengan kerahsiaan segala apa yang tersembunyi di bawah tanah dan segala apa yang tersimpan di dalam dada, iaitu rahsia-rahsia hati manusia dan yang lebih sulit dari itu lagi mengikut kaedah keseimbangan penggambaran Al-Qur'an. Rahsia merupakan sesuatu yang sulit, dan sesuatu yang lebih sulit dari rahsia itu menggambarkan wujudnya darjat-darjat kesulitan dan kerahsiaan sebagaimana keadaan kesulitan dan kerahsiaan yang wujud di bawah lapisan-lapisan tanah bumi.

Ayat ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. untuk mententeramkan hati beliau bahawa Allah sentiasa bersama dengannya dan sentiasa mendengar pengucapan kata-katanya dan Dia tidak akan meninggalkan beliau bersendirian menanggung kesusahan dengan sebab Al-Qur'an dan menghadapi orang-orang kafir tanpa bantuan. Jika beliau menyeru Allah dengan suara yang lantang, maka Allah mengetahui segala rahsia dan apa yang lebih sulit dari rahsia lagi. Apabila hati Rasul itu sedar bahawa Allah amat dekat dengannya dan mengetahui bahawa Allah mengetahui segala rahsia dan bisikannya, tentulah dia merasa tenteram, puas dan mesra dengan perhubungan yang dekat itu. Dia tidak merasa terpencil di kalangan kaum Musyrikin yang mendusta dan menentang beliau, dia tidak merasa tersisih di kalangan kaum Musyrikin yang menganut kepercayaan dan mempunyai perasaan yang bertentangan dengan kepercayaan dan perasaan beliau.

Bahagian awal surah ini diakhiri dengan sebuah pernyataan yang mengisytiharkan sifat wahdaniyah Allah setelah menerangkan sifat penguasaan, pemilikan dan ilmu-Nya (Yang Maha Mendalam):

اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ ﴿٨﴾

*"Dialah Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia. Dia mempunyai nama-nama yang paling indah."(8)*

Kata-kata "al-Husna" turut serta menyeimbangkan nada akhir ayat, juga menyeimbangkan bayangan pengertiannya dengan bayangan pengertian rahmat, kehampiran dan ri'ayah Allah yang merangkumi suasana bahagian awal dan suasana keseluruhan surah ini.

* * * * * *

### *Kisah Musa Dalam Al- Qur'an*

Kemudian Allah mengisahkan kepada Rasul-Nya cerita Nabi Musa a.s. sebagai contoh untuk menunjukkan bagaimana Allah melindungi para rasul yang telah dipilih untuk membawa da'wah-Nya. Kisah Nabi Musa a.s. merupakan satu kisah yang paling banyak disebut di dalam Al-Qur'an. Ia dikemukakan dalam bentuk babak-babak yang sesuai dengan maudhu' pembicaraan surah yang berkenaan dan sesuai dengan suasana dan bayangan pengertiannya. Setakat ini babak-babak kisah itu telah pun diceritakan di dalam Surah al-Baqarah, Surah al-Ma'idah, Surah al-A'raf, Surah Yunus, Surah al-Isra' dan Surah al-Kahfi, tidak termasuk penceritaan-penceritaan sepintas lalu di dalam surah-surah yang lain.

Di dalam Surah al-Ma'idah diceritakan salah satu dari babak-babaknya iaitu babak yang menggambarkan Bani Israel berhenti di hadapan tanah suci (Baitul-Maqdis). Mereka tidak mahu memasukinya kerana negeri itu diperintah oleh satu kaum yang bermaharajalela. Begitu juga di dalam Surah al-Kahfi telah diceritakan satu babak yang lain, iaitu babak pertemuan Musa dengan seorang hamba yang soleh, yang kemudian bersahabat dengannya dalam satu masa.

Di dalam Surah-surah al-Baqarah, al-A'raf, Yunus dan khususnya di dalam surah ini banyak babak-babak kisah itu telah dikemukakan, tetapi babak-babak ini tidak sama penceritaannya dari surah ke satu surah dan tidak sama pula sudut kisah yang diceritakannya mengikut persesuaian dengan tujuan surah yang memuatkan kisah itu.

Di dalam Surah al-Baqarah, kisah itu diceritakan selepas kisah 'Adam dan penghormatan yang diperolehinya di alam al-Mala'ul-A'la dan bagaimana beliau dilantik menjadi khalifah di bumi dan bagaimana beliau dikurniakan ni'mat setelah mendapat keampunan dari Allah. Oleh itu kisah Nabi Musa a.s. dengan Bani Israel itu diceritakan dalam surah ini dengan tujuan untuk mengingatkan kaum Bani Israel (di zaman Rasulullah) terhadap ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada mereka, juga terhadap janji Allah kepada mereka terhadap pertolongan Allah menyelamatkan mereka dari Fir'aun dan kuncu-kuncunya, terhadap permohonan mereka meminta hujan dan bagaimana Allah mengalirkan matair-matair untuk mereka, juga terhadap limpah kurnia Allah yang telah memberikan Manna dan Salwa untuk menjadi makanan kepada mereka. Kisah itu juga menyebut cerita perjanjian Allah dengan Musa dan cerita Bani Israel menyembah patung anak lembu selepas pemergian beliau (bermunajat dengan Allah), kemudian Allah mengampunkan dosa mereka dan membuat perjanjian dengan mereka di bawah Bukit Tursina, kemudian cerita mereka yang melanggar larangan hari Sabtu dan cerita penyembelihan lembu (yang diperintahkan kepada mereka).

Di dalam Surah al-A'raf kisah Musa diceritakan selepas Al-Qur'an memberi amaran dan menjelaskan akibat-akibat yang telah menimpa mereka yang mendustakan ayat-ayat Allah sebelum kedatangan Musa a.s. Cerita itu dimulakan dengan babak beliau diangkat menjadi rasul kemudian ditayangkan mu'jizat-mu'jizat tongkat, banjir, belalang, kutu-kutu, katak-katak dan darah. Kemudian ditayangkan babak pertandingan dengan ahli-ahli sihir dengan panjang lebar, juga nasib kesudahan yang menimpa Fir'aun dan kuncu-kuncunya yang pendusta, kemudian diceritakan pula kisah Bani Israel selepas itu, iaitu kisah mereka menyembah anak lembu semasa pemergian Musa (untuk bermunajat dengan Allah). Kemudian kisah ini ditamatkan dengan sebuah pernyataan yang mengumumkan bahawa warisan rahmat dan hidayat Allah itu adalah dikurniakan kepadaorang-orang yang mengikut Muhammad Rasul dan NabiAllah yang ummi.

Di dalam Surah Yunus pula ia diceritakan selepas ditayangkan malapetaka yang membinasakan para pendusta, dan di sini kisah Musa diceritakan dari babak beliau diangkat menjadi rasul serta ditayangkan pemandangan ahli-ahli sihir dan peristiwa kebinasaan Fir'aun dan kaumnya dengan terperinci.

Tetapi di dalam surah ini kisah Musa a.s. diceritakan selepas bahagian awal surah yang membayangkan bahawa Allah sentiasa memberi rahmat dan perlindungan kepada para rasul yang dipilih untuk memikul risalah-Nya dan menyampaikan da'wah-Nya, oleh sebab itu kisah Musa dipayungi dengan suasana rahmat dan perlindungan, di mana ia dimulakan dengan pemandangan munajat kemudian memuatkan contoh-contoh perlindungan dan sokongan Allah kepada beliau dan seterusnya membayangkan bahawa perlindungan yang seperti ini telah pun dikurniakan kepada beliau sebelum diangkat menjadi rasul. Perlindungan Allah telah menemani beliau sejak beliau masih kecil. Perlindungan Ilahi inilah yang menjaga dan membelabeliau:

*"Dan Aku telah campakkan ke atasmu kasihan belas dari-Ku (supaya engkau dikasihi orang) dan supaya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku."(39)*

**(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 16)**

***Kisah Musa Bermunajat Dengan Allah Di Wadi Tuwa***

Sekarang marilah kita ikuti babak-babak kisah ini mengikut bagaimana yang diceritakan di dalam ayat-ayat berikut:

وَهَلْ أَتَىٰكَ حَدِيثُ مُوسَىٰٓ ﴿٩﴾

*"Tidakkah sampai kepadamu cerita Musa?"(9)*

إِذْ رَءَا نَارًا فَقَالَ لِأَهْلِهِ ٱمْكُثُوٓا۟ إِنِّىٓ ءَانَسْتُ نَارًا لَّعَلِّىٓ ءَاتِيكُم مِّنْهَا بِقَبَسٍ أَوْ أَجِدُ عَلَى ٱلنَّارِ هُدًى ﴿١٠﴾

*"Ketika dia melihat api lalu diapun berkata kepada keluarganya: Tinggallah kamu (di sini) sesungguhnya aku nampak api, mudah-mudahan aku dapat membawa kepada kamu sedikit darinya atau mendapat pemandu jalan di tempat api itu."(10)*

"Tidakkah sampai kepadamu cerita Musa?" Di mana dapat dilihat dengan jelas bagaimana Allah memberi perlindungan dan hidayat-Nya kepada orang yang telah dipilih-Nya sebagai rasul?

Lihatlah Nabi Musa a.s. Beliau sekarang sedang berada di dalam perjalanan di antara Madyan dan Mesir di pinggir Bukit Tursina. Kini beliau pulang bersama keluarganya (menuju ke Mesir) setelah beliau menghabiskan masa perkhidmatan yang telah dipersetujui di antara beliau dengan Nabi Allah Syu'ayb a.s. yang telah mengahwinkan beliau dengan salah seorang dari dua orang puterinya dengan syarat beliau berkhidmat kepadanya selama lapan atau sepuluh tahun. Menurut pendapat yang lebih rajih, beliau telah menyempurnakan perkhidmatannya selama sepuluh tahun, kemudian beliau mengambil keputusan berpisah dengan Syu'ayb dan membawa diri serta isterinya pulang ke negeri tumpah darahnya, iaitu negeri tempat tinggal kaumnya Bani Israel yang hidup di bawah pemerintahan Fir'aun yang kejam dan zalim.[1]

Mengapa beliau pulang? Beliau keluar dari negeri Mesir kerana diburu kerajaan Fir'aun. Di sana beliau telah membunuh seorang Qibti apabila beliau melihat orang ini bergaduh dengan seorang Israel. Oleh itu beliau terpaksa meninggalkan negeri Mesir melarikan diri, sedangkan di sana kaumnya Bani Israel hidup di bawah berbagai-bagai tindasan dan keseksaan. Beliau telah mendapat keamanan dan ketenteraman di negeri Madyan di samping mertuanya Syu'ayb yang telah memberi perlindungan dan mengahwinkan beliau dengan salah seorang dari dua orang puterinya. Mengapa beliau pulang?

Itulah daya tarikan cinta tanahair dan keluarga yang diguna qudrat Ilahi sebagai tabir untuk menarik Musa kepada peranan-peranan yang telah disediakannya untuk dimainkan beliau di sana. Demikianlah kita bergerak dalam hidup ini. Kita digerak dan didorongkan berbagai-bagai kerinduan, bisikan-bisikan, cita-cita yang tinggi, kehendak-kehendak yang loba, kesakitan-kesakitan dan angan-angan. Semuanya merupakan sebab-sebab lahir bagi matlamat Ilahi yang tersembunyi. Ia merupakan tabir-tabir yang dapat dilihat mata kasar, yang melindungi tangan qudrat Ilahi yang tidak dapat dilihat mata. Itulah tangan qudrat Allah Pentadbir Yang Maha

---

[1] *Cerita ini telah disebut di dalam babak-babak pertama kisah Musa di dalam Surah al-Qasas yang diturunkan sebelum Surah Taha.*

Agung, Penguasa Yang Maha Agung, Yang Maha Perkasa dan Maha Gagah.

Demikianlah pulangnya Nabi Musa a.s. Beliau telah tersesat jalan di padang pasir yang tandus. Bersama beliau ialah isterinya dan mungkin juga mereka berdua ditemani oleh seorang khadam. Beliau kesesatan jalan di malam yang gelap-gelita di padang gurun yang amat luas. Semuanya ini dapat kita faham dari perkataan beliau kepada isterinya:

إِذْ رَءَا نَارًا فَقَالَ لِأَهْلِهِ ٱمْكُثُوٓا۟ إِنِّىٓ ءَانَسْتُ نَارًا لَّعَلِّىٓ ءَاتِيكُم مِّنْهَا بِقَبَسٍ أَوْ أَجِدُ عَلَى ٱلنَّارِ هُدًى ﴿١٠﴾

*"Ketika dia melihat api lalu diapun berkata kepada keluarganya: Tinggallah kamu (di sini) sesungguhnya aku nampak api, mudah-mudahan aku dapat membawa kepada kamu sedikit darinya atau mendapat pemandu jalan di tempat api itu."(10)*

Biasanya penduduk-penduduk padang pasir menyalakan api di atas cangkat atau tanah-tanah tinggi supaya dapat dilihat oleh musafir-musafir yang berjalan di waktu malam di padang pasir agar mereka dapat menuju ke jalan yang betul atau dapat berhenti menjadi tamu kepada sesiapa yang ada di tempat api itu atau mendapat pemandu yang boleh menunjukkan jalan kepada mereka.

Sebaik sahaja Musa melihat api di padang pasir itu beliau merasa begitu gembira lalu beliau menuju ke tempat api itu untuk mengambil sedikit api supaya isterinya dapat berdiang memanaskan badan kerana malam itu dingin, dan memanglah malam di padang pasir itu amat dingin, atau untuk mendapat pemandu yang boleh menunjuk jalan, atau dapat menemui jalan yang betul dengan suluhan api itu.

Kini beliau sedang berjalan mencari api dan mencari pemandu untuk meneruskan perjalanannya di waktu malam, tetapi di sana beliau menemui satu kejutan yang amat besar, di sana beliau dapati api itu bukan api yang menghangatkan badan tetapi api yang menghangatkan roh, ia bukan api yang memberi petunjuk untuk berjalan di waktu malam tetapi api yang memberi petunjuk untuk berjalan dalam kembara hidup manusia yang agung:

فَلَمَّآ أَتَىٰهَا نُودِىَ يَٰمُوسَىٰٓ ﴿١١﴾
إِنِّىٓ أَنَا۠ رَبُّكَ فَٱخْلَعْ نَعْلَيْكَ إِنَّكَ بِٱلْوَادِ ٱلْمُقَدَّسِ طُوًى ﴿١٢﴾
وَأَنَا ٱخْتَرْتُكَ فَٱسْتَمِعْ لِمَا يُوحَىٰٓ ﴿١٣﴾
إِنَّنِىٓ أَنَا ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعْبُدْنِى وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِذِكْرِىٓ ﴿١٤﴾
إِنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ أَكَادُ أُخْفِيهَا لِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا تَسْعَىٰ ﴿١٥﴾
فَلَا يَصُدَّنَّكَ عَنْهَا مَن لَّا يُؤْمِنُ بِهَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ فَتَرْدَىٰ ﴿١٦﴾

*"Apabila dia sampai di tempat api itu, tiba-tiba dia diseru: Wahai Musa!(11) Sesungguhnya Aku ini adalah Tuhanmu, oleh itu tanggalkanlah dua kasutmu kerana sesungguh-nya engkau sedang berada di Wadi Tuwa yang suci(12). Dan aku telah memilihmu (menjadi Rasul). Oleh itu dengarlah apa yang akan diwahyukan kepadamu (13). Sesungguhnya Aku ini adalah Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Aku. Oleh itu, abdikanlah dirimu kepada-Ku dan dirikanlah solat muntuk mengingati-Ku (14). Sesungguhnya hari Qiamat itu tetap akan datang, Aku sengaja sembunyikan waktunya supaya setiap orang dibalas dengan amalan yang dilakukannya (15). Oleh itu janganlah engkau dihalangi dari mempercayakannya oleh orang yang tidak beriman kepadanya dan mengikut hawa nafsunya, lalu ia menyebabkan engkau binasa."(16)*

Jantung menjadi kering dan seluruh entiti menggigil apabila ia menghayalkan pemandangan yang mengejutkan, di mana Musa berada seorang diri di padang pasir, malam diselubungi gelap-gelita dan sunyi sepi. Ia pergi mencari api yang dilihat bernyala di sebelah Bukit Tursina, tiba-tiba seluruh alam al-wujud di sekelilingnya bergema dengan seruan Ilahi:

إِنِّىٓ أَنَا۠ رَبُّكَ فَٱخْلَعْ نَعْلَيْكَ إِنَّكَ بِٱلْوَادِ ٱلْمُقَدَّسِ طُوًى ﴿١٢﴾

*"Sesungguhnya Aku ini adalah Tuhanmu, oleh itu tanggalkanlah dua kasutmu kerana sesungguhnya engkau sedang berada di Wadi Tuwa yang suci."(12)*

وَأَنَا ٱخْتَرْتُكَ

*"Dan aku telah memilihmu (menjadi rasul)."(13)*

Kini satu makhluk yang amat kecil, lemah dan terbatas segala-galanya sedang menghadapi keagungan Allah yang tidak dapat ditanggap mata, keagungan yang membuat langit dan bumi kelihatan begitu kecil di bawah bayangan-Nya, kini dia menerima pula panggilan Ilahi yang luhur dengan entitinya sebagai manusia yang kerdil... Bagaimana hal ini mungkin berlaku, jika tidak kerana wujudnya Lutfullah?

Itulah sa'at-sa'at di mana seluruh umat manusia yang diwakili Musa a.s. telah terangkat darjatnya begitu tinggi. Cukuplah bagi entiti manusia berbangga kerana mempunyai ketahanan menerima limpahan nur yang luhur itu dalam sedetik waktu, cukuplah bagi umat manusia berbangga kerana mempunyai kesediaan untuk meni'mati komunikasi dengan Allah dalam apa sahaja bentuk komunikasi yang sedemikian rupa. Bagaimana hal ini berlaku? Kita tidak tahu bagaimana ia berlaku, kerana akal

manusia di waktu itu tidak dapat berfikir lagi, dan tindakan maksima yang mampu diambilnya ialah berdiri kagum dan terpesona, di mana ia hanya menyaksi dan terus beriman.

فَلَمَّآ أَتَىٰهَا نُودِيَ يَٰمُوسَىٰٓ ﴿١١﴾

*"Apabila dia sampai di tempat api itu, tiba-tiba dia diseru: Wahai Musa!"(11)*

إِنِّيٓ أَنَا۠ رَبُّكَ

*"Sesungguhnya Aku ini adalah Tuhanmu."(12)*

Beliau "diseru" dengan kata kerja bina majhul. Tiadalah dapat ditentukan dari mana sumber dan arah datangnya seruan itu dan tiadalah dapat ditentukan bentuk dan kaifiyatnya. Tiadalah dapat diterangkan bagaimana Musa mendengar atau menyambut seruan itu. Beliau diseru dengan suatu cara yang tertentu dan menyambut seruan itu dengan suatu cara yang tertentu. Semua urusan ini merupakan urusan Allah dan kita tetap mempercayainya tanpa mempersoalkan bagaimana ia berlaku, kerana cara dan kaifiyatnya adalah di luar daya pemikiran dan kefahaman manusia.

يَٰمُوسَىٰٓ ﴿١١﴾ إِنِّيٓ أَنَا۠ رَبُّكَ فَٱخْلَعْ نَعْلَيْكَ إِنَّكَ بِٱلْوَادِ ٱلْمُقَدَّسِ طُوًى ﴿١٢﴾

*".........Wahai Musa! (11). Sesungguhnya Aku ini adalah Tuhanmu, oleh itu tanggalkanlah dua kasutmu kerana sesungguhnya engkau sedang berada di Wadi Tuwa yang suci." (12)* [2]

Wahai Musa! Engkau sekarang berada di hadrat Allah Yang Maha Tinggi, maka tanggalkanlah kasut dari dua kakimu. Engkau sekarang berada di sebuah lembah, di mana berlangsungnya tajalli Yang Maha Suci, maka janganlah engkau pijakkan lembah ini dengan kasutmu.

وَأَنَا ٱخْتَرْتُكَ

*"Dan aku telah memilihmu (menjadi Rasul)."(13)*

Alangkah besarnya penghormatan ini, kerana Allah sendiri secara langsung memilih seorang hamba-Nya di antara para hamba-Nya yang lain, memilih satu individu di antara kelompok-kelompok hamba-Nya yang hidup di atas planet bumi di antara planet-planet yang lain, sedangkan planet bumi hanya merupakan sebiji debu dalam kumpulan bintang-bintang yang lain, dan kumpulan bintang-bintang itu pula hanya merupakan sebiji debu di dalam alam buana yang amat luas, iaitu alam buana yang diciptakan Allah dengan hanya sepatah perintah "كن" lalu iapun muncul ke alam al-wujud. Itulah ri'ayah Allah Yang Maha Penyayang terhadap makhluk manusia.

Setelah Allah mengumumkan penghormatan dan pemilihan-Nya dan memerintah Musa supaya bersiap sedia (menerima tugas kerasulan) dengan menanggalkan kasutnya, Dia iringi pula dengan perintah supaya beliau menerima wahyu-Nya:

فَٱسْتَمِعْ لِمَا يُوحَىٰٓ ﴿١٣﴾

*"Oleh itu dengarlah apa yang akan diwahyukan kepadamu."(13)*

***Intisari Wahyu Pertama Yang Diterima Musa***

Intisari wahyu yang disampaikan kepada Musa a.s. mengandungi tiga perkara yang berkaitan rapati aitu: 'Aqidah tauhid, penumpuan ibadat kepada Allah dan beriman kepada hari Qiamat. Inilah asas-asas agama Allah yang sama:

إِنَّنِيٓ أَنَا ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠ فَٱعْبُدْنِي وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِذِكْرِيٓ ﴿١٤﴾

*"Sesungguhnya Aku ini adalah Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Aku. Oleh itu, abdikanlah dirimu kepada-Ku dan dirikanlah solat untuk mengingati-Ku."(14)*

إِنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ أَكَادُ أُخْفِيهَا لِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا تَسْعَىٰ ﴿١٥﴾

فَلَا يَصُدَّنَّكَ عَنْهَا مَن لَّا يُؤْمِنُ بِهَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ فَتَرْدَىٰ ﴿١٦﴾

*"Sesungguhnya hari Qiamat itu tetap akan datang, Aku sengaja sembunyikan waktunya supaya setiap orang dibalas dengan amalan yang dilakukannya(15). Oleh itu janganlah engkau dihalangi dari mempercayakannya oleh orang yang tidak beriman kepadanya dan mengikut hawa nafsunya, lalu ia menyebabkan engkau binasa."(16)*

Uluhiyah Yang Maha Esa itulah yang menjadi 'tiang seri' 'aqidah Islam. Dalam seruannya kepada Musa a.s. Allah menekankan konsep ini dengan segala kata-kata penguat, iaitu dengan penegasan-penegasan yang amat kuat:

إِنَّنِيٓ أَنَا ٱللَّهُ

*"Sesungguhnya Aku ini adalah Allah."(14)*

Kemudian dengan menerangkan pembatasan (sifat Uluhiyah itu kepada Allah sahaja) yang dapat difaham dari kata-kata penafian dan pengecualian (dalam ungkapan berikut):

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنَا۠

*"Tiada tuhan yang lain melainkan hanya Aku."(14)*

[2] *Menurut satu pendapat, Tuwa itu ialah nama lembah, dan satu pendapat yang lain pula mengatakan ia adalah sifat lembah itu.*

Ungkapan pertama (sesungguhnya Aku ini adalah Allah) ialah untuk menentukan sifat Uluhiyah kepada Allah, dan ungkapan yang kedua (tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Aku) untuk menafikan sifat Uluhiyah dari yang lain dari Allah. Dan ekoran dari pengakuan terhadap Uluhiyah Allah ialah beribadat kepada Allah.Dan ibadat itu merangkumi segala gerak tawajjuh kepada Allah di dalam segala kegiatan hidup manusia, tetapi di dalam ayat ini Allah menentukan ibadat itu dengan ibadat solat:

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ لِذِكۡرِيٓ ﴿١٤﴾

*"Dan dirikanlah solat untuk mengingati-Ku"(14)*

kerana solat merupakan satu bentuk ibadat yang paling sempurna di antara bentuk-bentuk ibadat yang lain, juga merupakan satu sarana yang paling sempurna di antara sarana-sarana untuk mengingati Allah, kerana ia khusus untuk tujuan mengingati Allah dan bersih dari hubungan-hubungan yang lain, dan kerana di dalam solat seluruh hati dipusatkan kepada tujuan ini sahaja dan seluruh jiwa tertumpu untuk berhubung dengan Allah.

Hari Qiamat pula merupakan masa yang ditunggu-tunggu untuk mendapat balasan yang sempurna dan adil. Itulah hari yang diingati oleh hati manusia dan kerana itu mereka sentiasa membuat perhitungan terhadapnya. Ia membuat mereka berhati-hati, berwaspada, mengira dan melangkah dengan cermat kerana takut tergelincir di dalam perjalanan hidup mereka. Allah S.W.T. dengan tegas menyatakan bahawa hari Qiamat itu tetap akan datang:

إِنَّ ٱلسَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ

*"Sesungguhnya hari Qiamat itu tetap akan datang"(15)*

tetapi Allah sengaja menyembunyikannya. Ilmu pengetahuan manusia mengenai hari Qiamat ini amat sedikit, iaitu tidak melebihi dari maklumat-maklumat yang disampaikan Allah kepada mereka sekadar yang dapat memenuhi hikmat-Nya dari ilmu pengetahuan dan kejahilan mereka. Sesuatu yang majhul itu merupakan unsur asasi dalam kehidupan manusia dan dalam struktur jiwa mereka. Kerana itu manusia memerlukan sesuatu yang majhul yang menarik perhatian mereka di dalam kehidupan mereka. Andainya segala sesuatu itu terdedah dan diketahui oleh mereka belaka, sedangkan fitrah mereka memerlukan sesuatu yang majhul tentulah kegiatan hidup mereka akan terhenti dan menjadi basi. Tabi'at mereka ingin mengejar sesuatu yang majhul kerana itulah mereka berhati-hati, berangan-angan, mencuba dan belajar. Mereka berusaha mencari rahsia-rahsia yang tersembunyi di sebalik tenaga-tenaga diri mereka sendiri dan di sebalik tenaga-tenaga alam yang wujud di sekeliling mereka. Mereka memperhatikan tanda-tanda kekuasaan Allah pada kejadian diri mereka dan pada makhluk-makhluk yang bertaburan di merata pelosok alam. Mereka membuat dan mencipta di bumi ini apa sahaja yang dikehendaki Allah supaya diciptakan mereka. Hati dan perasaan manusia yang sentiasa teringat kepada hari Qiamat yang majhul itulah yang dapat mengawal diri mereka dari bertindak liar dan sesat, kerana mereka tidak mengetahui bilakah Qiamat itu akan tiba. Oleh itu mereka sentiasa berhati-hati dan bersedia untuk menghadapinya. Itulah golongan manusia yang mempunyai fitrah yang sihat dan lurus, tetapi bagi golongan manusia yang rosak fitrah mereka dan mengikut hawa nafsu mereka hingga terlalai dan jahil, maka mereka akan jatuh tergelincir dan kesudahan hidup mereka akan ditimpa kebinasaan:

فَلَا يَصُدَّنَّكَ عَنۡهَا مَن لَّا يُؤۡمِنُ بِهَا وَٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ فَتَرۡدَىٰ ﴿١٦﴾

*"Oleh itu janganlah engkau dihalangi dari mempercaya-kannya oleh orang yang tidak beriman kepadanya dan mengikut hawa nafsunya, lalu ia menyebabkan engkau binasa."(16)*

Kerana mengikut hawa nafsu itulah yang membuat manusia mendustakan hari Qiamat. Fitrah manusia yang sihat dengan sendirinya percaya bahawa di dalam kehidupan dunia ini manusia tidak mungkin mencapai kesempurnaannya dan keadilan tidak mungkin ditegakkan sepenuhnya, malah satu alam hidup yang lain perlu wujud, di mana terlaksananya kesempurnaan yang telah ditetapkan Allah untuk makhluk manusia dan di mana ditegakkan keadilan yang sempurna dalam menentukan balasan terhadap amalan-amalan yang dilakukan manusia.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 44)**

***Musa Dikurniakan Mu'jizat Tongkat Dan Tangan Yang Bercahaya***

Itulah kejutan pertama dari seruan Ilahi Yang Maha Tinggi yang bergema di merata pelosok alam al-wujud, di mana Allah S.W.T. telah menyampaikan kepada hamba kesayangan-Nya asas-asas 'aqidah tauhid. Kini tentulah Nabi Musa a.s. telah lupakan dirinya dan lupakan tujuan kedatangannya ke tempat itu kerana asyik mengikuti suara Ilahi Yang Maha Tinggi yang menyeru namanya, juga kerana mendengar arahan suci yang diterimanya, kemudian tiba-tiba beliau menerima pula satu pertanyaan dari Allah yang - sebenarnya - tidak perlu dijawab olehnya:

وَمَا تِلۡكَ بِيَمِينِكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿١٧﴾

*"Apakah benda di tangan kamu itu, wahai Musa!"(17)*

Itulah tongkatnya, tetapi di manakah beliau dan tongkatnya? Beliau lantas teringat dan terus menjawab:

قَالَ هِيَ عَصَايَ أَتَوَكَّؤُاْ عَلَيۡهَا وَأَهُشُّ بِهَا عَلَىٰ غَنَمِي وَلِيَ فِيهَا مَـَٔارِبُ أُخۡرَىٰ ﴿١٨﴾

*"Jawab Musa: Ini adalah tongkatku. Aku bertilikan di atasnya dan memukul daun-daun dengannya untuk makanan*

*kambingku dan ada lagi keperluan-keperluanku yang lain."(18)*

Pertanyaan itu bukan bermaksud menanyakan tentang fungsi tongkat yang ada di tangannya, malah hanya menanyakan tentang benda yang ada di tangannya sahaja, tetapi kini beliau baru sedar bahawa pertanyaan itu bukan bermaksud menanyakan tentang hakikat tongkat kerana ini memang jelas, malah ia bermaksud menanyakan tentang fungsinya ketika tongkat itu ada bersamanya. Oleh sebab itulah beliau menjawab begitu.

Itulah sejauh yang diketahui Musa tentang tongkat itu, iaitu beliau gunanya sebagai alat bertongkat dan memukul daun-daun kayu supaya gugur menjadi makanan kambing-kambingnya, kerana beliau mengembala kambing-kambing kepunyaan Syu'ayb. Menurut satu pendapat, beliau telah membawa balik bersama beliau sekumpulan kambing-kambing yang menjadi bahagian kepunyaannya, begitu juga beliau menggunakan tongkat itu untuk tujuan-tujuan yang lain lagi yang disebut secara umum tanpa membutirkannya satu persatu kerana apa yang disebut beliau itu merupakan satu contoh dari berbagai-bagai tujuan itu.

Tetapi qudrat Allah Yang Maha Kuasa telah melakukan sesuatu yang tidak pernah terlintas di dalam hati beliau sebagai persediaan untuk beliau memikul tugas kerasulan yang amat besar:

قَالَ أَلْقِهَا يَٰمُوسَىٰ ﴿١٩﴾
فَأَلْقَىٰهَا فَإِذَا هِيَ حَيَّةٌ تَسْعَىٰ ﴿٢٠﴾
قَالَ خُذْهَا وَلَا تَخَفْ سَنُعِيدُهَا سِيرَتَهَا ٱلْأُولَىٰ ﴿٢١﴾

*"Allah berfirman: Campakkan tongkat itu, wahai Musa!(19) Lalu dia terus mencampakkannya tiba-tiba ia menjadi seekor ular yang merayap(20). Allah berfirman: Tangkapkannya! Dan janganlah engkau takut kerana Kami akan mengembalikannya kepada keadaannya yang asal."(21)*

Kemudian berlakulah mu'jizat yang luar biasa yang berlaku pada setiap sa'at, tetapi manusia sahaja yang tidak memperhatikannya. Berlakulah mu'jizat hayat, di mana tongkat menjadi ular yang merayap. Di sana terdapat berjuta-juta zarrah yang mati atau beku seperti tongkat bertukar pada setiap sa'at menjadi sel yang hidup, tetapi ia tidak mengkagumkan manusia sebagaimana mereka menjadi kagum apabila tongkat Musa bertukar menjadi seekor ular yang hidup dan merayap. Ini kerana seseorang itu telah menjadi tawanan kepada pancainderanya dan kepada pengalaman-pengalamannya, maka justeru itulah kefahaman-kefahamannya tidak begitu jauh dari apa yang ditanggapkan pancainderanya. Pertukaran tongkat menjadi seekor ular yang hidup dan merayap-rayap itu merupakan satu gejala fizikal yang memeranjatkan persepsinya dan begitu kuat menarik perhatiannya, sedangkan gejala-gejala yang tersembunyi bagi mu'jizat hayat yang pertama dan mu'jizat-mu'jizat hayat yang berlaku pada setiap sa'at itu merupakan gejala yang tersembunyi, yang jarang sekali mendapat perhatian mereka, terutama kelumrahan berlakunya mu'jizat ini telah menghilangkan kebaharuannya di dalam persepsi mereka. Inilah yang membuat mereka melintasi mu'jizat-mu'jizat itu dengan hati yang lalai atau lupa.

Kini satu mu'jizat telah berlaku menyebabkan Musa terpinga-pinga dan takut:

قَالَ خُذْهَا وَلَا تَخَفْ سَنُعِيدُهَا سِيرَتَهَا ٱلْأُولَىٰ ﴿٢١﴾

*"Allah berfirman: Tangkapkannya! Dan janganlah engkau takut, kerana Kami akan mengembalikannya kepada keadaannya yang asal."(21)*

Kami akan mengembalikannya semula menjadi tongkat.

Penjelasan ayat ini tidak menyebut seperti apa yang disebut di dalam surah-surah yang lain, iaitu Musaberpusing hendak melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi. Di sini hanya disebut secara halus sahaja tentang perasaan takut yang dialami Musa a.s., kerana suasana surah ini ialah suasana yang aman dan tenteram, maka justeru itu ia tidak digugatkan dengan harakat-harakat terkejut, berlari dan menjauhkan diri.

Kemudian Musa menjadi tenang, lalu beliau mengambil ular itu dan tiba-tiba ia bertukar menjadi tongkat. Di sini satu mu'jizat lagi telah berlaku dalam satu bentuk yang lain pula, iaitu bentuk mencabut hayat dari ular yang hidup, yang tiba-tiba menjadi beku dan mati seperti asal sebelum berlakunya mu'jizat yang pertama.

Kemudian sekali lagi satu perintah Ilahi Yang Maha Tinggi dihadapkan kepada hamba kesayangan-Nya Musa a.s.:

وَٱضْمُمْ يَدَكَ إِلَىٰ جَنَاحِكَ تَخْرُجْ بَيْضَآءَ مِنْ غَيْرِ سُوٓءٍ ءَايَةً أُخْرَىٰ ﴿٢٢﴾

*"Dan kepitkanlah tanganmu (yang kanan) di bawah ketiak engkau (yang kiri) nescaya ia akan keluar putih melepak bersinar-sinar tanpa apa-apa penyakit sebagai satu mu'jizat yang lain pula."(22)*

Lalu Musa meletakkan tangannya di bawah ketiaknya - di sini Al-Qur'an memilih kata-kata "**جناح**" yang bererti "sayap" untuk dimaksudkan dengan ketiak dan lengan, kerana kata-kata ini mengandungi pengertian terbang yang bebas dan gerak yang ringan sesuai dengan suasana ini yang bebas dari belenggu bumi dan keberatan jisim - agar tangan itu keluar putih melepak bersinar-sinar bukan kerana sakit atau

penyakit tetapi ia keluar sebagai "satu mu'jizat yang lain pula" di samping mu'jizat tongkat.

لِنُرِيَكَ مِنْ ءَايَٰتِنَا ٱلْكُبْرَى ﴿٢٣﴾

*"Untuk memperlihatkan kepadamu sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Kami yang amat besar."(23)*

Di mana engkau melihat mu'jizat itu berlaku pada diri engkau sendiri, di bawah pandangan mata dan persepsi engkau agar engkau memperolehi keyakinan untuk memikul tugas kerasulan yang agung:

ٱذْهَبْ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُۥ طَغَىٰ ﴿٢٤﴾

*"Pergilah kepada Fir'aun! Sesungguhnya dia telah bertindak melampau."(24)*

Setakat ini Musa belum lagi mengetahui bahawa beliau ditugas memikul amanah tugas yang besar itu. Beliau memang kenal siapakah Fir'aun kerana beliau telah dibesarkan di dalam istananya dan menyaksikan pemerintahannya yang sewenang-wenang dan kejam. Beliau telah melihat bagaimana Fir'aun mengazab dan menindas kaumnya. Kini beliau sedang berada di hadapan Allah, di mana hati beliau merasa cukup puas dan merasa diberi penghormatan yang begitu tinggi, maka kini eloklah beliau memohon segala apa yang boleh meyakinkannya untuk menghadapi tugas yang sukar ini dan menjalankan tugas risalah itu dengan betul dan jujur:

### *Permohonan Musa Supaya Harun Dilantik Sebagai Menterinya*

قَالَ رَبِّ ٱشْرَحْ لِى صَدْرِى ﴿٢٥﴾

وَيَسِّرْ لِىٓ أَمْرِى ﴿٢٦﴾

وَٱحْلُلْ عُقْدَةً مِّن لِّسَانِى ﴿٢٧﴾

يَفْقَهُوا۟ قَوْلِى ﴿٢٨﴾

وَٱجْعَل لِّى وَزِيرًا مِّنْ أَهْلِى ﴿٢٩﴾

هَٰرُونَ أَخِى ﴿٣٠﴾

*"Lalu Musa berdo'a: Ya Tuhanku! Lapangkanlah dadaku!(25) Dan mudahkanlah segala urusanku(26). Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku(27). Supaya mereka dapat memahami perkataan-perkataanku(28). Dan lantikkanlah untukku seorang menteri dari keluargaku sendiri(29). Iaitu Harun saudaraku(30).*

ٱشْدُدْ بِهِۦٓ أَزْرِى ﴿٣١﴾

وَأَشْرِكْهُ فِىٓ أَمْرِى ﴿٣٢﴾

كَىْ نُسَبِّحَكَ كَثِيرًا ﴿٣٣﴾

وَنَذْكُرَكَ كَثِيرًا ﴿٣٤﴾

إِنَّكَ كُنتَ بِنَا بَصِيرًا ﴿٣٥﴾

*"Teguhkanlah kekuatanku dengan bantuannya(31). Dan jadikannya sekutu dalam urusanku(32). Supaya banyak bertasbih kepada-Mu(33). Dan banyak mengingati-Mu(34). Sesungguhnya Engkau Maha Melihat keadaan kami."(35)*

Beliau memohon agar Allah melapangkan dadanya, kerana kelapangan dada dapat mengubahkan kesulitan memikul tugas menjadi keni'matan dan mengubahkan kepenatannya menjadi kelazatan. Ia menjadikan kesulitan dan kepenatan sebagai pendorong dalam perjuangan hidup bukannya menjadi beban yang memberatkan langkah-langkah perjuangan.

Beliau telah memohon agar Allah memudahkan urusannya, kerana kemudahan yang dikurniakan Allah kepada hamba-hamba-Nya itu menjaminkan kejayaan. Jika tidak, apakah yang dapat dibuat oleh seseorang manusia tanpa kemudahan ini? Apakah yang dapat dibuat olehnya, sedangkan tenaga kekuatannya terbatas, ilmu pengetahuannya terhad dan perjalanannya masih jauh, sulit dan majhul?

Beliau telah memohon agar Allah melepaskan simpulan atau kegugupan lidahnya supaya percakapannya dapat difaham mereka dengan jelas. Menurut riwayat beliau mengidap kegugupan yang menahan kelancaran percakapannya dan inilah yang dimaksudkan oleh beliau (dalam permohonan ini). Ini disokong oleh keterangan yang disebut dalam satu surah yang lain:

وَأَخِى هَٰرُونُ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّى لِسَانًا

*"Dan saudaraku Harun lebih fasih lidahnya daripada-ku."*

(Surah al-Qasas: 34)

Beliau mula-mula membuat permohonan secara umum supaya Allah melapangkan dadanya dan memudahkan urusannya, kemudian barulah beliau menentu dan menjelaskan setengah-setengah permohonan yang boleh menolong dan memudahkan pelaksanaan tugas-tugasnya.

Beliau memohon agar Allah membantunya dengan seorang penolong dari keluarganya iaitu Harun saudaranya sendiri, kerana beliau tahu Harun mempunyai lidah yang fasih, hati yang teguh dan saraf yang tenang. Nabi Musa a.s. adalah seorang yang mudah tersinggung, mudah naik darah dan cepat panas. Oleh sebab itu beliau memohon agar Allah membantunya dengan saudaranya supaya dia dapat menolong dan menguatkan kedudukan beliau, dan supaya beliau dapat berfikir dengan tenang dan hati-hati bersama-sama dengan Harun dalam urusan da'wah yang amat besar yang akan dihadapinya itu.

Urusan yang besar yang akan dilakukan beliau itu memeriukan kepada kegiatan banyak bertasbih, banyak berzikir dan banyak berhubung dengan Allah. Nabi Musa a.s. telah memohon supaya Allah melapangkan dadanya, memudahkan urusannya,

melepaskan kegugupan lidahnya dan membantunya dengan seorang menteri dari keluarganya sendiri.... Semuanya itu bukanlah semata-mata bertujuan untuk menghadapi tugas da'wah itu sahaja, malah supaya beliau dapat menggunakan semua pemberian itu untuk menolong dirinya dan saudaranya dalam kegiatan membanyakkan tasbih dan zikir terhadap Allah dan dalam kerja-kerja menerima perintah yang banyak dari Allah Yang Maha Mendengar dan Melihat.

إِنَّكَ كُنتَ بِنَا بَصِيرًا ﴿٣٥﴾

*"Sesungguhnya Engkau Maha Melihat keadaan kami."(35)*

Yakni engkau amat mengetahui keadaan kami, amat melihat kelemahan dan kekurangan kami dan amat mengerti keperluan kami kepada pertolongan dan pentadbiran yang bijaksana.

Nabi Musa a.s. telah mengemukakan permohonan-permohonannya dengan panjang lebar, mendedahkan kelemahannya dan memohon pertolongan, kemudahan dan perhubungan yang rapat dengan Allah. Semua permohonan itu didengar oleh Allah, kerana beliau adalah tetamu Allah yang diseru dan diajak berbicara dengan-Nya. Kini Allah Yang Maha Pemurah tidak mengecewakan permohonan tetamu-Nya, tidak menolak permintaannya dan tidak melambat-lambatkan penerimaan dan pengabulannya:

قَالَ قَدْ أُوتِيتَ سُؤْلَكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿٣٦﴾

*"Allah berfirman: Segala permintaanmu itu telah diperkenan-Ku, wahai Musa."(36)*

Kini permohonan-permohonan beliau telah diterima sekaligus. Ia telah diterima dengan sepatah kata yang padat, dan tidak memerlukan huraian. Ia telah diterima dengan kata-kata yang terus dilulus, bukan lagi berupa janji yang ditangguh-tangguh. Segala apa yang dipintakan engkau itu telah-Ku berikan semuanya, telah-Ku luluskan semuanya dan kini engkau tidak perlu meminta-minta lagi. Di samping meluluskan permohonan-permohonan itu, Allah melahirkan kemesraan dan penghormatan-Nya kepada beliau dengan memanggil namanya. "Wahai Musa" dan apakah penghormatan yang lebih besar dari penghormatan yang diterima oleh seseorang hamba dengan dipanggil namanya oleh Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi?

Sampai di sini cukuplah limpah kurnia penghormatan dan kemesraan yang dilimpahkan Allah. Tajalli dan perbicaraan Ilahi dengan beliau telah berlangsung agak lama dan segala permohonan dan hajat beliau telah pun diperkenankan semuanya, tetapi limpah kurnia dan rahmat Allah itu tidak pernah terhad dan terbatas. Allah terus mencurahkan lagi ke atas hamba-Nya (Musa a.s.) limpah kurnia dan keredhaan-Nya dengan membiarkan beliau terus di hadapan-Nya dan melanjutkan perbicaraan dengan beliau, di mana Allah menyebut ni'mat-ni'mat yang silam yang telah dikurniakan kepada beliau supaya beliau bertambah yakin dan tenteram terhadap rahmat dan perlindungan-Nya yang tidak berkeputusan kepada beliau dahulu dan sekarang. Dalam suasana yang amat gemilang ini setiap sa'at yang berlalu merupakan keni'matan, bekalan dan modal kepada beliau.

### *Musa Mendapat 'Inayah Rabbani Dari Sejak Kecil Lagi*

وَلَقَدْ مَنَنَّا عَلَيْكَ مَرَّةً أُخْرَىٰٓ ﴿٣٧﴾
إِذْ أَوْحَيْنَآ إِلَىٰٓ أُمِّكَ مَا يُوحَىٰٓ ﴿٣٨﴾
أَنِ ٱقْذِفِيهِ فِى ٱلتَّابُوتِ فَٱقْذِفِيهِ فِى ٱلْيَمِّ فَلْيُلْقِهِ ٱلْيَمُّ بِٱلسَّاحِلِ يَأْخُذْهُ عَدُوٌّ لِّى وَعَدُوٌّ لَّهُۥ ۚ وَأَلْقَيْتُ عَلَيْكَ مَحَبَّةً مِّنِّى وَلِتُصْنَعَ عَلَىٰ عَيْنِىٓ ﴿٣٩﴾
إِذْ تَمْشِىٓ أُخْتُكَ فَتَقُولُ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ مَن يَكْفُلُهُۥ ۖ فَرَجَعْنَٰكَ إِلَىٰٓ أُمِّكَ كَىْ تَقَرَّ عَيْنُهَا وَلَا تَحْزَنَ ۚ وَقَتَلْتَ نَفْسًا فَنَجَّيْنَٰكَ مِنَ ٱلْغَمِّ وَفَتَنَّٰكَ فُتُونًا ۚ فَلَبِثْتَ سِنِينَ فِىٓ أَهْلِ مَدْيَنَ ثُمَّ جِئْتَ عَلَىٰ قَدَرٍ يَٰمُوسَىٰ ﴿٤٠﴾
وَٱصْطَنَعْتُكَ لِنَفْسِى ﴿٤١﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan ni'mat kepadamu pada kali yang lain (di zaman silam)(37). Ketika Kami menyampaikan kepada ibumu ilham yang wajar diilhamkan kepadanya(38). Iaitu campakkannya (anakmu Musa) di dalam sebuah peti kemudian campakkannya ke dalam sungai, kemudian hendaklah sungai itu campakkannya ke tepi tebing supaya dia diambil oleh musuh-Ku (Fir'aun) dan musuhnya. Dan Aku telah campakkan ke atasmu kasihan belas dari-Ku (supaya engkau dikasihi orang) dan supaya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku(39). Ketika kakakmu berjalan lalu berkata (kepada keluarga Fir'aun): Dapatkah saya tunjukkan kepada kamu seorang yang boleh membelakannya? Lalu Kami memulangkanmu kepada ibumu supaya hatinya senang dan tidak lagi berdukacita. Dan engkau telah membunuh seorang manusia lalu Kami selamatkanmu dari kesusahan dan Kami telah mengujimu dengan berbagai-bagai ujian. Kemudian engkau telah tinggal beberapa tahun dalam kalangan penduduk Madyan kemudian engkau datang kembali mengikut waktu yang telah ditetapkan(40). Dan Aku telah memilihmu untuk menjadi utusan diri-Ku."(41)*

Kini Nabi Musa a.s. akan pergi menghadapi seorang raja yang paling kuat dan paling zalim di bumi. Beliau akan pergi untuk melancarkan perjuangan iman menentang kezaliman dan untuk menempuh

gelombang berbagai-bagai peristiwa dan permasalahan dengan Fir'aun pada peringkat pertama kemudian dengan kaum beliau sendiri, iaitu kaum Bani Israel yang telah diperhambakan Fir'aun sekian lama sehingga merendahkan jiwa mereka, merosakkan fitrah mereka dan melemahkan persediaan mereka untuk memikul tugas (kepimpinan agama) yang akan diserahkan kepada mereka selepas terselamat dari pemerintahan Fir'aun. Allah telah menerangkan kepada beliau bahawa beliau tidak akan pergi tanpa persediaan yang cukup. Beliau tidak akan diutus kepada Fir'aun melainkan sesudah beliau dilengkapkan dengan persediaan-persediaan yang wajar. Dari sejak dulu lagi beliau dibela dan dipelihara di bawah mata ri'ayah Ilahi. Beliau telah dilatih menghadapi kesusahan demi kesusahan sejak beliau masih dalam usia kanak-kanak susuan lagi. Beliau telah ditemani dan dijaga oleh 'inayah Ilahi sejak beliau masih kecil dan lemah. Walaupun beliau berada di bawah kekuasaan dan genggaman Fir'aun dan tidak mempunyai sebarang persediaan dan kekuatan, namun beliau tidak dapat diapa-apakan Fir'aun, kerana tangan dan mata qudrat Ilahi sentiasa menolong dan melindungi beliau pada setiap langkahnya. Kini beliau tidak perlu bimbang kepada Fir'aun, kerana beliau telah pun menjadi seorang dewasa yang kuat, yang dijaga dan dipilih oleh Allah selaku utusan-Nya.

وَلَقَدْ مَنَنَّا عَلَيْكَ مَرَّةً أُخْرَىٰٓ ﴿٣٧﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah pun mengurniakan ni'mat kepadamu pada kali yang lain (di zaman silam)."(37)*

Pengurniaan ni'mat kepada engkau telah berlangsung dan berterusan sejak dahulu lagi. Oleh itu pengurniaan itu tidak akan putus setelah engkau dilantikkan menjadi rasul.

Dahulu Kami telah pun mengurniakan ni'mat kepadamu apabila Kami menyampaikan ilham kepada ibumu, iaitu ilham yang wajar yang diperlukan dalam keadaan yang sedang dihadapinya:

### *Musa Dihanyutkan Dalam Sungai Dan Dipungut Fir'aun*

أَنِ ٱقْذِفِيهِ فِى ٱلتَّابُوتِ فَٱقْذِفِيهِ فِى ٱلْيَمِّ فَلْيُلْقِهِ ٱلْيَمُّ بِٱلسَّاحِلِ

*"Iaitu campakkannya (anakmu Musa) di dalam sebuah peti, kemudian campakkannya ke dalam sungai, kemudian hendaklah sungai itu campakkannya ke tepi tebing."(39)*

Itulah harakat-harakat atau geraklaku-geraklaku yang keras dan kasar, di mana bayi itu dicampakkan ke dalam peti kemudian peti itu dicampakkan ke dalam sungai kemudian arus sungai itu diperintah mencampakkan pula peti itu ke tepi tebing sungai. Kemudian apa lagi? Kemudian ke mana pula perginya peti yang berisi bayi yang dicampakkan ke dalam sungai dan dihanyutkan ke tebingnya itu, siapa yang mengambilnya? Yang mengambilnya ialah:

يَأْخُذْهُ عَدُوٌّ لِّى وَعَدُوٌّ لَّهُۥ

*"Musuh-Ku (Fir'aun) dan musuhnya."(39)*

Kemudian di tengah-tengah ketakutan dan setelah mengalami berbagai-bagai kesulitan itu apakah yang telah terjadi kepada bayi yang lemah dan tidak mempunyai sebarang kekuatan itu? Apakah yang telah terjadi kepada peti kecil yang tidak mempunyai sebarang alat perlindungan itu?

وَأَلْقَيْتُ عَلَيْكَ مَحَبَّةً مِّنِّى وَلِتُصْنَعَ عَلَىٰ عَيْنِىٓ ﴿٣٩﴾

*"Dan Aku telah campakkan ke atasmu kasihan belas dari-Ku (supaya engkau dikasihi orang) dan supaya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku."(39)*

Alangkah besarnya qudrat Ilahi yang telah menjadikan kasihan belas-Nya yang lemah lembut itu sebagai perisai yang menahan segala pukulan arus dan gelombang dan melemahkan segala kuasa jahat dan zalim untuk menyakiti hamba yang menanggung kasih sayang Ilahi itu walaupun dia seorang bayi susuan yang tidak mempunyai daya upaya dan kebolehan berkata.

Itulah satu perbandingan yang amat menarik dalam penggambaran pemandangan, iaitu perbandingan di antara kuasa Fir'aun yang zalim, yang sedang mengancam bayi yang kecil itu, juga suasana-suasana kasar dan kejam yang sedang melingkunginya dengan rahmat kasihan belas Ilahi yang lemah lembut, yang menjaga dan melindungi bayi itu dari segala ketakutan, kebengisan dan kekasaran dalam bentuk kasih sayang orang (terhadap bayi itu) bukannya dalam bentuk pertarungan dan perlawanan.

وَلِتُصْنَعَ عَلَىٰ عَيْنِىٓ ﴿٣٩﴾

*"Dan supaya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku."(39)*

Tiada suatu ulasan yang dapat menambahkan sesuatu kepada bayangan pengertian yang amat halus, seni dan mendalam yang disampaikan oleh ungkapan yang menarik ini "supaya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku." Bagaimana lidah manusia mampu menggambarkan satu makhluk yang diciptakan di bawah penglihatan Allah? Paling tinggi dapat dilakukannya ialah merenungi dan meneliti mengertian ungkapan itu dengan mendalam. Cukuplah menjadi suatu penghormatan dan darjat yang tinggi bagi seseorang manusia apabila dia berjaya mendapat 'inayah Allah barang sesa'at, bagaimana pula dengan Musa yang diciptakan di bawah penglihatan Allah? Kerana diciptakan sedemikian rupa, Musa mempunyai kemampuan untuk menyambut unsur yang tinggi yang diterima olehnya.

Engkau telah diciptakan di bawah penglihatan-Ku. Engkau membesar di hadapan mata Fir'aun - musuhmu dan musuh-Ku - engkau berada di bawah kuasanya tanpa seorang pengawal dan pelindung

pun, tetapi dia tidak pernah melihatmu dengan mata jahat kerana Aku telah mencampakkan ke atasmu kasihan belas dari-Ku (supaya engkau dikasihi oleh siapa sahaja yang melihatmu). Tangannya tidak pernah memukulmu semasa engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku.

Aku tidak melindungimu di istana Fir'aun dengan jagaan dan kawalan, kemudian Aku tinggalkan ibumu di rumah dirundung gelisah dan cemas, malah Aku kumpulkanmu dengan ibumu dan aku kumpulkan ibumu denganmu:

إِذْ تَمْشِيٓ أُخْتُكَ فَتَقُولُ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ مَن يَكْفُلُهُۥ ۖ فَرَجَعْنَٰكَ إِلَىٰٓ أُمِّكَ كَىْ تَقَرَّ عَيْنُهَا وَلَا تَحْزَنَ ۚ

*"Ketika kakakmu berjalan lalu berkata (kepada keluarga Fir'aun): Dapatkah saya tunjukkan kepada kamu seorang yang boleh membelakannya? Lalu Kami memulang-kanmu kepada ibumu supaya hatinya senang dan tidak lagi berdukacita."(40)*

Itulah tadbir dan perencanaan Ilahi. Apabila bayi yang dipungut dan dijadikan anak angkat oleh Fir'aun dan isterinya itu tidak mahu menyusui perempuan-perempuan penyusu (yang dibawa kepadanya) sebagaimana diterangkan di dalam surah yang lain, maka kedua-duanya mulai mencari seorang perempuan penyusu yang boleh menyusukannya. Berita ini didengar oleh orang ramai lalu saudara perempuan Musa dengan dorongan ibunya pergi menemui pegawai istana lalu berkata kepada mereka: "Dapatkah saya tunjukkan kepada kamu seorang yang boleh membelakannya?" Kemudian dia membawa ibunya kepada mereka dan bayi itu pun terus menghisap teteknya. Demikianlah berlangsungnya tadbir dan perencanaan Allah terhadap bayi dan ibunya yang telah menerima ilham dari Allah. Dia telah meletakkan belahan jantung hatinya ke dalam sebuah peti kemudian menghanyutkannya kedalam sungai, kemudian arus sungai membawakan peti itu ke tepi tebing supaya dipungut oleh musuh Allah dan musuhnya. Si bayi itu telah mendapat keamanan setelah dicampakkan ke dalam ketakutan-ketakutan itu. Dia telah terselamat dari kekejaman Fir'aun yang sedang membunuh bayi-bayi lelaki kaum Bani Israel dengan meletakkannya di hadapan Fir'aun itu sendiri tanpa pengawal dan penolong. Satu lagi pengurniaan Allah terhadap Musa:

وَقَتَلْتَ نَفْسًا فَنَجَّيْنَٰكَ مِنَ ٱلْغَمِّ وَفَتَنَّٰكَ فُتُونًا ۚ فَلَبِثْتَ سِنِينَ فِىٓ أَهْلِ مَدْيَنَ ثُمَّ جِئْتَ عَلَىٰ قَدَرٍ يَٰمُوسَىٰ ﴿٤٠﴾

*"Dan engkau telah membunuh seorang manusia lalu Kami selamatkanmu dari kesusahan dan Kami telah mengujimu dengan berbagai-bagai ujian. Kemudian engkau telah tinggal beberapa tahun dalam kalangan penduduk Madyan kemudian engkau datang kembali mengikut waktu yang telah ditetapkan, wahai Musa."(40)*

*"Dan Aku telah memilihmu untuk menjadi utusan diri-Ku."(41)*

Peristiwa ini berlaku setelah Musa besar menjadi seorang muda di istana Fir'aun. Pada suatu hari beliau turun ke bandar tiba-tiba di sana beliau bersua dengan dua orang lelaki sedang berkelahi; salah seorang dari keduanya dari bangsa Israel dan yang seorang lagi ialah dari bangsa Mesir, lalu orang Israel itu menjerit meminta pertolongan beliau dan beliau pun terus menumbuk orang Mesir itu menyebabkannya jatuh dan mati, sedangkan beliau sama sekali tidak berniat hendak membunuhnya, malah semata-mata hendak mempertahankan orang Israel itu sahaja. Justeru itu hati beliau dipenuhi rasa kesal dan dukacita atas perbuatannya itu - sedangkan dia dibela di bawah penglihatan Allah sejak lahirnya lagi. Hati nuraninya merasa berdosa kerana tindakannya yang terburu-buru itu. Di sini Allah mengingatkan beliau terhadap ni'mat pengurniaan-Nya itu, di mana Allah menunjukkan beliau supaya beristighfar dan istighfar inilah yang dapat menenangkan hatinya dan menyelamatkannya dari perasaan sedih dan dukacita. Walaupun begitu, namun Allah tidak membiarkan beliau tanpa ujian untuk memperlihatkan tanda-tanda kekuasaan-Nya kepada beliau dan untuk menyediakan beliau bagi memikul tugas yang telah dikehendaki-Nya. Lalu Allah uji beliau dengan ketakutan dan melarikan diri dari hukuman balas. Beliau diuji merantau di negeri orang dan berpisah dari kaum keluarga dan meninggalkan tanahair. Beliau diuji menjadi pekerja dan pengembala kambing sedangkan beliau terasuh dan terdidik di istana raja yang paling besar di dunia ini, paling mewah, paling ni'mat dan paling indah perhiasannya.

Tepat pada masa yang telah ditentukan ilmu Allah, iaitu setelah beliau matang dan mempunyai persediaan yang cukup, setelah beliau diuji dan menghadapi ujian-ujian itu dengan tabah dan sabar, setelah beliau diduga dan berjaya melalui dugaan-dugaan itu, setelah keadaan dan suasana negeri Mesir cukup bersedia dan setelah penindasan terhadap Bani Israel sampai kemuncaknya, maka tepat pada waktu inilah Musa telah dibawa pulang dari negeri Madyan, sedangkan beliau menyangka bahawa dialah yang mengambil keputusan kembali ke Mesir:

فَلَبِثْتَ سِنِينَ فِىٓ أَهْلِ مَدْيَنَ ثُمَّ جِئْتَ عَلَىٰ قَدَرٍ يَٰمُوسَىٰ ﴿٤٠﴾

*"Kemudian engkau telah tinggal beberapa tahun dalam kalangan penduduk Madyan kemudian engkau datang kembali mengikut waktu yang telah ditetapkan."(40)*

Kini engkau datang semula ke Mesir tepat pada waktunya yang telah ditentukan oleh-Ku.

وَٱصْطَنَعْتُكَ لِنَفْسِى ﴿٤١﴾

*"Dan Aku telah memilihmu untuk menjadi utusan diri-Ku."(41)*

Aku telah memilihmu khusus untuk-Ku, untuk risalah dan da'wah-Ku. Tiada habuan yang lain untukmu dari dunia, kerana engkau bukannya untuk dunia ini, malah engkau dikhususkan untuk satu tugas yang istimewa, yang kerananya engkau diciptakan di bawah penglihatan-Ku dan kerananya engkau dijadikan untuk melaksanakannya. Engkau tidak memiliki sesuatu pun pada dirimu. Keluarga engkau juga tidak memiliki sesuatu pun pada dirimu dan tiada siapa pun yang memiliki sesuatu pada dirimu. Sekarang pergilah engkau menjalankan tugas yang telah Ku ciptakan engkau kerananya:

ٱذْهَبْ أَنتَ وَأَخُوكَ بِـَٔايَٰتِى وَلَا تَنِيَا فِى ذِكْرِى ﴿٤٢﴾

*"Pergilah engkau bersama saudaramu membawa ayat-ayat-Ku dan janganlah kamu berdua lalai dari mengingati-Ku"(42).*

### *Musa Diperintah Mengadap Fir'aun*

*"Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun. Sesungguhnya dia telah bertindak melampaui batas(43). Dan berbicaralah kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut semoga dia insaf atau takut (kepada Allah)."(44)*

Kini pergilah engkau bersama saudaramu menemui Fir'aun dengan bekalan mu'jizat-mu'jizat dari-Ku. Sebahagian darinya telah disaksikan oleh Musa iaitu mu'jizat tongkat dan tangan dan janganlah kamu berdua lalai dari mengingati-Ku, kerana ia merupakan kelengkapan, senjata dan sandaran yang memberi perlindungan kepada kamu pada tempat yang teguh. Pergilah kamu berdua menemui Fir'aun, kerana sebelum ini Aku telah melindungimu dari angkaranya, sewaktu engkau masih dalam usia bayi yang kecil, di mana engkau telah diletakkan di dalam sebuah peti dan dicampakkan ke dalam sungai, kemudian arus sungai itu telah membawa engkau ke tebing sungai. Segala geraklaku yang kasar dan mencemaskan ini tidak mendatangkan apa-apa kemudaratan kepadamu. Kini engkau telah mempunyai persediaan yang cukup (untuk menghadapi Fir'aun) dengan dibantu oleh saudaramu sendiri. Oleh itu engkau tidak perlu bimbang apa-apa lagi, kerana engkau telah pun pernah terselamat dari angkara-angkaranya yang lebih dahsyat dalam keadaan yang lebih buruk dan lebih hebat dari sekarang ini lagi.

Pergilah kamu berdua menemui Fir'aun kerana dia telah bertindak zalim dan melampau:

فَقُولَا لَهُۥ قَوْلًا لَّيِّنًا

*"Dan berbicaralah kepadanya dengan kata-kata yang lemah-lembut"(44)*

kerana kata-kata yang lemah-lembut itu tidak menimbulkan perasaan berbangga dengan dosa dan tidak merangsangkan perasaan angkuh dan sombong yang palsu yang dihayati oleh pemerintah-pemerintah yang zalim. Perkataan-perkataan yang lunak dapat membangkitkan kesedaran hati manusia dan mendorongkannya merasa takut kepada akibat-akibat kezaliman.

Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun tanpa merasa putus asa untuk menunjukkannya ke jalan yang lurus. Pergilah kamu berdua dengan harapan semoga dia akan mengambil pengajaran dan takut kepada Allah, kerana penda'wah yang berputus asa dari diterima orang da'wahnya tidak dapat menyampaikan da'wahnya dengan penuh semangat dan tidak dapat menghadapi kekafiran dan keingkaran manusia dengan tabah.

Allah S.W.T. memang mengetahui apa yang akan dilakukan oleh Fir'aun ini (terhadap da'wah Musa), tetapi dasar menggunakan usaha-usaha perjuangan dalam melaksanakan da'wah dan sebagainya itu pasti dilakukan, kerana Allah menghisabkan kesalahan manusia itu setelah kesalahan itu dilakukan mereka dan Allah memang tahu kesalahan itu akan berlaku. Ilmu Allah terhadap peristiwa-peristiwa masa depan sama sahaja dengan ilmu Allah terhadap peristiwa-peristiwa masa kini dan masa mendatang.

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat-ayat 45 - 48)

Sekianlah firman Allah kepada Musa a.s. dalam pemandangan bermunajat dengan Allah di padang pasir. Kemudian Al-Qur'an meringkaskan cerita, melangkaukan jarak-jarak perjalanan, dimensi-dimensi tempat dan zaman dan terus menunjukkan adegan Harun bersama Musa. Kedua-duanya sedang menyatakan kebimbangan mereka kepada Allah untuk menghadapi Fir'aun dan tindakan-tindakan segeranya yang zalim apabila mereka berda'wah kepadanya:

قَالَا رَبَّنَآ إِنَّنَا نَخَافُ أَن يَفْرُطَ عَلَيْنَآ أَوْ أَن يَطْغَىٰ ﴿٤٥﴾

قَالَ لَا تَخَافَآ ۖ إِنَّنِى مَعَكُمَآ أَسْمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

فَأْتِيَاهُ فَقُولَآ إِنَّا رَسُولَا رَبِّكَ فَأَرْسِلْ مَعَنَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَا تُعَذِّبْهُمْ ۖ قَدْ جِئْنَٰكَ بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّكَ ۖ وَٱلسَّلَٰمُ عَلَىٰ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلْهُدَىٰٓ ﴿٤٧﴾

إِنَّا قَدْ أُوحِىَ إِلَيْنَآ أَنَّ ٱلْعَذَابَ عَلَىٰ مَن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿٤٨﴾

*"Mereka berdua berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami merasa bimbang dia akan bertindak segera*

*menyeksakan kami atau berlagak angkuh(45). Allah berfirman: Janganlah kamu berdua merasa bimbang, kerana sesungguhnya Aku bersama kamu berdua, Aku sentiasa mendengar dan melihat(46). Hendaklah kamu berdua menemuinya dan katakanlah: Sesungguhnya kami berdua adalah utusan dari Tuhanmu. Oleh itu lepaskanlah Bani Israel keluar bersama kami dan janganlah engkau tindaskan mereka. Sesungguhnya kami telah membawa kepadamu bukti dari Tuhanmu, dan kesejahteraan itu dikurniakan kepada sesiapa yang mengikut hidayat Allah(47). Sesungguhnya telah diwahyukan kepada kami bahawa 'azab (Allah) itu ditimpakan ke atas sesiapa yang mendusta dan berpaling (dari hidayat)."(48)*

Harun tentulah tidak ada bersama Musa ketika beliau bermunajat panjang dengan Allah yang telah melimpahkan kurnia-Nya kepada Musa dengan kesempatan bermunajat yang panjang itu, di mana beliau dapat bercakap dan bersoaljawab dengan panjang lebar. Justeru itu jawapan mereka berdua yang berbunyi:

قَالَا رَبَّنَآ إِنَّنَا نَخَافُ أَن يَفْرُطَ عَلَيْنَآ أَوْ أَن يَطْغَىٰ ﴿٤٥﴾

*"Mereka berdua berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami merasa bimbang dia akan bertindak segera menyeksakan kami atau berlagak angkuh"(45)*

bukanlah merupakan percakapan yang berlaku di tempat munajat itu, malah Al-Qur'an telah meringkaskan cerita dengan melipat masa dan tempat dan meninggalkan ruangan-ruangan kosong di antara adegan-adegan cerita yang dapat difahamkan dari konteksnya untuk terus sampai kepada situasi-situasi yang hidup dan menarik dan berkesan dalam perjalanan cerita itu dan dalam hati manusia.

Jadi Musa dan Harun alaihimas-salam telah bertemu selepas Musa meninggalkan tempat munajat di pinggir Bukit Tursina itu. Allah telah mewahyukan kepada Harun supaya bekerjasama dengan Musa dalam usaha berda'wah kepada Fir'aun, dan kini kedua-duanya menyampaikan kebimbangan-kebimbangan mereka:

قَالَا رَبَّنَآ إِنَّنَا نَخَافُ أَن يَفْرُطَ عَلَيْنَآ أَوْ أَن يَطْغَىٰ ﴿٤٥﴾

*"Mereka berdua berkata: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami merasa bimbang dia akan bertindak segera menyeksakan kami atau berlagak angkuh."(45)*

Mereka bimbang kepada tindakan Fir'aun yang cepat dan kepada kezaliman dan kekejamannya kerana dia tidak mempunyai perasaan silu malu melakukannya.

Di sini Allah memberi jawapan yang tegas kepada mereka berdua, iaitu jawapan yang membuat kedua-duanya tidak perlu lagi merasa takut:

قَالَ لَا تَخَافَآ ۖ إِنَّنِى مَعَكُمَآ أَسْمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

*"Allah berfirman: Janganlah kamu berdua merasa bimbang, kerana sesungguhnya Aku bersama kamu: Aku sentiasa mendengar dan melihat."(46)*

*"Sesungguhnya Aku bersama kamu"*, yang bersama kamu ialah Tuhan Yang Maha Gagah Perkasa, Maha Besar, Maha Tinggi dan Maha Kuasa di atas sekalian hamba-Nya, Tuhan yang mencipta segala alam, segala hidupan, segala individu dan segala sesuatu dengan sepatah kata "kun" sahaja. Itulah Tuhan yang bersama kedua-duanya.Walaupun ungkapan yang ringkas ini sudah cukup, namun Allah menambahkan lagi penerangan-Nya supaya kedua-duanya bertambah-tambah yakin bahawa Allah tetap akan membantu mereka:

*"Aku sentiasa mendengar dan melihat."(46)*

Oleh itu apakah yang mampu dilakukan oleh Fir'aun jika dia bertindak cepat dan berlagak angkuh? Bukanlah Allah bersama mereka berdua mendengar dan melihat?

#### *Musa Dan Harun Menemui Fir'aun*

Di samping memberi ketenteraman kepada mereka, Allah menunjukkan pula cara berda'wah dan berdebat:

فَأْتِيَاهُ فَقُولَآ إِنَّا رَسُولَا رَبِّكَ فَأَرْسِلْ مَعَنَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَا تُعَذِّبْهُمْ ۖ قَدْ جِئْنَٰكَ بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّكَ ۖ وَٱلسَّلَٰمُ عَلَىٰ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلْهُدَىٰٓ ﴿٤٧﴾ إِنَّا قَدْ أُوحِىَ إِلَيْنَآ أَنَّ ٱلْعَذَابَ عَلَىٰ مَن كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿٤٨﴾

*"Hendaklah kamu berdua menemuinya dankatakanlah: Sesungguhnya kami berdua adalah utusan dari Tuhanmu. Oleh itu lepaskanlah Bani Israel keluar bersama kami dan janganlah engkau tindaskan mereka. Sesungguhnya kami telah membawa kepadamu bukti dari Tuhanmu, dan kesejahteraan itu dikurniakan kepada sesiapa yang mengikut hidayat Allah(47). Sesungguhnya telah diwahyukan kepada kami bahawa 'azab (Allah) itu ditimpakan ke atas sesiapa yang mendusta dan berpaling (dari hidayat)."(48)*

Cara da'wah itu hendaklah dimulakan dengan menerangkan asas risalah mereka berdua:

إِنَّا رَسُولَا رَبِّكَ

*"Sesungguhnya kami berdua adalah utusan dari Tuhanmu"(47)*

supaya Fir'aun dari detik pertama lagi merasa bahawa di sana ada Tuhan, iaitu Tuhan dia dan Tuhan seluruh manusia, bukan hanya Tuhan Musa dan Harun sahaja atau Tuhan Bani Israel sahaja sebagaimana kepercayaan-kepercayaan khurafat paganisme yang lumrah pada masa itu, iaitu setiap kaum atau suku kaum mempunyai tuhan atau tuhan-tuhan khas untuk

mereka masing-masing atau sebagaimana dipercayai umum pada setengah-setengah zaman bahawa Fir'aun yang memerintah Mesir adalah tuhan yang disembah kerana dia adalah dari keturunan tuhan-tuhan.

Kemudian menjelaskan tujuan risalah mereka:

فَأَرْسِلْ مَعَنَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَا تُعَذِّبْهُمْ

*"Oleh itu lepaskanlah Bani Israel keluar bersama kami dan janganlah engkau tindaskan mereka."(47)*

Di dalam batas inilah terletaknya tugas risalah mereka kepada Fir'aun, iaitu untuk menyelamatkan Bani Israel dan membawa mereka pulang kepada 'aqidah tauhid dan kepada tanah suci yang telah ditetapkan Allah menjadi tempat kediaman mereka sehingga mereka melakukan kerosakan di sana dan ketika itu mereka akan dihancurleburkan.

Kemudian menerangkan bukti kebenaran risalah mereka:

قَدْ جِئْنَٰكَ بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّكَ

*"Sesungguhnya kami telah membawa kepadamu bukti dari Tuhanmu"(47)*

yang menunjukkan kebenaran bahawa kami adalah benar-benar datang kepadamu dengan perintah dari Tuhan kami untuk melaksanakan tugas yang telah kami nyatakan tadi.

Kemudian mengemukakan pernyataan-pernyataan yang menarik:

وَٱلسَّلَٰمُ عَلَىٰ مَنِ ٱتَّبَعَ ٱلْهُدَىٰٓ ﴿٤٧﴾

*"Dan kesejahteraan itu dikurniakan kepada sesiapa yang mengikut hidayat Allah."(47)*

Semoga Fir'aun tergolong dalam golongan orang-orang yang dapat menerima tawaran kesejahteraan itu dan mengikut hidayat Allah.

Kemudian memberi amaran dan ancaman secara tidak langsung supaya tidak menanggung hati Fir'aun yang angkuh dan melampau itu:

*"Sesungguhnya telah diwahyukan kepada kami bahawa 'azab (Allah) itu ditimpakan ke atas sesiapa yang mendusta dan berpaling (dari hidayat)."(48)*

Demikianlah Allah mengurniakan ketenteraman kepada Musa dan Harun dan menggariskan jalan da'wah mereka serta mengaturkan urusan mereka supaya mereka dapat meneruskan perjuangan mereka dengan aman dan bijaksana menyampaikan hidayat Allah.

Di sini tirai pun dilabuhkan kemudian diangkatkan kembali untuk menayangkan adegan Musa dan Harun sedang berdebat di hadapan Maharaja Fir'aun yang zalim itu.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 59)**

Kedua-duanya telah datang mengadap Fir'aun - ayat-ayat di sini tidak menyebut bagaimana mereka sampai ke istana Fir'aun - kedua-duanya datang menemuinya disaksi oleh Allah Yang Maha Mendengar dan Melihat. Dengan kuatkuasa siapakah Musa dan Harun bercakap kepada Fir'aun? Walau bagaimanapun Fir'aun, namun kedua-duanya telah menyampaikan (dengan berani) apa yang diperintahkan Allah supaya disampaikan kepada Fir'aun.

***Musa Menjelaskan Sifat-sifat Allah Kepada Fir'aun***

قَالَ فَمَن رَّبُّكُمَا يَٰمُوسَىٰ ﴿٤٩﴾

قَالَ رَبُّنَا ٱلَّذِىٓ أَعْطَىٰ كُلَّ شَىْءٍ خَلْقَهُۥ ثُمَّ هَدَىٰ ﴿٥٠﴾

*"Fir'aun bertanya: Siapakah Tuhan kamu berdua, wahai Musa?(49) Jawab Musa: Tuhan kami ialah (Tuhan) yang telah memberikan kepada setiap sesuatu itu bentuk kejadian yang sesuai dengannya, kemudian dia memberi hidayat."(50)*

Fir'aun tidak mahu mengakui bahawa Tuhan Musa dan Harun itu adalah Tuhannya juga sebagaimana yang dikatakan mereka "Sesungguhnya kami berdua adalah utusan dari Tuhanmu". Fir'aun menujukan pertanyaannya kepada Musa kerana nampaknya dialah yang menjadi jurucakap "Siapakah Tuhan kamu berdua, wahai Musa?" Yakni siapakah Tuhan kamu, yang kamu mendakwa bercakap atas nama-Nya dan menuntut supaya dibebaskan Bani Israel?

Nabi Musa a.s. memberi jawapan dengan menyebut sifat-sifat Allah Yang Mencipta dan Mentadbir:

قَالَ رَبُّنَا ٱلَّذِىٓ أَعْطَىٰ كُلَّ شَىْءٍ خَلْقَهُۥ ثُمَّ هَدَىٰ ﴿٥٠﴾

*"Jawab Musa: Tuhan kami ialah (Tuhan) yang telah memberikan kepada setiap sesuatu itu bentuk kejadian yang sesuai dengannya, kemudian dia memberi hidayat."(50)*

Maksudnya, Tuhan kami ialah Tuhan yang mengurniakan kewujudan kepada setiap makhluk yang maujud dengan bentuk rupa dan tabi'at kejadian masing- masing yang dijadikan untuknya, kemudian Dia memberi hidayat kepada tugas-tugasnya masing-masing yang dijadikan untuknya. Dia menolong dan membantu setiap makhluk dengan bantuan yang sesuai dengan tugas-tugas itu. Kata-kata "kemudian" dalam ayat ini bukan bertujuan menyatakan tertib masa, kerana setiap makhluk itu d iciptakan sekaligus bersama hidayat yang mengenali tugas yang dijadikan untuknya. Di sana tidak ada masa senggang di antara penciptaan makhluk dengan penciptaan tugasnya, malah yang dimaksudkan dengan kata-kata, "kemudian" itu ialah untuk menerangkan martabat di antara penciptaan makhluk dengan pencapaiannya mendapat hidayat kepada tugasnya kerana darjat pencapaian setiap makhluk

mendapat hidayat kepada tugasnya adalah lebih tinggi dari darjat penciptaannya semata-mata.

Sifat-sifat Allah yang disebutkan oleh Musa a.s. sebagaimana diceritakan Al-Qur'an itu merupakan sifat yang mengintisarikan kesan kekuasaan Allah yang paling sempurna dan lengkap selaku Pencipta dan Pentadbir alam al-wujud ini, iaitu Allah mengurniakan kewujudan kepada setiap makhluk yang maujud, juga mengurniakan segala rupa bentuknya masing-masing di samping mengurniakan hidayat kepada tugas masing-masing yang dijadikan untuknya. Apabila seseorang manusia menjelajah dengan mata kasarnya dan dengan mata hatinya mengikut batasan kemampuannya di merata pelosok alam yang besar ini nescaya dia akan melihat kesan-kesan qudrat Allah yang mencipta dan mentadbir dalam setiap kejadian alam ini sama ada kecil atau besar... iaitu dari kejadian sebiji atom yang seni hingga kepada jisim yang paling besar, dan dari sel yang tunggal kepada bentuk hidup yang paling tinggi yang terdapat pada manusia.

Alam al-wujud yang besar ini, yang terdiri dari atom-atom, sel-sel, makhluk-makhluk dan hidupan-hidupan yang tidak terhitung banyaknya, di mana setiap atom bergerak, setiap sel berdenyut hidup dan setiap yang hidup bergerak. Setiap makhluk saling bertindak dan berhubung dengan makhluk-makhluk yang lain. Seluruhnya adalah bertindak secara individu atau secara berkelompok dalam lingkungan undang-undang yang tersimpan di dalam fitrah dan struktur kejadian masing-masing tanpa berlaku sebarang percanggahan, kekacauan dan kelemahan pada mana-mana waktu.

Setiap individu makhluk merupakan sebuah alam yang tersendiri, di mana segala atomnya, segala selnya, segala anggota dan peralatannya bertindak dan bergiat mengikut fitrah kejadiannya dalam lingkungan undang-undang yang am dengan begitu serasi dan teratur.

Setiap individu makhluk - ketepikan sahaja alam buana yang besar ini - tidak mampu dikaji oleh manusia. Dengan erti bahawa ilmu pengetahuan dan tenaga manusia tidak berupaya mengkaji segala sifat-sifat, fungsi-fungsi, penyakit-penyakitnya dan cara pengubatannya. Kajian itu hanya merupakan semata-mata kajian sahaja bukannya kajian untuk mencipta dan menunjukkannya kepada fungsi-fungsi semulajadinya kerana ini terkeluar dari lingkungan kemampuan manusia. Ia adalah makhluk dari ciptaan Allah. Dialah yang memberi kewujudan kepadanya dengan rupa bentuknya yang telah ditentukannya dan dengan fungsi yang telah ditetapkan kepadanya sama dengan mana-mana makhluk yang lain.

Itulah ciptaan Allah Yang Maha Esa iaitu *"Tuhan kami yang telah memberikan kepada setiap sesuatu itu bentuk kejadian yang sesuai dengannya kemudian Dia memberi hidayat kepada tugas masing-masing."*

Kemudian Fir'aun mengemukakan pertanyaan yang kedua:

قَالَ فَمَا بَالُ ٱلْقُرُونِ ٱلْأُولَىٰ ﴿٥١﴾

*"Fir'aun bertanya lagi: Bagaimana pula keadaan umat-umat yang dahulu kala?"(51)*

Bagaimana pula keadaan umat-umat manusia yang telah berlalu? Ke mana mereka pergi? Siapakah Tuhan Mereka? Apakah yang berlaku kepada mereka, sedangkan mereka semuanya telah mati tanpa mengenal Tuhan ini?

قَالَ عِلْمُهَا عِندَ رَبِّي فِي كِتَٰبٍ ۖ لَّا يَضِلُّ رَبِّي وَلَا يَنسَى ﴿٥٢﴾

*"Jawab Musa: Pengetahuan mengenai umat-umat itu berada di sisi Tuhanku tertulis di dalam sebuah buku, Tuhanku tidak pernah keliru dan tidak pernah lupa."(52)*

Demikianlah Musa a.s. mengembalikan urusan ghaib zaman purbakala yang terselindung dari mata kasar itu kepada Allah yang mengetahui segala sesuatu dan tidak pernah lupakan sesuatu itu. Dialah sahaja yang mengetahui seluruh keadaan umat-umat yang terdahulu sama ada di zaman silam mereka atau di zaman depan mereka. Segala urusan ghaib hanya milik Allah sahaja dan seluruh teraju pengendalian urusan manusia hanya berada ditangan Allah.

Kemudian beliau terus menjelaskan kepada Fir'aun kesan-kesan pentadbiran Allah di alam buana dan aneka ni'mat yang dikurniakan kepada umat manusia. Beliau memilih setengah kesan yang wujud di sekeliling Fir'aun, iaitu kesan-kesan yang dapat dilihat di negeri Mesir yang mempunyai tanah yang subur, air yang mewah, tanaman-tanaman dan ternakan-ternakan yang kaya:

ٱلَّذِي جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ مَهْدًا وَسَلَكَ لَكُمْ فِيهَا سُبُلًا وَأَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦٓ أَزْوَٰجًا مِّن نَّبَاتٍ شَتَّىٰ ﴿٥٣﴾

كُلُوا۟ وَٱرْعَوْا۟ أَنْعَٰمَكُمْ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِي ٱلنُّهَىٰ ﴿٥٤﴾

*"Dialah yang telah menjadikan bumi untuk kamu sebagai hamparan dan mengadakan padanya jalan-jalan untuk kamu, Dia juga yang menurunkan hujan dari langit, dan dengan siramannya kami keluarkan pasangan-pasangan dari bermacam-macam tumbuhan(53). Makanlah kamu dan gembalakanlah ternakan-ternakan kamu. Sesungguhnya pada kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan (Allah) bagi orang-orang yang berakal."(54)*

Seluruh bumi ini merupakan hamparan kepada umat manusia di setiap tempat dan zaman. Ia merupakan buaian sama dengan buaian kanak-kanak, kerana manusia merupakan kanak-kanak bumi yang merangkul dan memberi makan kepada mereka. Bumi

ini juga dihamparkan untuk kemudahan mereka berjalan, menenggala, menanam dan hidup di atasnya. Ia diciptakan sedemikian rupa pada hari Allah menentukan rupa bentuk kejadian segala sesuatu. Dia telah mengurniakan kepada bumi ini rupa bentuknya yang sesuai untuk didiami makhluk-makhluk yang bernyawa. Dia telah mengurniakan kepada manusia rupa bentuknya yang sesuai dengan mereka untuk hidup di muka bumi ini yang telah dihamparkannya dan dijadikannya sebagai buaian mereka. Bentuk hamparan dan buaian itu merupakan dua pengertian yang hampir bersamaan dan berhubung rapat.

Gambaran buaian dan sifat terhampar itu tidak terhampar begitu jelas di tempat-tempat yang lain sebagaimana ia dapat dilihat dengan jelas di negeri Mesir, kerana Mesir merupakan sebuah wadi yang menghijau subur, datar dan terhampar, di mana penduduknya dapat bercucuk tanam dengan mudah seolah-olah buaian kanak-kanak yang merangkul dan membelanya.

Allah Pencipta dan Pentadbir yang menjadikan bumi sebagai hamparan itu telah mengadakan berbagai-bagai jalan di atasnya dan menurunkan air hujan dari langit, dan dari air hujan inilah terjadinya sungai-sungai yang mengalir dan di antaranya ialah Sungai Nil yang berhampiran dengan istana Fir'aun. Dengan siraman air hujan Dia mengeluarkan berbagai-bagai jenis tumbuhan dan tanaman. Di sini negeri Mesir merupakan satu contoh yang paling jelas, yang menunjukkan bagaimana Allah mengeluarkan tumbuh-tumbuhan untuk menjadi makanan kepada manusia dan menternakkan haiwan.

Allah Pencipta dan Pentadbir telah menghendaki menjadikan tumbuh-tumbuhan berpasang-pasangan seperti hidup-hidupan yang lain. Gejala berpasangan itu merupakan gejala yang lazim pada seluruh makhluk yang hidup. Tumbuh-tumbuhan biasanya membawa sel-sel jantan dan sel-sel betina pada setiap tumbuhan dan kadang-kadang pendebungaan berlangsung pada tumbuhan jantan yang tunggal seperti yang berlaku pada setengah-setengah spesies haiwan. Dengan demikian terlaksanalah kaedah keseimbangan di dalam undang-undang hidup yang berlaku pada segala jenis kejadian:

*"Sesungguhnya pada kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti kekuasaan (Allah) bagi orang-orang yang berakal."(54)*

Tiada satu akal yang jujur yang meneliti peraturan alam yang mengkagumkan ini kemudian ia tidak dapat melihat bukti-bukti yang menunjukkan adanya Tuhan Pencipta Yang Maha Pentadbir yang telah mengatur kepada setiap suatu bentuk kejadian yang sesuai dengannya di samping memberi hidayat kepada tugas masing-masing.

Kemudian cerita perkataan-perkataan Musa itu disempurnakan pula dengan firman Allah yang langsung:

مِنْهَا خَلَقْنَٰكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَىٰ ﴿٥٥﴾
وَلَقَدْ أَرَيْنَٰهُ ءَايَٰتِنَا كُلَّهَا فَكَذَّبَ وَأَبَىٰ ﴿٥٦﴾

*"Dari tanah (bumi) Kami ciptakan kamu dan kepadanya Kami akan pulangkan kamu dan daripadanya juga Kami akan keluarkan kamu pada suatu ketika yang lain(55). Dan sesungguhnya Kami telah memperlihatkan kepada Fir'aun segala tanda-tanda kekuasaan Kami, tetapi dia telah mendustakannya dan enggan menerima."(56)*

Dari bumi yang Kami ciptakannya sebagai hamparan untuk kamu, di mana Kami mengadakan berbagai-bagai jalan dan menurunkan hujan dari langit dan dengan air hujan itulah Kami ciptakan pasangan-pasangan dari berbagai-bagai jenis tumbuh-tumbuhan untuk menjadi makanan kepada manusia dan haiwan... dari bumi inilah Kami ciptakan kamu dan ke dalam bumi inilah Kami kembalikan kamu dan dari bumi inilah juga Kami akan mengeluarkan kamu selepas kematian kamu.

Manusia telah diciptakan dari bahan bumi. Keseluruhan unsur jisimnya adalah dari unsur-unsur bumi, kerana manusia makan dari tumbuhan bumi, minum dari airnya dan bernafas dari udaranya. Dialah anak bumi dan bumi itulah buaiannya. Kepada bumi dia pulang sebagai mayat yang ditimbusi tanah, di sana ia reput bercampuraduk dengan debu-debu pasirnya dan akhirnya menjadi gas yang bercampur baur dengan udaranya, kemudian dari bumi inilah juga dia dihidupkan sekali lagi sebagaimana dia diciptakan bagi kali yang pertama.

Penciptaan bumi yang disebutkan di sini mempunyai hubungan dengan adegan dialog dengan Fir'aun yang zalim dan angkuh itu kerana dia mengangkatkan dirinya ke maqam ketuhanan, sedangkan dia diciptakan dari bumi dan akan dipulangkan ke bumi. Dia tidak lebih dari salah satu dari makhluk-makhluk yang telah diciptakan Allah di bumi dan diberi hidayat kepada tugas-tugas semulajadinya.

*"Dan sesungguhnya Kami telah memperlihatkan kepada Fir'aun segala tanda-tanda kekuasaan Kami, tetapi dia telah mendustakannya dan enggan menerima."(56)*

### *Fir'aun Mencabar Musa Bertanding Dengan Ahli-ahli Sihirnya*

Maksudnya, Kami telah memperlihatkan kepadanya bukti-bukti kejadian alam yang ditunjukkan Musa kepadanya, juga mu'jizat-mu'jizat tongkat dan tangan yang tidak disebut di sini kerana kedua-duanya merupakan sebahagian dari bukti-bukti kekuasaan Allah, dan bukti-bukti kejadian alam yang lain merupakan bukti-bukti yang lebih besar dan lebih kekal. Oleh sebab itulah kedua-dua jenis bukti ini (bukti kejadian alam dan bukti mu'jizat tongkat dan tangan) tidak dihuraikan kepada Fir'aun di sini kerana

ia dapat difaham secara tersirat, malah Al-Qur'an menghuraikan penolakan Fir'aun terhadap seluruh bukti itu. Dari sinilah kita dapat faham bahawa Al-Qur'an mengisyaratkan kepada dua jenis bukti itu.

قَالَ أَجِئْتَنَا لِتُخْرِجَنَا مِنْ أَرْضِنَا بِسِحْرِكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿٥٧﴾ فَلَنَأْتِيَنَّكَ بِسِحْرٍ مِّثْلِهِۦ فَٱجْعَلْ بَيْنَنَا وَبَيْنَكَ مَوْعِدًا لَّا نُخْلِفُهُۥ نَحْنُ وَلَآ أَنتَ مَكَانًا سُوًى ﴿٥٨﴾ قَالَ مَوْعِدُكُمْ يَوْمُ ٱلزِّينَةِ وَأَن يُحْشَرَ ٱلنَّاسُ ضُحًى ﴿٥٩﴾

*"Fir'aun berkata: Adakah (tujuan) engkau datang kepada kami untuk mengusirkan kami dari negeri kami dengan (kepandaian) sihirmu, wahai Musa?(57) Sesungguhnya kami akan membawa kepadamu sihir yang seperti itu juga. Oleh itu tetapkanlah satu hari (pertandingan) di antara kami dengan engkau, yang mana kami dan engkau tidak akan memungkirinya di suatu tempat yang terbuka(58). Jawab Musa: Hari (pertandingan di antara kami dan) kamu ialah pada hari raya (Yang akan datang) dan hendaklah orang ramai dikumpulkan di waktu pertengahan pagi."(59)*

Demikianlah Fir'aun tidak mahu meneruskan perdebatannya dengan Musa a.s. kerana hujah beliau amat jelas dan kesannya amat kuat. Ini ialah kerana hujah itu diambil dari bukti-bukti kejadian alam dan dari bukti- bukti mu'jizat yang berlaku pada diri beliau. Oleh sebab itu Fir'aun menggunakan cara melemparkan tuduhan terhadap Musa, iaitu dia menuduh beliau telah menggunakan ilmu sihir yang mengubahkan tongkat menjadi ular yang merayap dan mengubahkan tangan menjadi putih melepak tanpa sesuatu penyakit. Kepandaian sihir itulah yang paling dekat kepada fikiran Fir'aun, kerana ilmu sihir di waktu itu tersebar dengan luasnya dan kerana sifat dari kedua-dua mu'jizat itu lebih dekat kepada perkara-perkara yang lumrah berlaku di dalam amalan sihir, sedangkan yang sebenarnya sihir itu adalah suatu gambaran fantasi semata-mata bukannya gambaran hakikat dan suatu silap mata yang mengelirukan penglihatan dan pancaindera-pancaindera yang lain. Kadang-kadang sihir boleh mengelirukan perasaan manusia sehingga ia dapat melahirkan kesan-kesan yang boleh dirasa sama seperti kesan-kesan kejadian yang haqiqi sebagaimana telah disaksikan bagaimana orang yang terkena sihir itu kadang-kadang memperlihatkan kesan-kesan saraf dan fizikal seolah-olah kesan-kesan itu benar-benar berlaku kepada mereka, tetapi kedua-dua mu'jizat Musa itu bukannya dari jenis kepandaian sihir, malah kedua-duanya dari ciptaan qudrat Ilahi yang berkuasa mencipta dan mengubahkan segala sesuatu itu secara haqiqi sama ada perubahan itu dalam bentuk sementara atau dalam bentuk selama-lamanya.

قَالَ أَجِئْتَنَا لِتُخْرِجَنَا مِنْ أَرْضِنَا بِسِحْرِكَ يَٰمُوسَىٰ ﴿٥٧﴾

*"Fir'aun berkata: Adakah (tujuan) engkau datang kepada kami untuk mengusirkan kami dari negeri kami dengan (kepandaian) sihirmu, wahai Musa?"(57)*

Jelaslah bahawa perhambaan dan penindasanterhadap Bani Israel yang dilakukan oleh Fir'aun itu merupakan suatu tindakan politik kerana ditakuti bilangan mereka bertambah ramai dan kedudukan mereka bertambah kuat, maka demi kepentingan berkuasa dan memerintah, pemerintah-pemerintah yang zalim tidak silu malu dan segan dari melakukan jenayah-jenayah yang paling liar dan ganas, paling jauh dari segala perasaan kemanusiaan, dari akhlak, dari maruah dan dari hati nurani. Justeru itu Fir'aun sanggup bertindak untuk menghapuskan Bani Israel dan melemahkan mereka dengan membunuh bayi-bayi lelaki mereka dan mengekalkan bayi-bayi perempuan, menggunakan orang-orang dewasa dalam kerja-kerja berat yang membinasakan mereka. Kerana itu apabila Musa dan Harun berkata kepadanya "lepaskanlah Bani Israel keluar bersama kami dan janganlah engkau tindaskan mereka", dia terus menjawab "adakah (tujuan) engkau datang kepada kami untuk mengusirkan kami dari negeri kami dengan (kepandaian) sihirmu, wahai Musa?" kerana pembebasan Bani Israel itu merupakan langkah persediaan untuk mengambil alih pemerintahan dan merampas negeri.

Dan andainya Musa menuntut pembebasan Bani Israel itu kerana tujuan ini dan segala apa yang ditunjukkan oleh beliau merupakan amalan sihir, maka jawapan yang paling mudah ialah:

فَلَنَأْتِيَنَّكَ بِسِحْرٍ مِّثْلِهِۦ

*"Sesungguhnya kami akan membawa kepada kamu sihir yang seperti itu juga."(58)*

Demikianlah kebiasaan pemerintah-pemerintah yang zalim itu selalu memahami bahawa di sebalik dakwaan para rasul yang memperjuangkan 'aqidah-'aqidah yang benar itu tersembunyi sesuatu tujuan keduniaan. Bagi mereka perjuangan 'aqidah itu hanya tabir bagi perjuangan merebut kekuasaan dan pemerintahan. Apabila mereka melihat para rasul itu membawa bukti-bukti sama ada berupa mu'jizat seperti yang ditunjukkan oleh Nabi Musa a.s. atau berupa sesuatu yang memikat hati manusia walaupun tidak termasuk dalam perkara-perkara mu'jizat, maka mereka akan menentang bukti-bukti itu dengan bukti-bukti yang sama pada lahirnya. Jika mereka mengguna ilmu sihir, kami juga dapat menggunakan ilmu sihir. Jika mereka menggunakan madah yang menarik, kami juga dapat menggunakan madah yang menarik. Jika mereka memperlihatkan kebaikan dan kesolehan, kami juga boleh berpura-pura menunjukkan baik dan soleh. Jika mereka menunjukkan amalan yang baik, kami juga boleh menunjukkan amalan-amalan yang baik. Pemerintah-pemerintah yang zalim itu tidak memahami bahawa 'aqidah-'aqidah itu mempunyai kekuatan moral dari keimanan dan dari pertolongan Allah. Dengan

kekuatan keimanan dan pertolongan Allah inilah 'aqidah-'aqidah ini dapat mencapai kemenangan. Ia bukannya mencapai kemenangan dengan kekuatan dan bentuk rupa yang lahir.

Kerana itu Fir'aun meminta Musa a.s. menentukan masa pertandingan dengan ahli-ahli sihir baginda. Dia memberi kebebasan kepada beliau memilih hari itu sebagai satu cabaran:

فَٱجۡعَلۡ بَيۡنَنَا وَبَيۡنَكَ مَوۡعِدٗا

*"Oleh itu tetapkanlah satu hari (pertandingan) di antara kami dengan engkau"(58)*

kemudian dia menuntut beliau supaya jangan memungkiri janji itu sebagai menguatkan cabarannya:

لَّا نُخۡلِفُهُۥ نَحۡنُ وَلَآ أَنتَ

*"Yang mana kami dan engkau tidak akan memungkirinya"(58)*

kemudian tempat pertandingan itu hendaklah diadakan di suatu tempat yang terbuka untuk menambahkan lagi cabarannya:

*"Di suatu tempat yang terbuka."(58)*

Cabaran itu telah disambut oleh Musa a.s. lalu beliau memilih masa pertandingan itu pada salah satu hariraya dari hari raya-hari raya yang dirayakan oleh penduduk negeri Mesir dengan pakaian-pakaian yang indah di mana mereka berkumpul di tanah-tanah lapang dan tempat-tempat yang terbuka.

قَالَ مَوۡعِدُكُمۡ يَوۡمُ ٱلزِّينَةِ وَأَن يُحۡشَرَ ٱلنَّاسُ ضُحٗى ﴿٥٩﴾

*"Jawab Musa: Hari (pertandingan di antara kami dan) kamu ialah pada hari raya (yang akan datang) dan hendaklah orang ramai dikumpulkan di waktu pertengahan pagi."(59)*

Musa a.s. meminta supaya orang ramai dikumpul di waktu pagi di suatu tempat yang terbuka. Beliau telah menyambut cabaran Fir'aun dan menambahkan pula supaya masa pertandingan itu di waktu pertengahan pagi, iaitu masa siang yang paling terang dan paling banyak orang ramai berkumpul pada hari raya, bukannya di limun-limun pagi kerana orang ramai belum lagi meninggal rumah-rumah mereka, dan bukan pula di waktu tengahari, kerana orang ramai tidak dapat keluar disebabkan panas yang terik dan bukan pula di waktu senja di mana orang ramai tidak dapat berkumpul dan melihat pertandingan itu dengan terang kerana gelap.

Di sini berakhirlah adegan pertama dari adegan-adegan pertembungan di antara keimanan dan kezaliman di medan pertempuran.

Di sini tabir dilabuhkan, kemudian disingkapkan kembali untuk menunjukkan satu adegan yang lain.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 60 - 79)**

*"Kemudian Fir'aun beredar (dari majlis itu) lalu mengumpulkan segala tipu dayanya (tukang-tukang sihir) kemudian dia datang (pada hari pertandingan)."(60)*

Ayat ini mengintisarikan segala pembicaraan Fir'aun dan para pembesar kaumnya, juga kata-kata pemberangsangan dan janji-janji hadiah yang berlaku di antara Fir'aun dengan tukang-tukang sihir itu serta apa yang difikir dan dirancangkan oleh Fir'aun dan para penasihatnya. Semuanya disimpulkan dalam satu ungkapan yang ringkas "kemudian Fir'aun pergi lalu mengumpulkan segala tipu dayanya kemudian ia datang" (pada hari pertandingan). Serangkai ayat yang pendek ini menggambarkan tiga pergerakan yang berturut-turut iaitu pemergian Fir'aun, pengumpulan tipu dayanya dan kehadirannya membawa tukang-tukang sihir.

***Kesan Da'wah Musa Kepada Ahli-ahli Sihir Fir'aun***

Sebelum memasuki pertandingan, Musa a.s. telahberfikir untuk memberi nasihat kepada mereka sambil mengingatkan mereka terhadap akibat buruk yang akan menimpa mereka kerana perbuatan mereka melakukan pembohongan terhadap Allah, semoga mereka kembali ke jalan hidayat dan meninggalkan cabaran mereka dengan ilmu sihir mereka kerana ilmu itu merupakan satu pembohongan terhadap Allah:

قَالَ لَهُم مُّوسَىٰ وَيۡلَكُمۡ لَا تَفۡتَرُواْ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبٗا فَيُسۡحِتَكُم بِعَذَابٖۖ وَقَدۡ خَابَ مَنِ ٱفۡتَرَىٰ ﴿٦١﴾

*"Berkatalah Musa kepada mereka (ahli-ahli sihir): Celakalah kamu! Janganlah kamu mengada-adakan pembohongan terhadap Allah, kerana akibatnya Dia akan membinasakan kamu dengan 'azab seksa. Sesungguhnya amat rugilah orang-orang yang telah mengada-adakan pembohongan (terhadap Allah)."(61)*

Perkataan yang benar itu dapat menyentuh dan menembusi setengah-setengah hati manusia dan inilah yang telah berlaku kepada tukang-tukang sihir itu. Setengah-setengah mereka telah terpengaruh dengan nasihat Musa yang ikhlas itu dan menyebabkan mereka teragak-agak untuk menyertai pertandingan itu, sementara tukang- tukang sihir yang lain yang berazam untuk memasuki pertandingan itu bersoaljawab dengan mereka secara diam-diam kerana takut didengari Musa:

فَتَنَٰزَعُوٓاْ أَمۡرَهُم بَيۡنَهُمۡ وَأَسَرُّواْ ٱلنَّجۡوَىٰ ﴿٦٢﴾

*"Lalu mereka berselisih di antara mereka mengenai urusan mereka dan merahsiakan perbincangan mereka."(62)*

Mereka berbisik-bisik satu sama lain. Mereka menimbulkan perasaan takut dalam kumpulan yang teragak-agak memasuki pertandingan, iaitu mereka

menakut-nakutkan mereka dengan Musa dan Harun yang mahu menguasai negeri Mesir dan mengubahkan 'aqidah-'aqidah para penduduknya. Ini memerlukan mereka menghadapi kedua-dua orang itu dengan perpaduan yang kukuh tanpa teragak-agak dan berselisih faham. Hari ini adalah hari perjuangan penentu. Siapa yang menang dia akan beruntung dan berjaya:

قَالُوٓاْ إِنۡ هَٰذَٰنِ لَسَٰحِرَٰنِ يُرِيدَانِ أَن يُخۡرِجَاكُم مِّنۡ أَرۡضِكُم بِسِحۡرِهِمَا وَيَذۡهَبَا بِطَرِيقَتِكُمُ ٱلۡمُثۡلَىٰ ﴿٦٣﴾ فَأَجۡمِعُواْ كَيۡدَكُمۡ ثُمَّ ٱئۡتُواْ صَفّٗاۚ وَقَدۡ أَفۡلَحَ ٱلۡيَوۡمَ مَنِ ٱسۡتَعۡلَىٰ ﴿٦٤﴾

*"Mereka berkata: Sesungguhnya kedua-dua orang ini mahu mengusirkan kamu keluar dari negeri kamu dengan kepandaian sihir mereka dan menghapuskan agama kamu yang unggul(63). Oleh itu satukanlah tipu daya kamu kemudian datanglah dalam satu barisan yang padu. Sesungguhnya beruntunglah orang yang menang pada hari ini."(64)*

Demikianlah kesan sepatah nasihat yang benar yang terbit dari 'aqidah yang benar. Ia meledak seperti bom dalam barisan pendokong kebatilan. Ia menggoncangkan kepercayaan mereka terhadap diri sendiri dan daya qudrat mereka, juga menggoncangkan 'aqidah dan pegangan mereka hingga memerlukan kepada pemberangsangan dan pengapian semangat yang seperti ini, sedangkan Musa dan saudaranya Harun hanya merupakan satu barisan dua orang yang menghadapi barisan tukang-tukang sihir yang ramai, iaitu satu barisan yang disokong oleh Fir'aun, kerajaannya, bala tenteranya, kekuasaannya dan harta kekayaannya. Namun demikian Musa dan Harun adalah bersama Allah yang sentiasa mendengar dan melihat.

Barangkali inilah rahsia yang dapat menjelaskan tindak-tanduk Fir'aun yang zalim dan sewenang-wenang itu kepada kita, juga menjelaskan sikap tukang-tukang sihir yang disokong oleh Fir'aun itu. Dari awal lagi siapakah gerangan Musa dan Harun ini hingga perlu dilawan oleh Maharaja Fir'aun yang menerima cabaran mereka? Hingga perlu dia bersusah payah mengumpulkan segala tipu dayanya kemudian berangkat ke medan pertandingan setelah mengumpulkan tukang-tukang sihir dan menghimpunkan khalayak yang ramai? Hingga dia perlu duduk bersama-sama para pembesar kaumnya untuk menyaksikan pertandingan itu? Bagaimana Maharaja Fir'aun sanggup berdebat dan berlawan dengan Musa? Sedangkan Musa tidak lebih dari seorang dari kaum Israel yang tertindas di bawah kekuasaannya? Itulah daya kehebatan yang telah dikurniakan Allah kepada Musa dan Harun, yang sentiasa bersama keduanya mendengar dan melihat.

Itulah daya kehebatan yang membuat sepatah nasihat Musa telah menggoncangkan barisan tukang-tukang sihir yang terlatih hingga memerlukan mereka mengadakan perbincangan secara sulit, membesar-besarkan bahaya Musa, membangkitkan semangat dan menyeru mereka kepada bersatu padu.

Kemudian para tukang sihir tampil ke depan:

قَالُواْ يَٰمُوسَىٰٓ إِمَّآ أَن تُلۡقِيَ وَإِمَّآ أَن نَّكُونَ أَوَّلَ مَنۡ أَلۡقَىٰ ﴿٦٥﴾

*"Mereka berkata: Wahai Musa! (pilihlah) sama ada engkau yang mula mencampakkannya atau kami yang mula mencampakkannya?"(65)*

### *Petandingan Dengan Ahli-ahli Sihir Fir'aun*

Itulah seruan mempelawa turun ke medan pertandingan, iaitu satu seruan yang membayangkan barisan yang padu, sikap yang adil dan mencabar.

قَالَ بَلۡ أَلۡقُواْۖ

*"Jawab Musa: Bahkan silalah kamu campakkan dahulu!"(66)*

Cabaran itu diterima mereka. Beliau memberi kepada mereka peluang memulakan pertandingan dan memegang kata pemutus di tangannya... Kemudian apakah yang telah berlaku.... ? Nampaknya mereka telah berjaya menunjukkan sihir mereka yang mengkagetkan hingga menyebabkan khalayak yang ramai tiba-tiba menjadi gempar dan Musa sendiri menjadi cemas:

فَإِذَا حِبَالُهُمۡ وَعِصِيُّهُمۡ يُخَيَّلُ إِلَيۡهِ مِن سِحۡرِهِمۡ أَنَّهَا تَسۡعَىٰ ﴿٦٦﴾ فَأَوۡجَسَ فِي نَفۡسِهِۦ خِيفَةٗ مُّوسَىٰ ﴿٦٧﴾

*"Maka tiba-tiba tali-tali dan tongkat-tongkat mereka terperasan kepada Musa seakan-akan berjalan kerana kepandaian sihir mereka. Lalu Musa merasa takut di dalam hatinya."(66-67)*

Ungkapan ini membayangkan betapa hebatnya sihir itu sehingga menimbulkan rasa cemas di dalam hati Musa, sedangkan Allah bersamanya turut mendengar dan melihat. Tentulah Musa tidak merasa cemas melainkan kerana sesuatu yang sangat hebat yang menyebabkan beliau lupa seketika bahawa beliau berada di pihak yang lebih kuat hingga diperingatkan Allah bahawa beliau mempunyai kekuatan yang amat besar:

قُلۡنَا لَا تَخَفۡ إِنَّكَ أَنتَ ٱلۡأَعۡلَىٰ ﴿٦٨﴾ وَأَلۡقِ مَا فِي يَمِينِكَ تَلۡقَفۡ مَا صَنَعُوٓاْۖ إِنَّمَا صَنَعُواْ كَيۡدُ سَٰحِرٖۖ وَلَا يُفۡلِحُ ٱلسَّاحِرُ حَيۡثُ أَتَىٰ ﴿٦٩﴾

*"Lalu Kami berkata: Janganlah engkau takut kerana engkaulah yang akan menang(68). Dan campakkanlah apa yang ada di tanganmu itu nescaya ia akan menelan segala apa yang dibuat mereka. Sesungguhnya segala apa yang*

*dibuat mereka hanya tipu daya tukang sihir sahaja, sedangkan tukang sihir itu tidak akan mendapat kejayaan biarpun dari mana sahaja dia datang."(69)*

Janganlah engkau takut. Engkaulah yang akan menang kerana kebenaran berada di pihak engkau dan kebatilan berada di pihak mereka, engkau memperjuangkan 'aqidah yang benar dan mereka memperjuangkan kerjaya sihir. Engkau beriman kepada kebenaran agama yang dipegang engkau sedangkan mereka mengharapkan upah pertandingan dan ganjaran kesenangan hidup. Engkau mempunyai hubungan dengan kekuatan yang maha agung, sedangkan mereka menggunakan kekuatan seorang makhluk manusia yang fana walau dia seorang raja yang amat zalim dan ganas.

Janganlah engkau takut *"Dan campakkanlah apa yang ada di tanganmu itu"* tanpa menyebut tongkat untuk membesar-besarkannya *"nescaya ia akan menelan segala apa yang dibuat mereka"*, dan segala apa yang ditunjuk mereka hanya suatu perbuatan sihir yang dirancang oleh tukang sihir sahaja, sedangkan tukang sihir itu tidak akan mendapat kejayaan biar ke mana sahaja dia pergi dan di jalan mana sahaja dia berjalan kerana dia hanya mengikut tipu daya imaginasi dan membuat orang dikongkong gambaran fantasi. Dia tidak mengikut hakikat yang teguh dan kekal. Kedudukannya sama dengan kedudukan setiap orang yang memperjuangkan kebatilan di hadapan orang yang memperjuangkan kebenaran dan berpegang dengan kejujuran. Kadang-kadang kebatilannya kelihatan begitu besar, hebat dan menakutkan pada pandangan orang yang lupakan kekuatan kebenaran yang besar, yang tersembunyi, iaitu kekuatan yang tidak menunjukkan lagak yang sombong, angkuh dan takbur, tetapi pada akhirnya ia akan menewaskan kebatilan dan kebatilan tetap akan hapus dan musnah. Ia akan ditelan kebenaran dan akan hilang dari mata.

Musa mencampakkan tongkatnya lalu berlakulah peristiwa yang amat memeranjatkan semua orang. Ayat ini menggambarkan bagaimana kesan peristiwa yang amat mengkagetkan itu mempengaruhi jiwa tukang-tukang sihir yang telah memasuki pertandingan itu dengan hasrat mendapat kemenangan. Baru sekejap tadi mereka berbisik-bisik dan memberangsangkan satu sama lain. Mereka telah berjaya menunjukkan kepandaian dan kehandalan mereka dalam ilmu sihir sehingga mencemaskan hati Musa.

Musa sendiri terperasan - sedangkan beliau seorang rasul - melihat tali-tali dan tongkat-tongkat yang dicampakkan ahli-ahli sihir itu seolah-olah ular-ular yang sedang berayap-rayap. Ayat ini menggambarkan bagaimana kesan kekagetan dan kehairanan itu mempengaruhi jiwa mereka hingga mengubahkan seluruh perasaan mereka yang tidak dapat diungkapkan dengan kalam dan tidak dapat dihuraikan dengan kata-kata:

فَأُلْقِيَ ٱلسَّحَرَةُ سُجَّدًا قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِرَبِّ هَٰرُونَ وَمُوسَىٰ ﴿٧٠﴾

*"Lalu tukang-tukang sihir itu merebahkan diri sujud seraya berkata: Kami telah beriman kepada Tuhan Harun dan Musa."(70)*

Itulah sentuhan yang menyambar saraf yang amat peka hingga menyebabkan seluruh jisim membongkas atau menekan butang api yang menyerlah cahaya dan menerangi kegelapan. Itulah sentuhan iman yang menyentuh hati manusia dan dalam sekelip mata ia mengubahkannya dari kekufuran kepada keimanan.

Tetapi masakan pemerintah-pemerintah yang zalim (seperti Fir'aun) dapat memahami rahsia yang amat halus ini. Masakan mereka tahu bagaimana hati manusia itu berubah. Mereka telah lupa kerana terlalu lama melakukan kezaliman dan terlalu lumrah melihat rakyat jelata mengikut telunjuk mereka. Mereka lupa bahawa Allah berkuasa mengubahkan hati manusia. Mereka lupa bahawa apabila hati manusia berhubung dengan Allah, mengambil bekalan dari Allah dan bersuluh dengan nur Allah, maka tiada siapa pun lagi yang dapat menguasainya:

### *Kekalahan Bertukar Kepada Keganasan*

قَالَ ءَامَنتُمْ لَهُۥ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ ۖ إِنَّهُۥ لَكَبِيرُكُمُ ٱلَّذِى عَلَّمَكُمُ ٱلسِّحْرَ ۖ فَلَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُم مِّنْ خِلَٰفٍ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ فِى جُذُوعِ ٱلنَّخْلِ وَلَتَعْلَمُنَّ أَيُّنَآ أَشَدُّ عَذَابًا وَأَبْقَىٰ ﴿٧١﴾

*"Fir'aun berkata: Apakah wajar kamu beriman kepadanya sebelum aku memberi keizinan kepada kamu? Sesungguhnya dia (Musa) rupa-rupanya menjadi pemimpin kamu yang mengajar ilmu sihir kepada kamu, maka kerana itu aku akan potong tangan dan kaki kamu dengan bersilang dan aku akan palangkan kamu di batang-batang pokok tamar. Sesungguhnya kamu akan mengetahui siapakah di antara kami yang lebih dahsyat dan kekal 'azab keseksaannya?"(71)*

ءَامَنتُمْ لَهُۥ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ

*"Apakah wajar kamu beriman kepadanya sebelum aku memberi keizinan kepada kamu?"(71)*

inilah perkataan Maharaja Fir'aun yang zalim, yang tidak memahami bahawa tukang sihir itu sendiri tidak mampu mengawal diri mereka setelah hati mereka disentuh keimanan? Mereka tidak mampu menolak keimanan itu dari hati mereka kerana hati manusia terletak di antara dua jari qudrat Ilahi yang berkuasa mengubahkannya mengikut iradat-Nya.

إِنَّهُۥ لَكَبِيرُكُمُ ٱلَّذِى عَلَّمَكُمُ ٱلسِّحْرَ

*"Sesungguhnya dia (Musa) rupa-rupanya menjadi pemimpin kamu yang mengajar ilmu sihir"(71)*

inilah rahsia menyerah kalah tukang-tukang sihir itu mengikut pandangan Fir'aun. Rahsia mereka menyerah kalah itu bukannya kerana keimanan yang telah meniti di dalam hati mereka di luar kesedaran

mereka dan bukannya kerana hati mereka telah disentuh oleh tangan qudrat Ilahi yang telah membuang selaput kesesatan dari mata hati mereka.

Kemudian Fir'aun mengeluarkan ancaman untuk menghukumkan tukang-tukang sihir itu dengan hukuman yang amat berat. Itulah senjata yang digunakan oleh pemerintah-pemerintah yang zalim untuk mengazabkan tubuh badan mereka setelah gagal menguasai hati dan jiwa mereka:

فَلَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُم مِّنْ خِلَٰفٍ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ فِي جُذُوعِ ٱلنَّخْلِ

*"Aku akan potong tangan dan kaki kamu dengan bersilang dan aku akan palangkan kamu di batang-batang pokok tamar."(71)*

Kemudian dia mengancam dengan kekuatannya yang ganas dan kejam, iaitu kekuatan binatang buas di dalam hutan rimba, kekuatan yang mengoyak tali perut dan anggota kaki tangan, kekuatan yang tidak membezakan di antara manusia yang ditewaskan dengan hujah dan binatang yang ditewaskan dengan taring:

وَلَتَعْلَمُنَّ أَيُّنَآ أَشَدُّ عَذَابًا وَأَبْقَىٰ ﴿٧١﴾

*"Sesungguhnya kamu akan mengetahui siapakah di antara kami yang lebih dahsyat dan kekal 'azab keseksaannya?"(71)*

Tetapi masa ancaman itu telah terluput, kerana sentuhan iman telah pun menghubungkan zarrah yang kecil itu dengan sumber kekuatannya Yang Maha Agung dan menyebabkannya menjadi begitu kuat dan lurus dan seluruh kekuatan yang wujud di bumi kelihatan begitu kecil dan seluruh nilai hidup dunia menjadi begitu sedikit. Di dalam hati mereka telah terbuka ufuk-ufuk baru yang gemilang dan cemerlang, yang membuat mereka tidak ingin lagi melihat kepada bumi dan segala ni'mat kesenangannya yang fana dan melihat kepada kehidupan dunia dan keni'matan-keni'matannya yang sedikit:

### *Ahli-ahli Sihir Fir'aun Berpaling Tadah*

قَالُوا۟ لَن نُّؤْثِرَكَ عَلَىٰ مَا جَآءَنَا مِنَ ٱلْبَيِّنَٰتِ وَٱلَّذِى فَطَرَنَا ۖ فَٱقْضِ مَآ أَنتَ قَاضٍ ۖ إِنَّمَا تَقْضِى هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَآ ﴿٧٢﴾

إِنَّآ ءَامَنَّا بِرَبِّنَا لِيَغْفِرَ لَنَا خَطَٰيَٰنَا وَمَآ أَكْرَهْتَنَا عَلَيْهِ مِنَ ٱلسِّحْرِ ۗ وَٱللَّهُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ﴿٧٣﴾

*"Jawab mereka: Kami tidak akan mengutamakan engkau dari bukti-bukti kekuasaan Allah yang jelas, yang telah datang kepada kami dan dari Tuhan yang telah menciptakan kami, maka hukumlah kami apa sahaja hukuman (yang engkau suka) kerana engkau hanya boleh menghukum dalam kehidupan dunia ini sahaja(72). Sesungguhnya kami telah beriman kepada Tuhan kami supaya Dia mengampunkan kesalahan-kesalahan kami dan mengampunkan amalan sihir yang telah engkau paksakannya ke atas kami dan Allah itulah yang lebih baik dan lebih kekal (balasan pahalanya)."(73)*

Itulah sentuhan iman di dalam hati para tukang sihir yang baru sekejap tadi tunduk patuh kepada Fir'aun dan menganggapkan perdampingan dengan Maharaja Fir'aun itu sebagai satu keuntungan yang dikejarkan oleh semua orang. Tiba-tiba hati-hati itu dalam sekelip mata sahaja bangkit menentang baginda dengan garangnya serta memandang rendah kepada kerajaan baginda, perhiasan-perhiasan baginda yang indah dan darjat kebesaran baginda yang tinggi:

لَن نُّؤْثِرَكَ عَلَىٰ مَا جَآءَنَا مِنَ ٱلْبَيِّنَٰتِ وَٱلَّذِى فَطَرَنَا ۖ

*"Kami tidak akan mengutamakan engkau dari bukti-bukti (kekuasaan Allah) yang jelas yang telah datang kepada kami dan dari Tuhan yang telah menciptakan kami"(72)*

kerana bukti-bukti itu amat mulia dan amat tinggi di sisi kami dan Allah Maha Besar dan Maha Tinggi di sisi kami:

فَٱقْضِ مَآ أَنتَ قَاضٍ ۖ

*"Maka hukumlah kami apa sahaja hukuman (yang engkau suka)" (72)*

di hadapan engkau terdapat segala apa yang dimiliki engkau di bumi ini yang dapat diguna untuk menghukum kami:

إِنَّمَا تَقْضِى هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَآ ﴿٧٢﴾

*"Kerana engkau hanya boleh menghukum dalam kehidupan dunia ini sahaja."(72)*

Kuasa engkau hanya terbatas di dunia ini sahaja dan engkau tidak mempunyai sebarang kuasa di atas kami di alam yang lain dari dunia ini. Alangkah pendeknya kehidupan dunia ini dan alangkah sedikitnya hidup dunia ini! 'azab keseksaan yang engkau akan lakukan terhadap kami adalah terlalu kecil untuk ditakuti oleh hati kami yang telah berhubung mesra dengan Allah dan mengharapkan hidup yang kekal abadi di Akhirat:

إِنَّآ ءَامَنَّا بِرَبِّنَا لِيَغْفِرَ لَنَا خَطَٰيَٰنَا وَمَآ أَكْرَهْتَنَا عَلَيْهِ مِنَ ٱلسِّحْرِ ۗ

*"Sesungguhnya kami telah beriman kepada Tuhan kami supaya Dia mengampunkan kesalahan-kesalahan kami dan mengampunkan amalan sihir yang telah engkau paksakannya ke atas kami."(73)*

Iaitu kerja sihir yang telah engkau perintahkan kami melakukannya, sedangkan kami tidak berdaya melanggar perintah itu. Semoga dengan keimanan kami kepada tuhan kami Dia mengampunkan dosa-dosa kami:

وَٱللَّهُ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ﴿٧٣﴾

*"Dan Allah itulah yang lebih baik dan lebih kekal (balasan pahalanya)."(73)*

Yakni lebih baik pengurniaan dan perlindungan-Nya dan lebih kekal ganjaran dan balasan-Nya jika engkau terus mengancam kami dengan 'azab keseksaan yang lebih dahsyat dan kekal.

Para ahli sihir yang beriman kepada Allah telah mendapat ilham untuk mengambil sikap sebagai seorang guru yang mempunyai pendirian yang tinggi dalam menghadapi Maharaja Fir'aun yang zalim itu:

إِنَّهُۥ مَن يَأْتِ رَبَّهُۥ مُجْرِمًا فَإِنَّ لَهُۥ جَهَنَّمَ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ ﴿٧٤﴾

وَمَن يَأْتِهِۦ مُؤْمِنًا قَدْ عَمِلَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمُ ٱلدَّرَجَٰتُ ٱلْعُلَىٰ ﴿٧٥﴾

جَنَّٰتُ عَدْنٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ وَذَٰلِكَ جَزَآءُ مَن تَزَكَّىٰ ﴿٧٦﴾

*"Sesungguhnya barang siapa yang menemui Tuhannya dengan keadaan berdosa, maka dia akan mendapat Neraka Jahannam, di mana dia tidak mati dan tidak pula hidup(74). Dan barang siapa yang menemui-Nya dengan keadaan beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka mereka akan memperolehi darjat-darjat yang amat tinggi(75). (Iaitu) Syurga 'Adni yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Dan itulah balasan kepada orang yang membersihkan dirinya."(76)*

Jika Fir'aun mengancam mereka dengan 'azab keseksaan yang lebih dahsyat dan kekal, maka inilah gambaran 'azab seksa yang akan diterima oleh orang yang menemui Allah dengan keadaan berdosa, iaitu 'azab seksa yang lebih dahsyat dan kekal:

فَإِنَّ لَهُۥ جَهَنَّمَ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ ﴿٧٤﴾

*"Dia akan mendapat Neraka Jahannam, di mana dia tidak mati dan tidak pula hidup."(74)*

Dia tidak mati hingga dapat berehat dari 'azab dan tidak pula hidup hingga dapat merasa keni'matan, malah dia mendapat 'azab seksa yang tidak berakhir dengan mati dan tidak pula berakhir dengan hidup. Sementara di sebelah kawasan yang lain (terdapat ahli-ahli Syurga) yang mendapat balasan dengan darjat-darjat yang amat tinggi, iaitu hidup di dalam Syurga yang mengalir di bawah bilik-biliknya sungai-sungai:

وَذَٰلِكَ جَزَآءُ مَن تَزَكَّىٰ ﴿٧٦﴾

*"Itulah balasan kepada orang yang membersihkan dirinya"(76)*

dari dosa-dosa.

Hati Para ahli sihir itu telah mempersenda-sendakan ancaman Fir'aun yang zalim. Mereka menghadapi baginda dengan kalimat iman yang kuat dengan keimanan yang penuh yakin, dengan peringatan iman yang jujur dan harapan iman yang mendalam.

Adegan ini telah berlalu di dalam sejarah manusia sebagai satu perisytiharan kebebasan hati manusia iaitu bebas dari ikatan dan kuasa bumi, dari tamak haloba, dari keinginan mendapat ganjaran dunia dan dari ketakutan kepada kuasa yang memerintah. Hati manusia tidak mampu membuat perisytiharan yang lantang ini melainkan di bawah naungan keimanan.

Di sini tirai dilabuhkan kemudian disingkapkan kembali untuk menayangkan satu adegan dan satu babak baru dari kisah ini, iaitu adegan yang menunjukkan kemenangan kebenaran dan keimanan di alam kenyataan setelah kedua-duanya mencapai kemenangan di alam fikiran dan kepercayaan. Di dalam ayat yang telah silam telah dijelaskan tentang kemenangan mu'jizat tongkat mengalahkan kepandaian sihir, kemenangan 'aqidah yang benar di dalam hati para ahli sihir mengalahkan kerjaya mencari makan dengan ilmu sihir, kemenangan iman di dalam hati mereka mengalahkan keinginan mendapat ganjaran Maharaja Fir'aun dan ketakutan kepada kuasanya, ancamannya dan 'azab keseksaan yang diugut oleh baginda. Kini kebenaran telah menewaskan kebatilan, hidayat telah menewaskan kesesatan, keimanan telah menewaskan kezaliman di alam kenyataan. Kemenangan yang akhir bergantung kepada kemenangan yang pertama. Kemenangan tidak dapat ditegakkan di alam kenyataan melainkan sesudah berjaya ditegakkan di alam hati nurani. Pendokong-pendokong kebenaran tidak akan mendapat kemenangan di alam zahir melainkan sesudah mereka mendapat kemenangan di alam batin. Apabila hakikat keimanan bertapak di dalam perasaan manusia, maka ia akan mencari jalan menonjolkan dirinya supaya dapat dilihat manusia di alam kenyataan, tetapi andainya keimanan itu masih dalam bentuk gejala yang belum bertapak di dalam hati dan kebenaran masih dalam bentuk lambang yang belum lagi keluar dari hati nurani, maka keimanan dan kebenaran mungkin ditewaskan oleh kezaliman dan kebatilan kerana kedua-duanya mempunyai kekuatan kebendaan yang haqiqi, yang tidak dapat dilawan dan ditanding oleh kebenaran dan keimanan. Oleh itu hakikat keimanan pastilah bertapakdi dalam jiwa dan hakikat kebenaran pastilah bertunjang kukuh di dalam hati, dan di waktu ini barulah kedua-duanya menjadi lebih kuat dari hakikat kekuatan-kekuatan kebendaan yang diperalatkan oleh kebatilan dan kezaliman. Inilah pendirian Musa a.s terhadap kepandaian sihir dan ahli-ahli sihir dan pendirian para ahli sihir yang beriman terhadap Fir'aun dan para pembesarnya. Justeru itulah beliau mendapat kemenangan dalam perjuangannya di bumi ini sebagaimana ditayangkan oleh adegan ini dalam ayat-ayat berikut:

### *Musa Membawa Bani Israel Keluar Dari Bumi Mesir*

وَلَقَدْ أَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنْ أَسْرِ بِعِبَادِى فَٱضْرِبْ لَهُمْ طَرِيقًا فِى ٱلْبَحْرِ يَبَسًا لَّا تَخَٰفُ دَرَكًا وَلَا تَخْشَىٰ ﴿٧٧﴾
فَأَتْبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ بِجُنُودِهِۦ فَغَشِيَهُم مِّنَ ٱلْيَمِّ مَا غَشِيَهُمْ ﴿٧٨﴾
وَأَضَلَّ فِرْعَوْنُ قَوْمَهُۥ وَمَا هَدَىٰ ﴿٧٩﴾

*"Dan sesungguhnya Kami telah mewahyukan kepada Musa: Bawalah keluar hamba-hamba-Ku (Bani Israel) di waktu malam dan belahkan (dengan tongkatmu) satu jalan yang kering di lautan untuk dilalui mereka.Janganlah engkau bimbang ditangkap (Fir'aun) dan jangan pula takut (tenggelam dalam lautan)(77). Kemudian Fir'aun mengejar mereka dengan bala tenteranya lalu mereka diliputi dan ditenggelami air laut dengan keadaan yang amat dahsyat(78). Dan Fir'aun telah menyesatkan kaumnya dan tidak pernah memberi petunjuk (kepada mereka)."(79)*

Ayat-ayat di sini tidak menerangkan apakah yang telah terjadi selepas berlakunya pertarungan di antara keimanan dan kezaliman-kezaliman yang ditunjukkan oleh pendirian para ahli sihir terhadap Fir'aun. Ia juga tidak menerangkan bagaimana tindakan Fir'aun terhadap mereka setelah mereka menyatakan pegangan mereka yang kukuh dengan keimanan mereka dan kesediaan mereka untuk menghadapi segala ancaman keseksaan Fir'aun dengan hati seorang Mu'min yang perpegang teguh kepada Allah dan mereka memandang, kecil kepada kehidupan dunia dengan segala isi dan penghuninya, malah ayat-ayat ini terus menunjukkan adegan kemenangan yang gemilang supaya kemenangan dalam hati bersambung dengan kemenangan di alam kenyataan, dan supaya ri'ayah Allah terhadap para hamba-Nya yang Mu'min kelihatan begitu sempurna dan tegas. Kerana tujuan inilah Al-Qur'an tidak memanjangkan penceritaan adegan Bani Israel keluar dan negeri Mesir di bawah kepimpinan Musa dan berhenti menghadapi laut sebagaimana diceritakan dengan panjang di dalam surah-surah yang lain. Malah di sini Al-Qur'an terus menayangkan adegan kemenangan tanpa muqaddimah, kerana muqaddimah-muqaddimah itu telah pun tercatat di dalam hati.

Di sini hanya diterangkan perintah kepada Nabi Musa a.s. sahaja supaya beliau mengeluarkan para hamba Allah - Bani Israel - dari negeri Mesir di waktu malam dan menyuruh beliau membelahkan lautan dengan tongkatnya supaya menjadi sebuah jalan yang kering untuk dilalui mereka tanpa menceritakannya dengan panjang lebar - oleh sebab itu kami juga menceritakannya tanpa panjang lebar - kerana yakin bahawa 'inayah Allah akan melindungi mereka. Oleh sebab itulah Musa a.s. tidak merasa takut ditangkap Fir'aun dan bala tenteranya atau takut kepada lautan di mana telah dijadikan sebatang jalan yang kering untuk dilalui beliau dan kaumnya, kerana tangan qudrat Ilahi yang mengalirkan air lautan mengikut undang-undang yang dikehendaki-Nya itu adalah berkuasa pula membuka kepada beliau sebatang jalan yang kering di dalam laut untuk beberapa waktu.

فَأَتْبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ بِجُنُودِهِۦ فَغَشِيَهُم مِّنَ ٱلْيَمِّ مَا غَشِيَهُمْ ﴿٧٨﴾
وَأَضَلَّ فِرْعَوْنُ قَوْمَهُۥ وَمَا هَدَىٰ ﴿٧٩﴾

*"Kemudian Fir'aun mengejar mereka dengan bala tenteranya lalu mereka diliputi dan ditenggelami air laut dengan keadaan yang amat dahsyat(78). Dan Fir'aun telah menyesatkan kaumnya dan tidak pernah memberi petunjuk (kepada mereka)."(79)*

Demikianlah ayat ini menceritakan dengan begitu ringkas keadaan Fir'aun dan bala tenteranya yang telah dilitupi dan ditenggelami lautan tanpa menghuraikannya dengan terperinci supaya kesan peristiwa ini benar-benar mempengaruhi jiwa tanpa dibatas oleh huraian yang panjang lebar. Maharaja Fir'aun telah memimpin kaumnya ke dalam kehidupan yang sesat. Dia memimpin mereka terjerumus ke dalam kesesatan dan lautan dan kedua-duanya merupakan kepimpinan yang sesat yang membawa kepada kebinasaan.

Kami tidak memperincikan segala peristiwa yang berlaku di sini supaya kita dapat mengikuti terus hikmat dari penceritaan yang ringkas itu, malah kita ingin berhenti sebentar untuk memperhatikan pengajaran yang ditinggalkan adegan itu dan mendengar kesan-kesannya di dalam hati.

### *Teladan Dari Kisah Ini*

Qudrat Ilahi telah mengaturkan perjuangan di antara keimanan dan kezaliman dan tiada tugas yang lain bagi orang-orang yang beriman di dalam perjuangan ini melainkan menjunjung perintah Allah dan meninggalkan negeri Mesir di waktu malam, kerana dua kekuatan yang bertarung ini bukannya merupakan dua kekuatan yang setanding atau hampir-hampir setanding di alam kenyataan. Pihak Musa a.s. dan kaumnya merupakan pihak yang lemah dan tidak mempunyai apa-apa kekuatan, sedangkan pihak Fir'aun mempunyai segala kekuatan.Oleh sebab itu tidak ada jalan sama sekali untuk kedua-dua kekuatan itu bertempur di alam kenyataan. Di sinilah qudrat Ilahi campurtangan mengaturkan perjuangan itu. Tetapi ia diatur selepas hakikat keimanan itu bertunjang dengan sempurnanya di dalam hati pengikut-pengikut Musa yang tidak mempunyai kekuatan yang lain dari kekuatan keimanan. Setelah keimanan sanggup menyatakan kepada kezaliman bahawa ia tidak gentar kepadanya, tidak mengharapkan sesuatu ganjaran darinya, tidak takut kepada ancaman 'azab seksanya dan tidak inginkan apa-apa keni'matan yang ada di dalam tangannya, maka kezaliman pun berkata:

فَلَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُم مِّنْ خِلَٰفٍ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ فِى جُذُوعِ ٱلنَّخْلِ

*"Maka kerana itu Aku akan potong tangan dan kaki kamu dengan bersilang dan aku akan palangkan kamu di batang-batang pokok tamar"(71)*

lalu dijawab oleh keimanan:

فَٱقْضِ مَآ أَنتَ قَاضٍ إِنَّمَا تَقْضِى هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَآ ﴿٧٢﴾

*"Maka hukumkanlah kami apa sahaja hukuman (yang engkau suka) kerana engkau hanya boleh menghukum dalam kehidupan dunia ini sahaja."(72)*

Apabila pertarungan di antara keimanan dankezaliman di alam hati telah sampai ke peringkat ini, maka qudrat Ilahi terus campurtangan memegang panji-panji kebenaran untuk dikibarkannya tinggi-tinggi dan menumbangkan panji-panji kebatilan tanpa menggunakan tenaga usaha orang-orang yang beriman.

Satu lagi pengajaran

Apabila Bani Israel sanggup membayar cukai kehinaan kepada Fir'aun ketika baginda membunuh bayi-bayi lelaki mereka dan hanya membiarkan bayi-bayi perempuan mereka sahaja yang hidup, maka qudrat Ilahi tidak campur tangan untuk mengaturkan perjuangan, tetapi apabila keimanan telah mendapat tempat yang terang di dalam hati orang-orang yang beriman kepada Musa a.s. dan mereka bersedia untuk menanggung penyeksaan dan apabila mereka dengan penuh bangga sanggup menyatakan keimanan mereka di hadapan Fir'aun tanpa teragak-agak dan segan-segan dan tanpa takut dihukum seksa, maka di waktu inilah qudrat Ilahi tampil campur tangan mengaturkan perjuangan dan mengisytiharkan kemenangan yang telah dicapai sebelum ini di dalam alam jiwa dan hati.

Inilah pengajaran yang mahu dikemukakan dengan keterangan ayat yang ringkas ini dan dengan dua adegan yang berturut-turut ini tanpa diganggu oleh huraian-huraian yang panjang lebar supaya pengajaran itu diterima dengan penuh keyakinan oleh para penda'wah dan supaya mereka tahu bilakah mereka harus menunggu pertolongan dari Allah apabila mereka tidak mempunyai apa-apa kelengkapan di bumi ini, sedangkan musuh-musuh mereka yang zalim mempunyai segala kekuatan harta, tentera dan senjata.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 80 - 82)**

Di bawah naungan kemenangan dan keselamatan (dari Fir'aun) itu Al-Qur'an menghadapkan firman Allah kepada orang-orang yang terselamat itu dengan memberi peringatan dan amaran agar mereka tidak lupa daratan dan tidak berlagak angkuh serta tidak meninggalkan senjata keimanan, iaitu satu-satunya senjata yang dimiliki mereka dalam perjuangan itu dan satu-satunya senjata yang telah menjaminkan mereka, mendapat kemenangan dan kejayaan:

يَٰبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ قَدْ أَنجَيْنَٰكُم مِّنْ عَدُوِّكُمْ وَوَٰعَدْنَٰكُمْ جَانِبَ ٱلطُّورِ ٱلْأَيْمَنَ وَنَزَّلْنَا عَلَيْكُمُ ٱلْمَنَّ وَٱلسَّلْوَىٰ ﴿٨٠﴾ كُلُوا۟ مِن طَيِّبَٰتِ مَا رَزَقْنَٰكُمْ وَلَا تَطْغَوْا۟ فِيهِ فَيَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبِى ۖ وَمَن يَحْلِلْ عَلَيْهِ غَضَبِى فَقَدْ هَوَىٰ ﴿٨١﴾ وَإِنِّى لَغَفَّارٌ لِّمَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا ثُمَّ ٱهْتَدَىٰ ﴿٨٢﴾

*"Wahai Bani Israel! Sesungguhnya Kami telah menyelamatkan kamu sekalian dari musuh kamu dan Kami telah menetapkan perjanjian dengan kamu (untuk menurunkan Kitab Taurat) di sebelah kanan Bukit Tursina itu. Dan Kami telah menurunkan kepada kamu Manna dan Salwa(80). Makanlah segala rezeki yang baik yang telah Kami kurniakan kepada kamu dan janganlah kamu melampaui batasnya menyebabkan kamu ditimpa kemurkaan-Ku, dan barang siapa yang ditimpa kemurkaan-Ku, maka sesungguhnya dia telah jatuh terhumban (ke dalam kebinasaan)(81). Dan sesungguh-nya Aku Maha Pengampun kepada sesiapa sahaja yang bertaubat dan mengerjakan amalan yang soleh kemudian terus mengikut jalan hidayat."(82)*

***Pesanan Kepada Bani Israel Selepas Dibebaskan Dari Penindasan Fir'aun***

Kini Bani Israel telah selamat melintasi kawasan bahaya dan menuju ke arah Bukit Tursina. Mereka telah meninggalkan Fir'aun dan bala tenteranya tenggelam di belakang mereka. Peristiwa keselamatan dari Fir'aun itu merupakan satu peristiwa yang baru sahaja berlaku sekejap tadi dan masih diingati mereka, tetapi tujuan disebut dalam ayat ini ialah semata-mata untuk mengumumkan pencatatannya dan mengingatkan mereka terhadap ni'mat keselamatan yang disaksikan mata kepala mereka supaya mereka sentiasa mengakui dan bersyukur kepada Allah.

Peristiwa perjanjian mereka dengan Allah di sebelah kanan Bukit Tursina juga disebut di sini sebagai satu peristiwa yang telah berlaku. Allah telah berjanji dengan Musa a.s. selepas mereka keluar dari negeri Mesir supaya beliau datang ke Bukit Tursina setelah bersedia selama empat puluh malam untuk menemui Allah bagi mendengar perintah-perintah yang akan diwahyukan kepadanya pada lauh-lauh, iaitu perintah-perintah yang bersangkutan dengan urusan 'aqidah dan syari'at yang diatur untuk bangsa Bani Israel yang telah ditetapkan Allah supaya mereka melaksanakan satu peranan di tanah suci selepas mereka keluar dari bumi Mesir.

Penurunan makanan Manna iaitu satu bahan manis yang berkumpul di atas daun-daun pokok, juga Salwa

iaitu sejenis burung yang didatangkan kepada mereka dari padang pasir yang mudah ditangkap dan mudah dimakan, kedua-dua makanan itu merupakan ni'mat dari Allah dan tanda 'inayah-Nya terhadap mereka semasa beradadi padang pasir yang tandus. Allah melindungi kehidupan mereka hingga membekalkan bahan makanan seharian mereka dari sumber-sumber yang mudah dan dekat.

Allah mengingatkan mereka ni'mat-ni'mat seperti ini supaya mereka memakan rezeki-rezeki yang baik yang dikurniakan kepada mereka dengan penuh kemudahan, dan mengingatkan mereka dari kelakuan terlalu banyak makan dan dari menumpukan minat mereka kepada keni'matan-keni'matan perut sahaja dengan melupakan kewajipan yang menjadi matlamat mereka keluar dari negeri Mesir, juga melupakan tugas yang dijanjikan Allah untuk diterima mereka. Allah menyebut *"perbuatan melampaui batas"* kerana mereka baru sahaja bebas dari perbuatan melampau Fir'aun. Mereka telah pun merasa pahit getir dari kelakuan yang buruk itu dan melihat nasib kesudahannya:

وَلَا تَطْغَوْا فِيهِ فَيَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبِي ۖ وَمَن يَحْلِلْ عَلَيْهِ غَضَبِي فَقَدْ هَوَىٰ ﴿٨١﴾

*"Dan janganlah kamu melampaui batasnya menyebabkan kamu ditimpa kemurkaan-Ku dan barang siapa yang ditimpa kemurkaan-Ku, maka sesungguhnya dia jatuh terhumban (ke dalam kebinasaan)."(81)*

Dan baru sebentar tadi Fir'aun telah jatuh terhumban dari singgahsananya, jatuh terhumban ke dalam lautan dan jatuh ke bawah yang padan dengan kelakuannya yang melampau dan angkuh. Ungkapan dengan kata-kata "jatuh terhumban" sesuai dengan sifat-sifat lawannya yang merasa tinggi dan angkuh itu mengikut kaedah keseimbangan penggambaran Al-Qur'an yang dapat diperhatikan di semua tempat (di dalam Al-Qur'an).

Inilah amaran dan peringatan kepada kaum Bani Israel yang sedang menghadapi satu tugas yang menjadi matlamat keluarnya mereka dari negeri Mesir, agar dengan amaran dan peringatan ini, mereka tidak menjadi sombong dengan ni'mat kesenangan dan tidak hidup bermewah-mewahan hingga menyebabkan mereka menjadi lemah. Dan di samping amaran dan peringatan dibukakan pula pintu taubat kepada siapa yang telah melakukan kesalahan dan ingin pulang ke pangkal jalan:

وَإِنِّي لَغَفَّارٌ لِّمَن تَابَ وَآمَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا ثُمَّ اهْتَدَىٰ ﴿٨٢﴾

*"Dan sesungguhnya Aku Maha Pengampun kepada sesiapa sahaja yang bertaubat dan mengerjakan amalan yang soleh kemudian terus mengikut jalan hidayat."(82)*

Taubat bukannya sepatah kata yang diucap (dengan lidah) malah ia merupakan satu tekad di dalam hati, di mana maknanya dibuktikan dengan keimanan dan amalan yang soleh dan kesannya dijelmakan di dalam tingkahlaku dan tindak-tanduk di alam kenyataan. Apabila taubat terlaksana, keimanan telah ditegak dan dibuktikan dengan amalan, maka di sinilah Allah memimpin seseorang ke jalan yang betul, iaitu jalan hidayat menuju keimanan dan amalan yang soleh. Kejayaan mendapat hidayat merupakan hasil usaha yang gigih dan amalan yang tekun.

Di sini berakhirlah adegan kemenangan dan ulasan, dan tirai pun dilabuh kemudian diangkat untuk menunjukkan adegan munajat yang kedua disebelah kanan Bukit Tursina.

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat-ayat 83 - 98)

#### *Musa Bermunajat Dengan Allah Untuk Menerima Tugas-tugas Baru*

Allah telah menetapkan masa perjanjian dengan Nabi Musa a.s. supaya beliau datang ke Bukit Tursina selepas empat puluh hari untuk menemui-Nya bagi menerima tugas-tugas tertentu, iaitu tugas-tugas kerana mendapat kemenangan setelah sekian lama berada di dalam kekalahan. Kemenangan mempunyai tugas-tugas dan 'aqidah juga mempunyai tugas-tugas, dan sebelum menerima tugas-tugas itu seorang rasul haruslah menyediakan dirinya untuk penerimaan itu.

Kemudian Musa a.s. naik di atas Bukit Tursina dan meninggalkan kaumnya di bawah bukit itu dan menyerahkan mereka di bawah jagaan Harun sebagai gantinya.

Musa a.s. begitu kepingin hendak bermunajat dengan Allah dan berdiri di hadapan-Nya kerana beliau pernah meni'mati kemanisan munajat itu sebelum ini. Beliau rindukan munajat itu dan datang tergesa-gesa berdiri di hadapan Tuhannya, sedangkan beliau tidak mengetahui apakah yang telah berlaku di belakangnya dan tidak tahu apakah yang telah dilakukan kaumnya selama sepeninggalannya apabila beliau meninggalkan mereka di bawah bukit itu.

Di sini Allah memberitahu beliau apa yang telah terjadi selama sepeninggalannya. Marilah kita menonton adegan ini dan mendengar dialognya:

وَمَا أَعْجَلَكَ عَن قَوْمِكَ يَا مُوسَىٰ ﴿٨٣﴾

قَالَ هُمْ أُولَاءِ عَلَىٰ أَثَرِي وَعَجِلْتُ إِلَيْكَ رَبِّ لِتَرْضَىٰ ﴿٨٤﴾

قَالَ فَإِنَّا قَدْ فَتَنَّا قَوْمَكَ مِن بَعْدِكَ وَأَضَلَّهُمُ السَّامِرِيُّ ﴿٨٥﴾

*"Mengapakah engkau datang lebih cepat dari kaummu, wahai Musa?(83) Jawab Musa: Itulah mereka sedang menyusulku dan aku datang segera kepada-Mu, wahai Tuhanku, supaya Engkau redha terhadapku(84). Allah berfirman: Sesungguhnya Aku telah menguji kaummu selepas pemergianmu dan mereka telah disesatkan oleh as-Samiri."(85)*

Demikianlah Musa telah menerima berita itu dengan terperanjat. Beliau telah datang tergesa-gesa untuk menemui Tuhannya setelah beliau menyediakan dirinya selama empat puluh hari untuk menghadapi pertemuan itu dan menerima arahan dari Allah, iaitu arahan yang akan dijadikan asas untuk membangun kehidupan Bani Israel yang baru. Beliau telah menyelamatkan mereka dari kehinaan dan perhambaan Fir'aun untuk membentuk mereka menjadi satu umat yang mempunyai risalah dan tugas-tugas suci.

***Bani Israel Mula Menyeleweng Kembali***

Tetapi perhambaan dan kehinaan yang sekian lama dihayati mereka di bawah pemerintahan Fir'aun yang menganut kepercayaan paganisme telah merosakkan kelakuan mereka dan melemahkan ketahanan jiwa mereka untuk menanggung dan memikul tugas-tugas suci itu dengan tabah. Ia melemahkan kesanggupan mereka untuk menunaikan perjanjian dan berpegang kukuh dengannya. Ia meninggalkan di dalam jiwa mereka kegoyahan dan kesediaan mudah mengikut dan meniru, maka itulah sebaik sahaja Musa meninggalkan mereka di bawah jagaan Harun dan berjauhan dari mereka selama beberapa waktu sahaja, tiba-tiba 'aqidah mereka menjadi goyah dan runtuh di hadapan ujian yang pertama lagi. Mereka sebenarnya memerlukan kepada berbagai-bagai ujian yang berulang-ulang kali untuk memulih dan membangunkan kembali jiwa mereka yang lemah itu. Sebagai ujian yang pertama, mereka telah diuji dengan patung anak lembu yang dibuat oleh as-Samiri:

قَالَ فَإِنَّا قَدْ فَتَنَّا قَوْمَكَ مِنۢ بَعْدِكَ وَأَضَلَّهُمُ ٱلسَّامِرِىُّ ﴿٨٥﴾

*"Allah berfirman: Sesungguhnya Aku telah menguji kaummu selepas pemergianmu dan mereka telah disesatkan oleh as-Samiri."(85)*

Musa a.s. tidak mengetahui ujian ini sehingga beliau bertemu dengan Tuhannya dan menerima Lauh-lauh yang mencatat hidayat dan perlembagaan syari'at Allah untuk membangun Bani Israel menjadi satu umat yang layak untuk memikul tugas suci yang diserahkan kepada mereka.

Al-Qur'an menamatkan adegan munajat itu secara mengejut untuk menggambarkan perasaan Musa a.s. yang begitu terharu apabila beliau mengetahui kaumnya telah gagal menempuh ujian. Beliau dengan segera pulang untuk mendapatkan kaumnya. Hatinya dipenuhi perasaan sedih dan marah kerana mengenangkan perbuatan kaumnya yang telah diselamatkan Allah melalui perjuangannya dari perhambaan dan kehinaan hidup di bawah pemerintahan yang menyembah berhala, kemudian Allah mengurniakan rezeki yang mudah dan naungan rahmat yang cukup kepada mereka semasa berada di padang pasir, lebih-lebih lagi baru sekejap tadi Allah mengingatkan mereka terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan kepada mereka dan memberi amaran supaya mereka jangan terjerumus di dalam kesesatan dan akibat-akibatnya yang buruk, tiba-tiba sekarang mereka tergamak mengikut awal-awal penganjur yang mengajak mereka kepada agama keberhalaan dan menyembah patung anak lembu.

Di sini Al-Qur'an sengaja tidak menyebut huraian terperinci ujian yang telah diberitahu Allah kepada Musa a.s. itu dengan tujuan untuk segera menayangkan adegan kepulangan Musa mendapatkan kaumnya, tetapi walau bagaimanapun Al-Qur'an telah membayangkan butir-butir yang terperinci dari ujian itu, iaitu Musa a.s.pulang dengan perasaan marah dan sedih lalu mencelakan kaumnya dan saudaranya Harun, ini sudah tentu menunjukkan bahawa beliau mengetahui bagaimana buruknya perbuatan yang telah dilakukan oleh kaumnya:

فَرَجَعَ مُوسَىٰٓ إِلَىٰ قَوْمِهِۦ غَضْبَٰنَ أَسِفًاۚ قَالَ يَٰقَوْمِ أَلَمْ يَعِدْكُمْ رَبُّكُمْ وَعْدًا حَسَنًاۚ أَفَطَالَ عَلَيْكُمُ ٱلْعَهْدُ أَمْ أَرَدتُّمْ أَن يَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبٌ مِّن رَّبِّكُمْ فَأَخْلَفْتُم مَّوْعِدِى ﴿٨٦﴾

قَالُوا۟ مَآ أَخْلَفْنَا مَوْعِدَكَ بِمَلْكِنَا وَلَٰكِنَّا حُمِّلْنَآ أَوْزَارًا مِّن زِينَةِ ٱلْقَوْمِ فَقَذَفْنَٰهَا فَكَذَٰلِكَ أَلْقَى ٱلسَّامِرِىُّ ﴿٨٧﴾

فَأَخْرَجَ لَهُمْ عِجْلًا جَسَدًا لَّهُۥ خُوَارٌ فَقَالُوا۟ هَٰذَآ إِلَٰهُكُمْ وَإِلَٰهُ مُوسَىٰ فَنَسِىَ ﴿٨٨﴾

أَفَلَا يَرَوْنَ أَلَّا يَرْجِعُ إِلَيْهِمْ قَوْلًا وَلَا يَمْلِكُ لَهُمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا ﴿٨٩﴾

وَلَقَدْ قَالَ لَهُمْ هَٰرُونُ مِن قَبْلُ يَٰقَوْمِ إِنَّمَا فُتِنتُم بِهِۦۖ وَإِنَّ رَبَّكُمُ ٱلرَّحْمَٰنُ فَٱتَّبِعُونِى وَأَطِيعُوٓا۟ أَمْرِى ﴿٩٠﴾

*"Lalu Musa pulang kepada kaumnya dengan keadaan marah dan sedih dan berkata: Wahai kaumku! Bukankah Tuhan kamu telah menetapkan satu janji yang baik dengan kamu? Apakah masa perjanjian itu terlalu lama kepada kamu atau kamu mahu ditimpakan kemurkaan dari Tuhan kamu, maka kerana ini kamu melanggar perjanjianku?(86) Jawab mereka: Kami tidak melanggar perjanjianmu dengan kemahuan kami,*

*tetapi kami disuruh membawa beban dari perhiasan kaum (Mesir) itu lalu kami campakkannya (ke dalam api) dan begitu juga as-Samiri turut mencampakkannya(87). Lalu as-Samiri mengeluarkan untuk mereka (dari leburan perhiasan itu) patung anak lembu yang bertubuh dan bersuara. Maka berkatalah mereka: Inilah tuhan kamu dan tuhan Musa tetapi dia (Musa) telah lupakannya(88). Apakah mereka tidak melihat bahawa patung anak lembu tidak dapat memberi jawapan kepada mereka dan tidak juga dapat memberi sebarang mudharat dan manfa'at? (89). Sesungguhnya Harun sebelum itu telah berkata kepada mereka: Wahai kaumku! Sebenarnya kamu telah diuji dengan anak lembu itu dan sesungguhnya Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Penyayang, maka ikutilah aku dan ta'atilah perintahku"(90).*

### *Musa Kembali Menghadapi Kaumnya Yang Menyeleweng*

*"Jawab mereka: Kami tetap menyembah patung anak lembu itu hingga Musa kembali kepada kami."(91)*

Inilah ujian yang telah didedahkan oleh Al-Qur'an sewaktu Musa menghadapi kaumnya. Ia dedahkan selepas peristiwa munajat dan butiran-butiran terperinci dari ujian itu sengaja didiamkan agar ia dapat ditimbulkan dalam adegan soal siasat yang dilakukan oleh Nabi Musa a.s.

Musa a.s. pulang dari munajatnya dan di sana beliau dapati kaumnya sedang menyembah patung anak lembu yang diperbuat dari emas. Patung ini boleh mengeluarkan bunyi tebohan. Mereka berkata: "Inilah tuhan kamu dan tuhan Musa, tetapi Musa telah melupakannya, lalu beliau pergi mencari Tuhannya di atas bukit, sedangkan Tuhannya berada di sini."

Lalu Musa menyoal mereka dengan sedih bercampur marah:

يَٰقَوْمِ أَلَمْ يَعِدْكُمْ رَبُّكُمْ وَعْدًا حَسَنًا

*"Wahai kaumku! Bukankah Tuhan kamu telah menetapkan satu perjanjian yang baik dengan kamu?"(86)*

Iaitu Allah telah menjanjikan kemenangan kepada mereka dan menjanjikan mereka dapat masuk ke tanah suci di bawah naungan agama tauhid. Perjanjian ini baru sahaja berlalu dan pendahuluan-pendahuluan dari perjanjian itu telah pun terlaksana. Oleh kerana itu Musa mencela mereka:

أَفَطَالَ عَلَيْكُمُ ٱلْعَهْدُ أَمْ أَرَدتُّمْ أَن يَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبٌ مِّن رَّبِّكُمْ

*"Apakah masa perjanjian itu terlalu lama kepada kamu atau kamu mahu ditimpakan kemurkaan dari Tuhan kamu?"(86)*

Kerana perbuatan kamu ini adalah satu perbuatan yang dilakukan oleh orang yang mahu ditimpakan kemurkaan Allah, ia seolah-olah sengaja dilakukannya. Apakah masa perjanjian itu terlalu lama? Atau kamu sengaja melamarkan kemurkaan Allah:

فَأَخْلَفْتُم مَّوْعِدِى ﴿٨٦﴾

*"Maka kerana itu kamu melanggarkan perjanjianku."(86)*

Bukankah kita telah berjanji agar kamu berpegang kukuh dengan janjiku sehingga aku pulang kembali kepada kamu, iaitu jangan sekali-kali kamu mengubah 'aqidah dan peraturan hidup kamu tanpa perintahku?

Ketika inilah mereka mengemukakan alasan keuzuran mereka yang ganjil yang menunjukkan bagaimana mendalamnya kesan perhambaan, kegoyahan jiwa dan kekarutan pemikiran mereka:

قَالُوا۟ مَآ أَخْلَفْنَا مَوْعِدَكَ بِمَلْكِنَا

*"Jawab mereka: Kami tidak melanggar perjanjianmu dengan kemahuan kami."(87)*

Maksudnya, perkara ini berlaku di luar kemampuan kami.

وَلَٰكِنَّا حُمِّلْنَآ أَوْزَارًا مِّن زِينَةِ ٱلْقَوْمِ فَقَذَفْنَٰهَا

*"Tetapi kami disuruh membawa beban dari perhiasan kaum (Mesir) itu lalu kami campakkannya (ke dalam api)."(87)*

Mereka telah membawa bersama mereka bertimbun-timbun barang perhiasan wanita-wanita Mesir yang dipinjam oleh perempuan-perempuan mereka. Mereka menunjukkan kepada muatan barang-barang perhiasan itu sambil berkata: Kami telah membuangkan barang-barang perhiasan itu kerana ia merupakan harta yang haram, kemudian diambil oleh as-Samiri lalu dileburkannya menjadi patung anak lembu. As-Samiri bererti seorang lelaki dari wilayah Samiri (di Palestin) yang menyertai angkatan mereka atau salah seorang dari mereka yang memakai gelaran ini. Orang ini telah membuat lubang-lubang pada patung anak lembu itu dan apabila angin bertiup memasuki lubang itu, maka patung itu akan mengeluarkan bunyi seakan-akan bunyi tebohan lembu. Patung itu bukanlah hidup dan bernyawa, malah ia hanya sebuah jasad, dan kata-kata jasad hanya digunakan kepada lembaga tubuh yang tidak bernyawa sahaja. Tetapi sebaik sahaja mereka melihat patung anak lembu yang diperbuat dari emas itu mengeluarkan bunyi tebohan, mereka terus lupa kepada Allah yang telah menyelamatkan mereka dari negeri kehinaan dan terus menyembah patung emas anak lembu itu kemudian berkata dengan fikiran yang bodoh dan roh yang dungu:

هَٰذَآ إِلَٰهُكُمْ وَإِلَٰهُ مُوسَىٰ

*"Inilah tuhan kamu dan tuhan Musa"(88)*

tetapi dia mencarinya di atas bukit, sedangkan tuhan itu ada di sini bersama kita. Musa telah lupa jalan menemui Tuhannya dan kerana itulah dia sesat darinya.

Ini adalah satu perkataan yang menambahkan lagi erti kebodohan dan kecetekan fikiran mereka hingga tergamak menuduh nabi mereka Musa a.s. yang telah berusaha menyelamatkan mereka di bawah pengawasan dan arahan Allah itu sebagai orang yang tidak, tahu berhubung dengan Tuhannya hingga beliau tersalah jalan, maka akibatnya beliau bukan sahaja tidak mendapat jalan hidayat, malah tidak diberi hidayat oleh Tuhannya.

Selain dari itu penipuan itu terlalu ketara:

أَفَلَا يَرَوْنَ أَلَّا يَرْجِعُ إِلَيْهِمْ قَوْلًا وَلَا يَمْلِكُ لَهُمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا ﴿٨٩﴾

*"Apakah mereka tidak melihat bahawa patung anaklembu tidak dapat memberi jawapan kepada mereka dan tidak juga dapat memberi sebarang mudharat dan manfa'at?"(89)*

Maksudnya, patung anak lembu itu bukan sahaja tidak merupakan seekor anak lembu yang hidup, yang dapat mendengar perkataan mereka dan menyahut panggilan mereka, seperti biasa dilakukan oleh anak-anak lembu, malah ia lebih rendah dari kebolehan haiwan, iaitu ia tidak boleh mendatangkan apa-apa kemudharatan dan kemanfa'atan dalam apa bentuk sekalipun, kerana ia tidak dapat menanduk, menendang, dan tidak pula dapat memusingkan alat pengisar dan alat penjirus air.

Selain dari itu semua, Harun juga telah memberi nasihat kepada mereka bukan sahaja selaku nabi mereka, malah juga selaku pengganti nabi mereka Musa yang telah menyelamatkan mereka dari Fir'aun itu. Harun a.s. telah mengingatkan mereka bahawa ini adalah suatu ujian (untuk menguji iman mereka):

يَٰقَوْمِ إِنَّمَا فُتِنتُم بِهِۦ ۖ وَإِنَّ رَبَّكُمُ ٱلرَّحْمَٰنُ

*"Dia berkata Wahai kaumku! Sebenarnya kamu telah diuji dengan anak lembu itu dan sesungguhnya Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Penyayang."(90)*

Beliau seterusnya memberi nasihat supaya mereka mengikut dan mematuhi perintah sebagaimana mereka telah berjanji dengan Musa yang akan balik semula menemui mereka setelah selesai menunaikan perjanjiannya dengan Allah di atas Bukit Tursina itu, tetapi sebagai ganti menunjukkan keta'atan kepada beliau, mereka menunjukkan sikap yang berbelit-belit. Mereka tidak menghiraukan nasihat beliau dan enggan mematuhi perjanjian ta'at yang telah disanggupi mereka dengan nabi mereka Musa a.s ini, malah:

قَالُوا۟ لَن نَّبْرَحَ عَلَيْهِ عَٰكِفِينَ حَتَّىٰ يَرْجِعَ إِلَيْنَا مُوسَىٰ ﴿٩١﴾

*"Jawab mereka: Kami tetap menyembah patung anak lembu itu hingga Musa kembali kepada kami."(91)*

Musa a.s. kembali mendapat kaumnya dengan perasaan marah dan sedih. Beliau mendengar alasan mereka yang membayangkan sejauh mana jiwa dan pemikiran mereka ditimpa kegoyahan dan kerosakan. Beliau berpaling kepada saudaranya dalam detik-detik kemarahannya yang memuncak itu dan terus meragut rambut kepalanya dan janggutnya sambil berkata:

قَالَ يَٰهَٰرُونُ مَا مَنَعَكَ إِذْ رَأَيْتَهُمْ ضَلُّوٓا۟ ﴿٩٢﴾ أَلَّا تَتَّبِعَنِ ۖ أَفَعَصَيْتَ أَمْرِى ﴿٩٣﴾

*"Berkatalah Musa: Wahai Harun! Apakah sebab yang telah menghalangi engkau apabila engkau melihat mereka telah sesat(92). (Sehingga) engkau tidak mengikut pesananku, apakah engkau sengaja melanggar perintahku?"(93)*

Beliau telah mengecam Harun kerana membiarkan mereka menyembah patung anak lembu tanpa bertindak menghapuskan perbuatan itu untuk mematuhi pesanan beliau yang melarang agar Harun jangan melakukan sesuatu yang baru selama sepeninggalannya. Beliau membantah perbuatan Harun yang tidak melaksanakan perintahnya, apakah ini merupakan satu pelanggaran yang sengaja terhadap perintahnya?

Ayat yang berikut menjelaskan pendirian Harun yang sebenar apabila beliau mendedahkan kepada saudaranya Musa untuk menenangkan kemarahannya dengan membangkitkan hubungan darah mereka yang dekat:

قَالَ يَبْنَؤُمَّ لَا تَأْخُذْ بِلِحْيَتِى وَلَا بِرَأْسِىٓ ۖ إِنِّى خَشِيتُ أَن تَقُولَ فَرَّقْتَ بَيْنَ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ وَلَمْ تَرْقُبْ قَوْلِى ﴿٩٤﴾

*"Jawab Harun: Wahai putera ibuku! Janganlah engkau pegang janggutku dan (rambut) kepalaku. Sesungguhnya aku bimbang nanti engkau akan berkata kepadaku: Engkau telah memecahbelahkan di antara Bani Israel dan tidak mengamati pesananku."(94)*

Demikianlah kita dapati Harun mempunyai saraf dan perasaan yang lebih tenang dari Musa. Beliau telah berjaya menyentuh titik perasaan yang amat peka pada Musa apabila beliau bercakap dengan Musa dari sudut hubungan rahim yang amat sensitif dan mengemukakan sudut pandangannya dalam bentuk kepatuhan kepada perintah Musa mengikut penilaiannya, iaitu beliau bimbang jika beliau mengendalikan perkara itu dengan kekerasan, kaum Bani Israel akan berpecah-belah kepada dua kumpulan, satu kumpulan mempertahankan penyembahan patung anak lembu dan satu kumpulan lagi patuh kepada nasihat beliau, sedangkan Musa sendiri berpesan supaya menjaga perpaduan Bani Israel dan jangan menimbulkan sesuatu perkara di kalangan mereka. Tentulah ini merupakan satu langkah menta'ati perintah Musa dari satu sudut yang lain.

### *Tindakan Keras Ke Atas As-Samiri*

Ketika ini barulah kemarahan dan emosi Musa menghala kepada as-Samiri selaku pencetus fitnah yang sebenar. Beliau tidak menghadapi as-Samiri dari awal-awal lagi kerana beliau menganggap bahawa kaumnya yang sepatutnya bertanggungjawab agar tidak mengikut seruan penganjur yang lain, dan kerana Harunlah yang bertanggungjawab menghalangkan kaumnya dari mengikuti anjuran as-Samiri ketika mereka mahu berbuat demikian kerana dialah pemimpin mereka yang dipertanggungjawab-kan menjaga mereka, sedangkan dosa as-Samiri dikira kemudian, kerana dia tidak menarik mereka dengan menggunakan kekerasan dan tidak pula menutup akal fikiran mereka, malah dia hanya menyesatkan mereka dan mereka menerima kesesatan itu, sedangkan mereka mampu berpegang teguh dengan petunjuk Musa selaku nabi mereka yang pertama dan dengan nasihat Harun a.s selaku nabi mereka yang kedua. Jadi tanggungjawab yang pertama pastilah dipikul oleh mereka sendiri dan selepas itu barulah dipikul oleh Harun selaku penjaga mereka, kemudian akhirnya dipikul oleh as-Samiri selaku pencetus fitnah dan kesesatan itu.

Musa bersemuka dengan as-Samiri:

قَالَ فَمَا خَطْبُكَ يَٰسَٰمِرِيُّ ﴿٩٥﴾

*"Musa bertanya: Apakah yang mendorong engkau (berbuat begitu), wahai Samiri?"(95)*

Apakah cerita dan kisah engkau yang sebenar? Ungkapan ini membayangkan betapa besarnya kesalahan perbuatan itu.

قَالَ بَصُرْتُ بِمَا لَمْ يَبْصُرُوا۟ بِهِۦ فَقَبَضْتُ قَبْضَةً مِّنْ أَثَرِ ٱلرَّسُولِ فَنَبَذْتُهَا وَكَذَٰلِكَ سَوَّلَتْ لِى نَفْسِى ﴿٩٦﴾

*"Jawab Samiri: Aku mengetahui sesuatu yang tidak diketahui mereka, lalu aku mengambil segenggam dari kesan jejak rasul kemudian aku campakkannya. Demikianlah aku didorong olah nafsuku."(96)*

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat mengenai maksud dari perkataan (atau jawapan) as-Samiri ini. Apakah rahsia yang telah diketahui olehnya? Siapakah rasul yang diambil olehnya segenggam dari kesan jejaknya? Kemudian dicampakkannya? Dan apakah pula hubungan di antara rasul ini dengan patung anak lembu yang diciptakan olehnya? Dan apakah pengaruh segenggam kesan itu pada patung anak lembu itu?

Yang banyak disebut di dalam riwayat-riwayat ini ialah as-Samiri telah melihat Jibril a.s. dalam bentuk rupanya ketika turun menjelma di bumi, lalu dia mengambil segenggam kesan tapak kakinya, atau kesan dari bawah tapak kaki kudanya kemudian dia campakkannya ke atas patung anak lembu, lalu iapun mengeluarkan bunyi tebohan itu, atau segenggam kesan tapak kaki Jibril itulah yang telah mengubahkan timbunan barang-barang perhiasan emas itu menjadi patung anak lembu yang boleh berteboh.

Di sini Al-Qur'an tidak menyebut hakikat kejadian yang sebenar. Ia hanya menceritakan jawapan as-Samiri sahaja. Kami lebih cenderung menganggapkan jawapan as-Samiri sebagai suatu alasan untuk melepaskan dirinya dari tanggungjawab fitnah yang telah berlaku itu, iaitu dia telah membuat patung anak lembu itu dari barang-barang perhiasan emas yang dibuang oleh Bani Israel, iaitu barang-barang perhiasan orang-orang Mesir yang diambil dan dibawa bersama oleh mereka, dan dia telah membuat patung anak lembu itu dengan satu cara yang membolehkan patung itu mengeluarkan suara tebohan apabila angin bertiup ke dalam rongganya yang kosong, kemudian dia menceritakan kisah kesan Rasul itu untuk membenarkan perbuatannya dan memulangkan perkara ini kepada kebijaksanaannya dapat memahami rahsia kesan rasul itu.

Walau bagaimanapun, namun as-Samiri telah diumumkan oleh Musa a.s. sebagai seorang pendusta yang telah dibuang dari kelompok Bani Israel sepanjang hidupnya dan menyerahkan perkaranya kepada Allah. Beliau telah menghadapi as-Samiri dengan tindakan yang keras kerana perbuatan membuat tuhannya dengan dua tangannya sendiri untuk menunjukkan kepada kaumnya satu bukti yang nyata bahawa tuhan yang dibuatnya itu bukannya tuhan kerana ia tidak berkuasa melindungi pembuatnya dan tidak berkuasa mempertahankan dirinya:

قَالَ فَٱذْهَبْ فَإِنَّ لَكَ فِى ٱلْحَيَوٰةِ أَن تَقُولَ لَا مِسَاسَ ۖ وَإِنَّ لَكَ مَوْعِدًا لَّن تُخْلَفَهُۥ ۖ وَٱنظُرْ إِلَىٰٓ إِلَٰهِكَ ٱلَّذِى ظَلْتَ عَلَيْهِ عَاكِفًا ۖ لَّنُحَرِّقَنَّهُۥ ثُمَّ لَنَنسِفَنَّهُۥ فِى ٱلْيَمِّ نَسْفًا ﴿٩٧﴾

*"Berkatalah Musa: Pergilah engkau! Sesungguhnya dalam kehidupan dunia ini engkau hanya dapat berkata: Jangan sentuh aku. Dan engkau mempunyai masa (hukuman di Akhirat) yang tidak akan dapat dihindari engkau. Dan lihatlah kepada tuhanmu yang engkau tetap menyembahkannya, sesungguhnya kami akan membakarkannya kemudian kami akan leburkannya ke dalam laut selebur-leburnya."(97)*

Maksudnya, pergilah engkau dengan keadaan terbuang dari kelompok. Tiada siapa yang dapat menyentuhmu sama ada baik atau buruk, dan tiada siapa pun yang dapat engkau sentuhkannya. Inilah salah satu bentuk hukuman dalam agama Musa iaitu hukuman penyingkiran dari masyarakat dan diumumkan sebagai orang najis yang tidak boleh

didekati oleh sesiapa dan tidak boleh mendekati sesiapa.

Di samping itu ada lagi satu masa 'azab, iaitu masa menerima balasan dan hukuman dari Allah sendiri (pada hari Qiamat kelak). Kemudian dengan penuh kemurkaan dan tindakan yang keras, Musa a.s. mengambil patung anak lembu itu lalu dibakar dan dileburkannya kemudian dicampakkannya ke dalam laut. Tindakan keras dan tegas itu memanglah menjadi sifat-sifat keperibadian Musa a.s. Di sini dia bertindak marah kerana Allah dan kerana agama Allah sebab di sinilah tempat yang wajar digalakkan seseorang itu bertindak keras dan tegas.

Di hadapan pemandangan tuhan palsu yang dibakar dan dileburkan itu, Musa a.s. mengisytiharkan hakikat 'aqidah ketuhanan yang sebenar:

إِنَّمَآ إِلَٰهُكُمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَۚ وَسِعَ كُلَّ شَيۡءٍ عِلۡمٗا ﴿٩٨﴾

*"Sesungguhnya Tuhan kamu hanyalah Allah, yang tiada Tuhan yang lain melainkan hanya Dia, ilmu-Nya meliputi segala sesuatu."(98)*

Dengan pengisytiharan ini berakhirlah kisah Musa setakat ini sahaja di dalam surah ini. Dan di dalam kisah ini ternyata dengan jelas bagaimana rahmat Allah dan ri'ayah-Nya melindungi para penda'wah dan hamba pilihan-Nya hingga ke sa'at-sa'at mereka diuji dan bertindak salah. Al-Qur'an tidak menambah apa-apa lagi dari babak-babak perkembangan kisah Musa a.s. selepas ini kerana selepas ini Bani Israel ditimpakan 'azab Allah kerana dosa-dosa, kerosakan dan tindakan melampaui batas yang dilakukan mereka. Di samping itu suasana surah ini ialah suasana rahmat dan ri'ayah Allah terhadap manusia-manusia pilihan Allah, justeru itu tidak diperlukan lagi kepada tayangan adegan-adegan lain dari kisah ini di dalam suasana surah yang lemah-lembut dan teduh ini.

**(Kumpulan ayat-ayat 99 - 135)**

كَذَٰلِكَ نَقُصُّ عَلَيۡكَ مِنۡ أَنۢبَآءِ مَا قَدۡ سَبَقَۚ وَقَدۡ ءَاتَيۡنَٰكَ مِن لَّدُنَّا ذِكۡرٗا ﴿٩٩﴾

مَّنۡ أَعۡرَضَ عَنۡهُ فَإِنَّهُۥ يَحۡمِلُ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ وِزۡرًا ﴿١٠٠﴾

خَٰلِدِينَ فِيهِۖ وَسَآءَ لَهُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ حِمۡلٗا ﴿١٠١﴾

يَوۡمَ يُنفَخُ فِي ٱلصُّورِۚ وَنَحۡشُرُ ٱلۡمُجۡرِمِينَ يَوۡمَئِذٖ زُرۡقٗا ﴿١٠٢﴾

يَتَخَٰفَتُونَ بَيۡنَهُمۡ إِن لَّبِثۡتُمۡ إِلَّا عَشۡرٗا ﴿١٠٣﴾

نَّحۡنُ أَعۡلَمُ بِمَا يَقُولُونَ إِذۡ يَقُولُ أَمۡثَلُهُمۡ طَرِيقَةً إِن لَّبِثۡتُمۡ إِلَّا يَوۡمٗا ﴿١٠٤﴾

وَيَسۡـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلۡجِبَالِ فَقُلۡ يَنسِفُهَا رَبِّي نَسۡفٗا ﴿١٠٥﴾

فَيَذَرُهَا قَاعٗا صَفۡصَفٗا ﴿١٠٦﴾

لَّا تَرَىٰ فِيهَا عِوَجٗا وَلَآ أَمۡتٗا ﴿١٠٧﴾

يَوۡمَئِذٖ يَتَّبِعُونَ ٱلدَّاعِيَ لَا عِوَجَ لَهُۥۖ وَخَشَعَتِ ٱلۡأَصۡوَاتُ لِلرَّحۡمَٰنِ فَلَا تَسۡمَعُ إِلَّا هَمۡسٗا ﴿١٠٨﴾

يَوۡمَئِذٖ لَّا تَنفَعُ ٱلشَّفَٰعَةُ إِلَّا مَنۡ أَذِنَ لَهُ ٱلرَّحۡمَٰنُ وَرَضِيَ لَهُۥ قَوۡلٗا ﴿١٠٩﴾

يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡ وَلَا يُحِيطُونَ بِهِۦ عِلۡمٗا ﴿١١٠﴾

وَعَنَتِ ٱلۡوُجُوهُ لِلۡحَيِّ ٱلۡقَيُّومِۖ وَقَدۡ خَابَ مَنۡ حَمَلَ ظُلۡمٗا ﴿١١١﴾

*"Demikianlah Kami kisahkan kepadamu sebabagian cerita umat-umat yang telah lalu dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu peringatan (Al-Qur'an) dari sisi Kami(99). Barang siapa berpaling darinya, maka dia akan memikul dosa yang amat berat pada hari Qiamat(100). Mereka kekal di dalam keadaan itu dan amatlah buruk beban dosa itu kepada mereka pada hari Qiamat(101). (Iaitu) pada hari ditiupkan sangkakala dan Kami akan himpunkan orang-orang yang berdosa pada hari itu dengan wajah yang biru muram(102). Mereka berbisik-bisik di antara mereka: Kamu tidak tinggal (di dunia) melainkan hanya sepuluh hari sahaja(103). Kami lebih mengetahui kadar masa yang mereka katakan, ketika seorang di antara mereka yang paling betul fikirannya berkata: Kamu tidak tinggal di dunia melainkan hanya sehari sahaja(104). Dan mereka bertanya kepadamu tentang gunung-ganang, maka katakanlah: Tuhanku akan menghancurleburkannya dengan selebur-leburnya(105). Dan meninggalkannya menjadi padang yang licin dan rata(106). Engkau tidak dapat melihat di sana tempat yang rendah dan tempat yang tinggi(107). Pada hari itu mereka mengikut arahan (malaikat) dengan lurus tanpa menyimpang darinya, dan seluruh suara merendah khusyu' kepada Allah Yang Maha Penyayang, maka di sana engkau tidak dapat mendengar kecuali suara bisikan sahaja(108). Pada hari itu segala syafa'at tidak berguna kecuali dari orang yang diizinkan Allah Yang Maha Penyayang dan diredhai permohonannya(109). Yang Mengetahui segala apa yang ada di hadapan dan di belakang mereka, sedangkan ilmu mereka tidak dapat meliputi ilmu-Nya(110). Dan seluruh wajah tunduk merendahkan diri kepada Allah Yang Maha Hidup dan Maha Mentadbir, dan sesungguhnya rugilah mereka yang melakukan kezaliman" (111).*

وَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا يَخَافُ ظُلْمًا وَلَا هَضْمًا ١١٢

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَٰهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا وَصَرَّفْنَا فِيهِ مِنَ ٱلْوَعِيدِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ أَوْ يُحْدِثُ لَهُمْ ذِكْرًا ١١٣

فَتَعَٰلَى ٱللَّهُ ٱلْمَلِكُ ٱلْحَقُّ ۗ وَلَا تَعْجَلْ بِٱلْقُرْءَانِ مِن قَبْلِ أَن يُقْضَىٰٓ إِلَيْكَ وَحْيُهُۥ ۖ وَقُل رَّبِّ زِدْنِى عِلْمًا ١١٤

وَلَقَدْ عَهِدْنَآ إِلَىٰٓ ءَادَمَ مِن قَبْلُ فَنَسِىَ وَلَمْ نَجِدْ لَهُۥ عَزْمًا ١١٥

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ أَبَىٰ ١١٦

فَقُلْنَا يَٰٓـَٔادَمُ إِنَّ هَٰذَا عَدُوٌّ لَّكَ وَلِزَوْجِكَ فَلَا يُخْرِجَنَّكُمَا مِنَ ٱلْجَنَّةِ فَتَشْقَىٰٓ ١١٧

إِنَّ لَكَ أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَىٰ ١١٨

وَأَنَّكَ لَا تَظْمَؤُا۟ فِيهَا وَلَا تَضْحَىٰ ١١٩

فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ ٱلشَّيْطَٰنُ قَالَ يَٰٓـَٔادَمُ هَلْ أَدُلُّكَ عَلَىٰ شَجَرَةِ ٱلْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَىٰ ١٢٠

فَأَكَلَا مِنْهَا فَبَدَتْ لَهُمَا سَوْءَٰتُهُمَا وَطَفِقَا يَخْصِفَانِ عَلَيْهِمَا مِن وَرَقِ ٱلْجَنَّةِ ۚ وَعَصَىٰٓ ءَادَمُ رَبَّهُۥ فَغَوَىٰ ١٢١

ثُمَّ ٱجْتَبَٰهُ رَبُّهُۥ فَتَابَ عَلَيْهِ وَهَدَىٰ ١٢٢

قَالَ ٱهْبِطَا مِنْهَا جَمِيعًۢا ۖ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ ۖ فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّى هُدًى فَمَنِ ٱتَّبَعَ هُدَاىَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَىٰ ١٢٣

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِى فَإِنَّ لَهُۥ مَعِيشَةً ضَنكًا وَنَحْشُرُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ أَعْمَىٰ ١٢٤

*"Dan barang siapa yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka dia tidak perlu bimbang kepada sebarang, penganiayaan dan pengurangan (terhadap hak-haknya)(112). Dan demikianlah Kami telah menurunkan kepadanya Al-Qur'an di dalam bahasa Arab, di mana Kami telah menerangkan berulang-ulang kali sebahagian dari ancaman supaya mereka bertaqwa atau supaya Al-Qur'an dapat menimbulkan peringatan kepada mereka(113). Maka Maha Tinggilah Allah Pemerintah Yang Maha Agung dan Maha Benar, dan janganlah engkau tergesa-gesa membaca ayat-ayat Al-Qur'an sebelum selesai diwahyukan kepadamu, dan katakanlah: Wahai Tuhanku! Tambahkanlah ilmu pengetahuan kepadaku!(114) Sesungguhnya Kami sebelum ini telah berpesan kepada Adam lalu dia lupakan (pesanan itu) dan Kami dapati dia tidak mempunyai keazaman (yang kukuh)(115). Dan (kenangilah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam, lalu mereka sujud kecuali Iblis sahaja yang enggan(116). Lalu Kami berfirman kepada Adam: Sesungguhnya (Iblis) ini adalah musuhmu dan musuh isterimu, maka janganlah sekali-kali kamu berdua membiarkannya mengeluarkan kamu dari Syurga dan menyebabkan kamu mendapat kesusahan(117). Sesungguhnya kedudukan engkau di dalam Syurga ialah engkau tidak akan merasa lapar dari tidak akan bertelanjang(118). Dan sesungguhnya engkau tidak akan merasa dahaga di dalam Syurga dan tidak akan ditimpa panas matahari(119). Lalu syaitan membisikkan fikiran yang jahat kepadanya dengan katanya: Wahai Adam! Mahukah aku tunjukkan kepadamu pokok hidup kekal dan kerajaan yang tidak akan musnah?(120). Maka kedua-duanya pun makan buah pokok itu lalu terdedahlah kepada mereka aurat mereka dan mulailah mereka menutupi aurat mereka dengan daun-daun dari pokok Syurga. Adam telah melanggar perintah Tuhannya dan kerana itu ia tersesat(121). Kemudian Tuhannya telah memilikinya dan menerima taubatnya serta memberi hidayat kepadanya (122). Allah berfirman: Turunlah kamu berdua bersama-sama dari Syurga ini, (di sana) kamu akan menjadi musuh terhadap satu sama lain. Kemudian jika datang kepada kamu hidayat dari-Ku, maka sesiapa yang mengikut hidayat-Ku, maka dia tidak akan sesat dan tidak akan mendapat kecelakaan(123). Dan sesiapa yang berpaling dari peringatan-Ku, maka dia akan memperolehi kehidupan yang amat sengsara dan Kami akan kumpulkannya pada hari Qiamat dengan keadaan buta."(124).*

قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِىٓ أَعْمَىٰ وَقَدْ كُنتُ بَصِيرًا ١٢٥

قَالَ كَذَٰلِكَ أَتَتْكَ ءَايَٰتُنَا فَنَسِيتَهَا ۖ وَكَذَٰلِكَ ٱلْيَوْمَ تُنسَىٰ ١٢٦

وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى مَنْ أَسْرَفَ وَلَمْ يُؤْمِنۢ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِۦ ۚ وَلَعَذَابُ ٱلْءَاخِرَةِ أَشَدُّ وَأَبْقَىٰٓ ١٢٧

أَفَلَمْ يَهْدِ لَهُمْ كَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّنَ ٱلْقُرُونِ يَمْشُونَ فِى مَسَٰكِنِهِمْ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّأُو۟لِى ٱلنُّهَىٰ ١٢٨

وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَكَانَ لِزَامًا وَأَجَلٌ

مُّسَمًّى ﴿١٢٩﴾

فَٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحۡ بِحَمۡدِ رَبِّكَ قَبۡلَ طُلُوعِ ٱلشَّمۡسِ وَقَبۡلَ غُرُوبِهَاۖ وَمِنۡ ءَانَآيِٕ ٱلَّيۡلِ فَسَبِّحۡ وَأَطۡرَافَ ٱلنَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرۡضَىٰ ﴿١٣٠﴾

وَلَا تَمُدَّنَّ عَيۡنَيۡكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعۡنَا بِهِۦٓ أَزۡوَٰجٗا مِّنۡهُمۡ زَهۡرَةَ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا لِنَفۡتِنَهُمۡ فِيهِۚ وَرِزۡقُ رَبِّكَ خَيۡرٞ وَأَبۡقَىٰ ﴿١٣١﴾

وَأۡمُرۡ أَهۡلَكَ بِٱلصَّلَوٰةِ وَٱصۡطَبِرۡ عَلَيۡهَاۖ لَا نَسۡـَٔلُكَ رِزۡقٗاۖ نَّحۡنُ نَرۡزُقُكَۗ وَٱلۡعَٰقِبَةُ لِلتَّقۡوَىٰ ﴿١٣٢﴾

وَقَالُواْ لَوۡلَا يَأۡتِينَا بِـَٔايَةٖ مِّن رَّبِّهِۦٓۚ أَوَلَمۡ تَأۡتِهِم بَيِّنَةُ مَا فِي ٱلصُّحُفِ ٱلۡأُولَىٰ ﴿١٣٣﴾

وَلَوۡ أَنَّآ أَهۡلَكۡنَٰهُم بِعَذَابٖ مِّن قَبۡلِهِۦ لَقَالُواْ رَبَّنَا لَوۡلَآ أَرۡسَلۡتَ إِلَيۡنَا رَسُولٗا فَنَتَّبِعَ ءَايَٰتِكَ مِن قَبۡلِ أَن نَّذِلَّ وَنَخۡزَىٰ ﴿١٣٤﴾

قُلۡ كُلّٞ مُّتَرَبِّصٞ فَتَرَبَّصُواْۖ فَسَتَعۡلَمُونَ مَنۡ أَصۡحَٰبُ ٱلصِّرَٰطِ ٱلسَّوِيِّ وَمَنِ ٱهۡتَدَىٰ ﴿١٣٥﴾

*"Dia berkata: Wahai Tuhanku! Mengapakah engkau kumpulkanku dengan keadaan buta sedangkan aku dahulu seorang yang celik(125). Jawab Allah: Begitulah (balasannya), kerana dahulu ayat-ayat pengajaran Kami telah datang kepada kamu lalu kamu lupakannya, dan begitulah pada hari ini kamu pula dilupakan(126). Dan demikianlah Kami mengenakan balasan terhadap orang yang melampaui batas dan tidak beriman kepada ayat-ayat Tuhannya, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu adalah lebih berat dan lebih kekal(127). Apakah belum nyata kepada mereka beberapa banyak Kami telah membinasakan umat-umat sebelum mereka, sedangkan mereka sendiri pernah menjelajah di tempat-tempat kediaman mereka (yang telah dibinasakan itu)?(128) Sesungguhnya peristiwa-peristiwa itu merupakan bukti-bukti (kekuasaan Kami) kepada orang-orang yang berakal(128). Jika tidak kerana keputusan yang telah diputuskan dari Tuhanmu dan (jika tidak kerana) masa pembalasan (di Akhirat) yang telah ditetapkan nescaya mereka dibinasakan terus (di dunia ini)(129). Oleh itu hendaklah engkau bersabar di atas segala perkataan mereka dan bertasbihlah (dirikanlah solat) dengan memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari (solat Subuh) dan sebelum ia terbenam (solat Asar) dan bertasbihlah pula (dirikanlah solat) pada waktu malam hari (solat Isyak) dan pada dua hujung siang (solat Maghrib dan Zuhur) supaya engkau mendapat kepuasan jiwa(130). Dan janganlah engkau memanjangkan pandangan matamu kepada ni'mat-ni'mat yang telah Kami kurniakan kepada beberapa golongan dari mereka, iaitu ni'mat bunga-bunga hidup dunia untuk Kami ujikan mereka, sedangkan rezeki Tuhanmu adalah lebih baik dan kekal(131). Suruhlah keluargamu mendirikan solat dan hendaklah engkau menunaikannya dengan tekun. Kami tidak meminta rezeki darimu, malah Kamilah yang memberi rezeki kepadamu dan akibat yang baik itu diuntukkan kepada orang-orang yang bertaqwa(132). Dan mereka berkata: Mengapa dia tidak membawa kepada kami satu bukti dari Tuhannya? Apakah belum datang kepada mereka keterangan Al-Qur'an yang amat jelas yang membenarkan apa yang terkandung di dalam kitab-kitab yang terdahulu?(133) Dan sekiranya Kami binasakan mereka-dengan sesuatu 'azab sebelum turunnya Al-Qur'an ini nescaya mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapakah Engkau tidak mengirimkan seorang rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu sebelum kami mendapat kehinaan dan kehampaan?(134) Katakanlah: Setiap orang masing-masing menunggu, maka tunggulah kamu, dan kelak kamu akan mengetahui siapakah yang mendapat jalan yang lurus dan siapakah yang telah mendapat hidayat?."(135)*

**(Latar belakang dan pokok pembicaraan)**

Surah ini dimulakan dengan pembicaraan mengenai Al-Qur'an, iaitu ia tidak diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau mendapat kesusahan kerananya atau dengan sebabnya. Selepas membicarakan Al-Qur'an ia menceritakan pula kisah Nabi Musa a.s. di mana dapat dilihat dengan jelas bagaimana rapinya perlindungan dan 'inayah Allah terhadap Musa, saudaranya Harun dan kaumnya.

Kini Al-Qur'an kembali semula selepas penceritaan kisah Musa itu kepada pembicaraan mengenai Al-Qur'an dan fungsinya, juga mengenai akibat buruk yang akan menimpa mereka yang menolaknya. Akibat itu digambarkan dalam salah satu pemandangan-pemandangan hari Qiamat, di mana hati hidup dunia kelihatan begitu pendek, gunung-ganang dihancurleburkan, bumi menjadi rata dan tandus, segala suara merendah khusyu' kepada Allah Yang Maha Penyayang dan segala wajah tunduk kepada Allah Yang Maha Hidup dan Maha Mentadbir, supaya pemandangan ini serta ancaman-ancaman dari Al-Qur'an itu dapat, merangsangkan perasaan taqwa di dalam hati mereka dan dapat mengingatkan mereka serta menghubungkan mereka dengan Allah. Kemudian bahagian ini berakhir dengan sebuah penerangan untuk menenangkan hati Rasulullah s.a.w. dari kegelisahan beliau terhadap ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan kepadanya. Dengan penerangan ini beliau tidak perlu lagi bergopoh gapah mengulangi ayat-ayat itu kerana takut lupa. Beliau tidak akan mendapat kesusahan dengan sebab ayat-ayat itu kerana Allah akan memudahkan beliau menerima ayat-ayat itu dan akan memeliharanya, malah yang pertu bagi beliau ialah memohon limpah kurnia Allah supaya menambahkan lagi ilmu pengetahuan kepadanya.

Sesuai dengan keinginan Rasulullah s.a.w. yang kuat mengulangi ayat-ayat Al-Qur'an yang sedang diwahyukan kepadanya sebelum ayat-ayat itu selesai

disampaikan kepadanya kerana takut terlupa, Al-Qur'an menyebut kisah kelupaan Adam terhadap pesanan Allah dan kisah itu ditamatkan dengan perisytiharan yang mengumumkan perseteruan abadi di antara manusia dengan Iblis dan akibat-akibat yang diterima oleh mereka yang mengingati pesanan Allah dan mereka yang membelakanginya dari zuriat Adam. Akibat ini digambarkan dalam salah satu pemandangan Qiamat sebagai penghabisan perjalanan hidup manusia yang dimulakan di alam al-Mala'ul-A'la kemudian ia berakhir di alam itu sekali lagi.

Kemudian surah ini diakhiri dengan menghiburkan Rasulullah s.a.w. yang sedang berdukacita kerana ditolak dan didustakan oleh kaum Musyrikin supaya beliau tidak, menderitai kesusahan kerana mereka, kerana Allah telah menetapkan satu masa pembalasan yang tertentu untuk mereka. Di samping itu beliau tidak seharusnya memandang berat kepada kesenangan-kesenangan hidup dunia yang dikurniakan kepada mereka, kerana kesenangan itu hanya merupakan suatu ujian kepada mereka. Dengan demikian dapatlah beliau menumpukan perhatiannya kepada mengerjakan ibadat dan mengingati Allah agar jiwanya puas dan tenteram. Berbagai-bagai umat telah dibinasakan Allah sebelum mereka dan kini Allah mahu mema'afkan mereka dengan mengutuskan Rasul-Nya yang akhir. Oleh itu hendaklah beliau berlepas tangan dari mereka dan menyerahkan mereka kepada nasib kesudahan yang dipilih oleh mereka sendiri.

قُلْ كُلٌّ مُّتَرَبِّصٌ فَتَرَبَّصُوا۟ فَسَتَعْلَمُونَ مَنْ أَصْحَٰبُ ٱلصِّرَٰطِ ٱلسَّوِيِّ وَمَنِ ٱهْتَدَىٰ ﴿١٣٥﴾

*"Katakanlah: Setiap orang masing-masing menunggu, maka tunggulah kamu, dan kelak kamu akan mengetahui siapakah yang mendapat jalan yang lurus dan siapakah yang telah mendapat hidayat?"(135)*

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 99 - 114)**

كَذَٰلِكَ نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنۢبَآءِ مَا قَدْ سَبَقَ ۚ وَقَدْ ءَاتَيْنَٰكَ مِن لَّدُنَّا ذِكْرًا ﴿٩٩﴾

مَّنْ أَعْرَضَ عَنْهُ فَإِنَّهُۥ يَحْمِلُ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ وِزْرًا ﴿١٠٠﴾

خَٰلِدِينَ فِيهِ ۖ وَسَآءَ لَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ حِمْلًا ﴿١٠١﴾

يَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ ۚ وَنَحْشُرُ ٱلْمُجْرِمِينَ يَوْمَئِذٍ زُرْقًا ﴿١٠٢﴾

يَتَخَٰفَتُونَ بَيْنَهُمْ إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا عَشْرًا ﴿١٠٣﴾

نَّحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَقُولُونَ إِذْ يَقُولُ أَمْثَلُهُمْ طَرِيقَةً إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا يَوْمًا ﴿١٠٤﴾

*"Demikianlah Kami kisahkan kepadamu sebahagian cerita umat-umat yang telah lalu, dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu peringatan (Al-Qur'an) dari sisi Kami(99). Barang siapa berpaling darinya, maka dia akan memikul dosa yang amat berat pada hari Qiamat(100). Mereka kekal di dalam keadaan itu dan amatlah buruk beban dosa itu kepada mereka pada hari Qiamat(101). (Iaitu) pada hari ditiupkan sangkakala dan Kami akan himpunkan orang-orang yang berdosa pada hari itu dengan wajah yang biru muram(102). Mereka berbisik-bisik di antara mereka: Kamu tidak tinggal di dunia melainkan hanya sepuluh hari sahaja(103). Kami lebih mengetahui kadar masa yang mereka katakan, ketika seorang di antara mereka yang paling betul fikirannya berkata: Kamu tidak tinggal di dunia melainkan hanya sehari sahaja."(104)*

Itulah kisah-kisah Musa yang Kami ceritakan kepadamu dari kisah-kisah umat-umat yang dahulu kata. Kami ceritakan kisah-kisah itu kepadamu di dalam Al-Qur'an. Dalam ayat ini Al-Qur'an dipanggil dengan nama zikr (peringatan) kerana ia mengingatkan manusia kepada Allah dan bukti-bukti kekuasaan-Nya, juga ia mengingatkan kepada bukti-bukti kekuasaan Allah yang terkandung dalam kisah-kisah umat-umat yang silam.

***Semasa Di Mahsyar Masa Hidup Di Dunia Ini Dirasakan Begitu Pendek***

Kepada orang-orang yang menolak Al-Qur'an yang dinamakan di dalam ayat ini sebagai orang-orang yang berdosa, Allah menayangkan satu pemandangan hari Qiamat, di mana mereka memikul dosa-dosa mereka persis seperti para musafir memikul beban barang-barang mereka. Alangkah beratnya beban dosa-dosa mereka dan apabila sangkakala ditiupkan, maka sekalian orang yang berdosa itu akan dihimpunkan di Mahsyar dengan wajah-wajah mereka yang biru kerana terlalu menderita dan dukacita. Mereka berbisik-bisik sesama mereka. Mereka tidak berani mengangkat suara mereka kerana terlalu takut dan dahsyat, juga kerana wujudnya suasana ngeri yang menyelubungi padang Mahsyar. Apakah yang menjadi maudhu' bisikan mereka? Mereka meneka dan mengira beberapa hari mereka telah tinggal di dunia ini dahulu. Kehidupan dunia telah menjadi begitu kecil dalam perasaan mereka. Masanya juga telah menjadi begitu pendek mengikut perasaan mereka, iaitu tidak lebih dari beberapa hari sahaja:

إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا عَشْرًا ﴿١٠٣﴾

*"Kamu tidak tinggal (di dunia) melainkan hanya sepuluh hari sahaja."(103)*

Dan bagi orang yang mempunyai fikiran yang paling waras di antara mereka merasa bahawa masa tinggal di dunia jauh lebih pendek lagi dari itu:

إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا يَوْمًا ﴿١٠٤﴾

*"Kamu tidak tinggal (di dunia) melainkan hanya sehari sahaja."(104)*

Demikianlah usia yang dihayati mereka di muka bumi itu mengerut dan melipat begitu pendek, dan kesenangan dan kesusahan hidup mereka di dunia itu menjadi begitu kecil hingga seluruhnya dirasakan berlangsung dalam satu waktu yang sebentar sahaja dan dirasakan mempunyai nilai yang sangat sedikit. Apakah nilai yang ada pada sepuluh malam walaupun ia penuh dengan berbagai-bagai kelazatan dan keni'matan? Apakah nilai yang ada pada semalam walaupun setiap detiknya dipenuhi kebahagiaan dan kesukaan? Apakah nilai yang ada pada sepuluh malam dan semalam dibandingkan dengan masa keseksaan di Akhirat yang tiada penghujung baginya, iaitu masa yang menunggu mereka selepas perhimpunan di padang Mahsyar dan akan membawa mereka ke zaman depan yang tidak akan putus.

Pemandangan dahsyat itu bertambah menonjol lagi apabila Al-Qur'an kembali menyebut satu pertanyaan yang dikemukakan mereka semasa di dunia, iaitu apakah yang akan berlaku kepada gunung-ganang yang gagah itu pada hari Qiamat kelak, lalu dijawab dengan satu jawapan yang menggambarkan darjah kedahsyatan yang dihadapi mereka:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْجِبَالِ فَقُلْ يَنسِفُهَا رَبِّى نَسْفًا ﴿١٠٥﴾

فَيَذَرُهَا قَاعًا صَفْصَفًا ﴿١٠٦﴾

لَّا تَرَىٰ فِيهَا عِوَجًا وَلَآ أَمْتًا ﴿١٠٧﴾

يَوْمَئِذٍ يَتَّبِعُونَ ٱلدَّاعِىَ لَا عِوَجَ لَهُۥ ۖ وَخَشَعَتِ ٱلْأَصْوَاتُ لِلرَّحْمَٰنِ فَلَا تَسْمَعُ إِلَّا هَمْسًا ﴿١٠٨﴾

يَوْمَئِذٍ لَّا تَنفَعُ ٱلشَّفَٰعَةُ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ ٱلرَّحْمَٰنُ وَرَضِىَ لَهُۥ قَوْلًا ﴿١٠٩﴾

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِهِۦ عِلْمًا ﴿١١٠﴾

وَعَنَتِ ٱلْوُجُوهُ لِلْحَىِّ ٱلْقَيُّومِ ۖ وَقَدْ خَابَ مَنْ حَمَلَ ظُلْمًا ﴿١١١﴾

وَمَن يَعْمَلْ مِنَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا يَخَافُ ظُلْمًا وَلَا هَضْمًا ﴿١١٢﴾

*"Dan mereka bertanya kepadamu tentang gunung-ganang, maka katakanlah: Tuhanku akan menghancur-leburkannya dengan selebur-leburnya(105). Dan meninggalkannya menjadi padang yang lincin dan rata(106). Engkau tidak dapat melihat di sana tempat yang rendah dan tempat yang tinggi(107). Pada hari itu mereka mengikut arahan (malaikat) dengan lurus tanpa menyimpang darinya, dan seluruh suara merendah khusyu' kepada Allah Yang Maha Penyayang, maka di sana engkau tidak dapat mendengar kecuali suara bisikan sahaja(108). Pada hari itu segala syafa'at tidak berguna kecuali dari orang yang diizinkan Allah Yang Maha Penyayang dan diredhai permohonannya(109). Yang Mengetahui segala apa yang ada di hadapan dan di belakang mereka, sedangkan ilmu mereka tidak dapat meliputi ilmu-Nya(110). Dan seluruh wajah tunduk merendahkan diri kepada Allah Yang Maha Hidup dan Maha Mentadbir, dan sesungguhnya rugilah mereka yang melakukan kezaliman(111). Dan barang siapa yang mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka dia tidak perlu bimbang kepada sebarang penganiayaan dan pengurangan (terhadap hak-haknya)."(112)*

### *Mahsyar Bumi Datar Yang Sunyi Sepi*

Pemandangan yang ngeri kelihatan begitu jelas; gunung-ganang yang teguh itu telah dileburkan selebur-leburnya menjadi padang yang datar dan licin dari segala tanah tinggi dan tanah rendah setelah selama ini berdiri mengawan tinggi. Seluruh bumi telah didatarkan menjadi rata, tiada lagi tinggi rendah di sana sini.

Kini bunyi gegak gempita selepas dilebur dan didatarkan bumi seolah-olah kembali tenang, seluruh manusia yang berhimpun bersesak-sesak menuju padang Mahsyar itu sunyi lengang untuk mendengar perintah dan segala gerak menyepi dan segala suara merendah. Mereka hanya mendengar perintah malaikat yang mengarah mereka ke padang Mahsyar. Mereka mengikuti arahan itu dengan lurus seperti kumpulan ternakan yang diam dan menyerah patuh, tanpa menoleh ke sana ke mari dan tanpa ponteng dan berlengah-lengah, sedangkan semasa di dunia dahulu mereka pernah diseru kepada hidayat tetapi mereka ponteng, berlengah-lengah dan menolak. Penyerahan mereka yang lurus dan patuh itu digambarkan dengan ungkapan:

يَوْمَئِذٍ يَتَّبِعُونَ ٱلدَّاعِىَ لَا عِوَجَ لَهُۥ ۖ

*"Mereka mengikut arahan (malaikat) dengan lurus tanpa menyimpang darinya."(108)*

Ia digambarkan sedemikian rupa untuk diselaraskan pemandangan hati dan jisim dengan pemandangan gunung-ganang yang datar dan licin, tiada tanah rendah dan tiada tanah tinggi.

Kemudian suasana diselubungi sunyi sepi yang menakutkan:

وَخَشَعَتِ ٱلْأَصْوَاتُ لِلرَّحْمَٰنِ فَلَا تَسْمَعُ إِلَّا هَمْسًا ﴿١٠٨﴾

*"Dan seluruh suara merendah khusyu' kepada Allah Yang Maha Penyayang, maka di sana engkau tidak dapat mendengar kecuali suara bisikan sahaja(108).*

وَعَنَتِ ٱلْوُجُوهُ لِلْحَيِّ ٱلْقَيُّومِ

*"Dan seluruh wajah tunduk merendahkan diri kepada Allah Yang Maha Hidup dan Maha Mentadbir."(111)*

***Tiada Syafa'at Melainkan Dari Orang Yang Diredhai Allah***

Demikianlah kebesaran Ilahi itu menyelubungi suasana hari itu dan padang Mahsyar yang sayup saujana di pandang mata itu diselimuti perasaan takut, cemas, sunyi sepi, rendah diri dan khusyu', di mana percakapan berlangsung dengan berbisik-bisik dan pertanyaan dikemukakan dengan suara yang rendah. Seluruh hati khusyu' dan seluruh wajah muram kerana sengsara. Kebesaran dan kemuliaan Allah Yang Maha Hidup dan Maha Mentadbir menyelimuti jiwa manusia yang ramai itu dengan rasa kebesaran dan kemuliaan yang tenang. (Pada hari itu) tiada syafa'at (yang diterima Allah) melainkan dari orang-orang yang diperkenankan permohonannya. Pada hari itu ilmu yang meliputi hanya dimiliki Allah, sedangkan ilmu pengetahuan mereka tidak dapat meliputi ilmu Allah. (Pada hari itu) orang-orang yang zalim akan memikul dosa-dosa kezaliman mereka dan akan menemui kehampaan dan kekecewaan. (Pada hari itu) orang-orang yang beriman berada dalam keadaan tenang tenteram. Mereka tidak bimbang teraniaya dalam kiraan hisab amalan dan tidak takut dikurangi amalan-amalan soleh yang telah dikerjakan mereka.

Itulah kehebatan dan kebesaran yang menyelubungi seluruh suasana di hadapan Allah Yang Maha Penyayang.

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَٰهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا وَصَرَّفْنَا فِيهِ مِنَ ٱلْوَعِيدِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ أَوْ يُحْدِثُ لَهُمْ ذِكْرًا ﴿١١٣﴾

*"Dan demikianlah Kami telah menurunkan kepadanya Al-Qur'an di dalam bahasa Arab, di mana Kami telah menerangkan berulang-ulang kali sebahagian dari ancaman supaya mereka bertaqwa atau supaya Al-Qur'an dapat menimbulkan peringatan kepada mereka."(113)*

Selaras dengan ini juga Kami telah terangkan di dalam Al-Qur'an berbagai-bagai gambaran ancaman 'azab, berbagai-bagai suasana dan pemandangan 'azab seksa supaya dapat merangsangkan perasaan taqwa di dalam hati para pendusta atau dapat mengingatkan mereka tentang akibat dan balasan yang akan diterima mereka pada hari Akhirat agar mereka pulang ke pangkal jalan. Ini selaras dengan firman Allah pada awal surah ini:

مَآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ لِتَشْقَىٰٓ ﴿٢﴾ إِلَّا تَذْكِرَةً لِّمَن يَخْشَىٰ ﴿٣﴾

*"Kami tidak menurunkan Al-Qur'an kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau mendapat kesusahan.(2) Melainkan semata-mata supaya menjadi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah."(3)*

***Situasi Yang Mencemaskan Rasulullah Ketika Menerima Wahyu***

Rasulullah s.a.w. selalu tergesa-gesa mengikuti ayat-ayat Al-Qur'an yang diwahyukan kepadanya, iaitu beliau bergopoh gapah mengulangi dan membaca ayat-ayat itu sebelum wahyu itu berakhir kerana takut lupa dan ini menyebabkan kesulitan kepada beliau. Justeru itu Allah mahu menenangkan hati beliau terhadap amanah Al-Qur'an yang sedang dipikulnya itu.

فَتَعَٰلَى ٱللَّهُ ٱلْمَلِكُ ٱلْحَقُّ ۗ وَلَا تَعْجَلْ بِٱلْقُرْءَانِ مِن قَبْلِ أَن يُقْضَىٰٓ إِلَيْكَ وَحْيُهُۥ ۖ وَقُل رَّبِّ زِدْنِى عِلْمًا ﴿١١٤﴾

*"Maka Maha Tinggilah Allah Pemerintah Yang Maha Agung dan Maha Benar, dan janganlah engkau tergesa-gesa membaca ayat-ayat Al-Qur'an sebelum selesai diwahyukan kepadamu, dan katakanlah: Wahai Tuhanku! Tambahlah ilmu pengetahuan kepadaku!"(114)*

Maha Sucilah Allah Pemerintah Yang Maha Agung dan Maha Benar, yang mana seluruh wajah tunduk kepada-Nya. Seluruh yang zalim akan kecewa di hadapan-Nya dan seluruh orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan mendapat keamanan dan ketenteraman di bawah naungan-Nya. Dialah yang menurunkan Al-Qur'an ini dari maqam kebesaran-Nya Yang Maha Tinggi. Oleh itu beliau tidak payah tergesa-gesa dan bergopoh-gapah menggerakkan lidahnya (untuk mengingatkan ayat-ayat yang diwahyukan kepadanya), kerana Al-Qur'an adalah diturun kerana suatu hikmat yang amat besar dan kerana itu Allah tidak akan menghilangkannya (dari ingatan beliau), malah yang menjadi kewajipan engkau (wahai Muhammad) ialah berdo'a kepada Allah agar Dia menambahkan lagi pengurniaan ilmu pengetahuan kepadamu dan seterusnya hendaklah engkau merasa aman dan tenteram terhadap ilmu pengetahuan yang dikurniakan kepadamu tanpa merasa takut dan bimbang bahawa ia akan hilang (dari ingatanmu). Ilmu pengetahuan yang sebenar ialah ilmu pengetahuan yang diajar oleh Allah. Itulah ilmu pengetahuan yang kekal berguna dan tidak akan hilang, yang tetap memberi hasil dan tidak menghampakan.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 115 - 127)**

***Adam Dan Hawa Memasuki Kelas Ujian Pertama Sebelum Turun Ke Bumi***

Kemudian dikemukakan pula kisah Adam yang lupakan pesanan Allah ketika beliau lemah di hadapan godaan syaitan yang menggodanya dengan angan-angan hidup yang kekal abadi. Beliau telah mendengar dan menyambut bisikan syaitan itu. Peristiwa ini merupakan ujian Allah terhadap beliau sebelum diserahkan tugas khilafah di bumi dan ia juga merupakan contoh godaan Iblis yang harus dijadikan

teladan oleh anak cucu Adam. Setelah sempurna ujian ini, Allah menyelamatkan Adam dengan limpah rahmat-Nya kemudian memilih beliau (sebagai khalifah di bumi) dan memberi hidayat kepadanya.

Kisah-kisah Al-Qur'an diceritakan dalam pembicaraan-pembicaraan yang sesuai dengannya. Kisah Adam yang diceritakan di sini adalah dikemukakan selepas diceritakan tentang kegopohan Rasulullah s.a.w. menyebut-nyebut ayat-ayat Al-Qur'an kerana takut lupa. Justeru itu di dalam kisah Adam di sini disebut perkara kelupaan itu. Ia dikemukakan di dalam surah yang mendedahkan bagaimana Allah mengurniakan rahmat dan naungan-Nya kepada para hamba-Nya yang telah dipilih sebagai nabi dan rasul-Nya. Al-Qur'an menyebut dalam kisah Adam bahawa Allah telah memilih beliau sebagai khalifah di bumi dan menerima taubatnya serta memberi hidayat kepadanya, kemudian kisah itu diiringi dengan penayangan salah satu pemandangan Qiamat yang menggambarkan akibat-akibat yang diterima oleh anak-anak cucunya yang ta'at dan anak-anak cucunya yang derhaka. Ia merupakan seolah-olah cerita kepulangan manusia dari penjelajahan mereka di muka bumi ke tempat asal mereka agar setiap orang dari mereka dibalas mengikut amalan-amalan yang dilakukannya.

Sekarang marilah kita ikuti kisah Adam dalam ayat-ayat berikut:

وَلَقَدْ عَهِدْنَآ إِلَىٰٓ ءَادَمَ مِن قَبْلُ فَنَسِىَ وَلَمْ نَجِدْ لَهُۥ عَزْمًا ﴿١١٥﴾

*"Sesungguhnya sebelum ini Kami telah berpesan kepada Adam, lalu dia lupakan (pesanan itu) dan Kami dapati dia tidak mempunyai keazaman (yang kukuh)."(115)*

Pesanan Allah kepada Adam ialah kebenaran-Nya kepada beliau memakan segala buah-buahan di dalam Syurga kecuali buah dari satu pokok yang tertentu sahaja. Buah pokok ini melambangkan buah larangan yang pasti diwujudkan untuk tujuan mendidik kemahuan Adam, mengukuhkan keperibadiannya dan membebaskan dirinya dari keinginan-keinginan hawa nafsu sekadar yang diperlukan untuk memelihara kebebasan roh insaniyahnya melepaskan dirinya dari desakan keperluan-keperluan apabila ia kehendaki supaya ia tidak diperhambakan keinginan-keinginan hawa nafsunya dan seterusnya dapat menguasainya. Kebolehan mengawal keinginan nafsu merupakan suatu ukuran yang betul untuk mengukur kemajuan manusia. Semakin tinggi kebolehan manusia mengawal keinginan hawa nafsunya semakin tinggi pula darjat kedudukannya pada tangga kemajuannya, dan sebaliknya semakin lemah kebolehannya berdepan dengan keinginan-keinginan hawa nafsunya semakin hampir darjah kedudukannya dengan kedudukan haiwan dan dengan tangga-tangga kemunduran yang paling bawah.

Justeru itulah 'inayah Allah yang memelihara makhluk insan ini lebih dulu hendak mendidik dan menyediakannya untuk jawatan khalifah di bumi dengan mengujikan kekuatan kemahuannya dan merangsangkan kekuatan azamnya melawan nafsu serta membuka matanya terhadap pertarungan yang akan dihadapinya di antara keinginan hawa nafsunya yang dibisikkan oleh syaitan dengan kemahuan dan pelanjian setianya kepada perintah Allah Yang Maha Penyayang. Kini ujian yang pertama itu telah mengumumkan keputusannya yang pertama:

وَلَقَدْ عَهِدْنَآ إِلَىٰٓ ءَادَمَ مِن قَبْلُ فَنَسِىَ وَلَمْ نَجِدْ لَهُۥ عَزْمًا ﴿١١٥﴾

*"Lalu dia lupakan (pesanan itu) dan Kami dapati dia tidak mempunyai keazaman (yang kukuh)."(115)*

Kemudian Al-Qur'an memperincikan ujian (yang dihadapkan kepada Adam dan Hawa itu):

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِءَادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ أَبَىٰ ﴿١١٦﴾

*"Dan (kenangilah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam, lalu mereka pun sujud kecuali Iblis sahaja yang enggan."(116)*

Demikianlah adegan ini ditayangkan dengan begitu ringkas di sini, sedangkan di dalam surah-surah yang lain ia diterangkan dengan panjang lebar, kerana tujuan penerangan ayat ini ialah menerangkan ni'mat dan ri'ayah Allah terhadap Adam, maka kerana itulah penerangan ayat ini terus menyebut gejala-gejala ni'mat dalam ria'yah Allah itu:

فَقُلْنَا يَٰٓـَٔادَمُ إِنَّ هَٰذَا عَدُوٌّ لَّكَ وَلِزَوْجِكَ فَلَا يُخْرِجَنَّكُمَا مِنَ ٱلْجَنَّةِ فَتَشْقَىٰٓ ﴿١١٧﴾ إِنَّ لَكَ أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَىٰ ﴿١١٨﴾ وَأَنَّكَ لَا تَظْمَؤُا۟ فِيهَا وَلَا تَضْحَىٰ ﴿١١٩﴾

*"Lalu Kami berfirman kepada Adam: Sesungguhnya (Iblis) ini adalah musuhmu dan musuh isterimu, maka janganlah sekali-kali kamu berdua membiarkannya mengeluarkan kamu dari Syurga dan menyebabkan kamu mendapat kesusahan(117). Sesungguhnya kedudukan engkau di dalam Syurga ialah engkau tidak akan merasa lapar dan tidak akan bertelanjang(118). Sesungguhnya engkau tidak akan merasa dahaga di dalam Syurga dan tidak akan ditimpa panas matahari."(119)*

Inilah ri'ayah dan 'inayah Allah terhadap Adam. Dia mengingatkan beliau supaya berwaspada terhadap musuhnya syaitan dan putar belitnya setelah ia melanggar perintah Allah dan enggan sujud kepada Adam:

فَلَا يُخْرِجَنَّكُمَا مِنَ ٱلْجَنَّةِ فَتَشْقَىٰٓ ﴿١١٧﴾

*"Janganlah sekali-kali kamu berdua membiarkannya mengeluarkan kamu dari Syurga dan menyebabkan kamu mendapat kesusahan."(117)*

Kerana kesusahan berpenat lelah, bekerja, menghadapi penyelewengan, kesesatan, kegelisahan, kebingungan, kehilangan kesabaran, kesusahan kerana terlalu kepingin juga kerana menunggu-nunggu, sedih dan kehilangan..... semua kesusahan ini sedang menunggu engkau di luar Syurga, sedangkan kini engkau masih terpelihara dari kesusahan-kesusahan itu selama engkau berada dalam pekarangan Syurga:

إِنَّ لَكَ أَلَّا تَجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَىٰ ﴿١١٨﴾ وَأَنَّكَ لَا تَظْمَؤُا۟ فِيهَا وَلَا تَضْحَىٰ ﴿١١٩﴾

*"Sesungguhnya kedudukan engkau di dalam Syurga ialah engkau tidak akan merasa lapar dan tidak akan bertelanjang(118). Sesungguhnya engkau tidak akan merasa dahaga di dalam Syurga dan tidak akan ditimpa panas matahari."(119)*

Semua kesusahan ini dijamin tidak akan menimpa engkau selama engkau masih berada dalam pekarangan Syurga. Keadaan lapar dan bogel bertemu dengan keadaan dahaga dan panas terik. Semuanya melambangkan kesulitan-kesulitan manusia yang utama untuk mendapatkan makanan, pakaian, minuman dan tempat berteduh.

Tetapi Adam di waktu itu belum mempunyai apa-apa pengalaman. Beliau membawa kelemahan manusia dalam menghadapi keinginan untuk hidup dan keinginan untuk berkuasa. Melalui lubang-lubang ini syaitan dapat menyusup masuk ke dalam jiwanya:

فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ ٱلشَّيْطَـٰنُ قَالَ يَـٰٓـَٔادَمُ هَلْ أَدُلُّكَ عَلَىٰ شَجَرَةِ ٱلْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَىٰ ﴿١٢٠﴾

*"Lalu syaitan membisikkan fikiran yang jahat kepadanya dengan katanya: Wahai Adam! Mahukah aku tunjukkan kepadamu pokok hidup kekal dan kerajaan yang tidak akan musnah?"(120)*

### Syaitan Menawar Hidup Yang Lama Dan Kuasa Yang Tidak Musnah Kepada Adam Dan Hawa

Syaitan telah berjaya menyentuh tempat yang amat peka di dalam jiwa Adam, kerana umur makhluk manusia memang terbatas dan kekuatannya terbatas dan dari sinilah Adam bercita-cita untuk meni'mati hidup yang panjang dan meni'mati kuasa yang panjang, dan dari dua tingkap inilah syaitan dapat masuk ke dalam hatinya. Oleh sebab Adam makhluk yang diciptakan Allah dengan fitrah manusia dan kelemahan manusia kerana sesuatu tujuan dan hikmat yang tersembunyi, maka beliau telah lupa kepada pesanan Allah dan melanggar larangan-Nya:

فَأَكَلَا مِنْهَا فَبَدَتْ لَهُمَا سَوْءَٰتُهُمَا وَطَفِقَا يَخْصِفَانِ عَلَيْهِمَا مِن وَرَقِ ٱلْجَنَّةِ ۚ وَعَصَىٰٓ ءَادَمُ رَبَّهُۥ فَغَوَىٰ ﴿١٢١﴾

*"Maka kedua-duanya pun makan buah pokok itu lalu terdedahlah kepada mereka aurat mereka dan mulailah mereka menutupi aurat mereka dengan daun-daun dari pokok Syurga. Adam telah melanggar perintah Tuhannya dan kerana itu ia tersesat."(121).*

Maksud, yang zahir dari kata-kata aurat di dalam ayat ini ialah aurat-aurat tubuh badan yang terdedah kepada mereka, sedangkan selama ini aurat itu tertutup dari mereka. Aurat itu ialah bahagian anggota yang menjadi tempat kehormatan pada tubuh badan mereka. Pengertian ini disokong oleh tindakan mereka menutup anggota-anggota itu dengan daun-daun pokok Syurga. Mereka menyusun daun-daun itu untuk menutup bahagian-bahagian aurat yang terdedah itu. Mungkin peristiwa penutupan aurat ini merupakan titik permulaan timbulnya keinginan seks di dalam diri mereka, kerana sebelum timbulnya keinginan ini seseorang itu tidak merasa malu apabila tempat-tempat kehormatannya itu terdedah dan tidak pula memberi perhatian kepadanya, tetapi dia akan teringat atau memberi perhatian kepada aurat-aurat itu apabila keinginan seks itu timbul di dalam dirinya dan dia akan merasa malu mendedahkannya.

### Makna Keterdedahan Aurat Adam Dan Hawa

Mungkin juga tujuan mereka dilarang memakan buah-buah dari pokok itu ialah kerana buah-buahnya boleh merangsangkan keinginan seks di dalam tubuh mereka, iaitu keinginan yang telah dilewatkan pertumbuhannya untuk beberapa waktu mengikut kehendak Allah. Dan mungkin juga perbuatan mereka melupakan pesanan Allah dan melanggar larangan-Nya menyebabkan kekuatan keazaman mereka merosot dan hubungan mereka dengan Allah terputus dan akibatnya mereka berdua dikuasai dorongan-dorongan tubuh badan dan menyebabkan keinginan seks timbul di dalam diri mereka. Dan mungkin pula keinginan untuk hidup kekal itu telah menggerakkan keinginan seks untuk melahirkan anak pinak, kerana keinginan ini, merupakan sarana yang dikurniakan kepada makhluk manusia untuk kesinambungan hidup mereka di sebalik umur individu-individunya yang terbatas. Semuanya itu merupakan andaian-andaian untuk mentafsirkan sebab berlakunya keterdedahan aurat mereka apabila mereka memakan buah-buah dari pokok itu. Al-Qur'an tidak berkata "فبدت سوآتهما" (lalu terdedahlah aurat mereka), malah ia berkata "فبدت لهما سوآتهما" (lalu terdedahlah kepada mereka berdua aurat mereka). Ungkapan ini menunjukkan bahawa selama ini aurat itu terlindung dari mereka kemudian ternampak kepada mereka dengan sebab timbulnya

dorongan nafsu keinginan di dalam diri mereka. Di dalam surah yang lain tindakan Iblis itu diungkapkan seperti berikut:

لِيُبْدِيَ لَهُمَا مَا وُۥرِيَ عَنْهُمَا مِن سَوْءَٰتِهِمَا

*"Supaya dia (syaitan) dapat mendedahkan kepada kedua mereka (Adam dan Hawa) aurat mereka yang disembunyikan kepada mereka."*

(Surah al-A'raf: 20)

Dan

يَنزِعُ عَنْهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيَهُمَا سَوْءَٰتِهِمَآ

*"Dia (syaitan) menanggalkan pakaian kedua mereka untuk memperlihatkan kepada mereka aurat mereka."*

(Surah al-A'raf: 27)

Boleh jadi maksud dari pakaian yang ditanggalkan oleh syaitan itu bukannya pakaian dalam ertikata benda, malah dalam ertikata perasaan yang melindungkan kehormatan diri, iaitu mungkin perasaan kesucian diri dan perasaan adanya hubungan dengan Allah. Walau bagaimanapun semua pendapat ini hanya merupakan andaian-andaian sahaja sebagaimana telah Kami jelaskan sebelum ini, dan kami tidak mahu mentarjihkan mana-mana satu dari pendapat-pendapat itu. Tujuan dikemukakan andaian-andaian itu ialah untuk mendekatkan gambaran ujian pertama di dalam sejarah hidup umat manusia.

Kemudian Adam dan Hawa telah diselamatkan oleh rahmat Allah setelah mereka melanggar pesanan Allah dan inilah hasil dari ujian Allah yang pertama terhadap beliau:

ثُمَّ ٱجْتَبَٰهُ رَبُّهُۥ فَتَابَ عَلَيْهِ وَهَدَىٰ ﴿١٢٢﴾

*"Kemudian Tuhannya telah memilihnya dan menerima taubatnya serta memberi hidayat kepadanya."(122)*

Iaitu setelah Adam memohon keampunan, menyesal dan meminta ma'af. Hal ini tidak disebut di dalam ayat ini supaya di dalam suasana ini hanya rahmat Allah sahaja yang kelihatan tertonjol.

Kemudian Allah memerintah kedua makhluk yang bermusuh ketat (Adam dan syaitan) itu supaya turun ke muka bumi sebagai gelanggang pertarungan mereka yang panjang selepas pusingan perjuangan yang pertama ini:

قَالَ ٱهْبِطَا مِنْهَا جَمِيعًۢا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ

*"Allah berfirman: Turunlah kamu berdua bersama-sama dari Syurga ini, (di sana) kamu akan menjadi musuh terhadap satu sama lain."(123)*

***Pengumuman Permusuhan Di Antara Manusia Dan Syaitan***

Perintah ini merupakan perisytiharan permusuhan di antara manusia dengan syaitan dan selepas perisytiharan ini Adam dan anak cucunya tidak mempunyai apa alasan lagi untuk mengatakan bahawa "aku telah diserang hendap oleh syaitan tanpa disedariku", kerana sebenarnya dia telah mengetahui dan sedar. Perisytiharan permusuhan ini diumumkan di seluruh alam buana *"kamu akan menjadi musuh terhadap satu sama lain."*

Serentak dengan pengumuman yang bergema di langit dan di bumi serta disaksikan oleh seluruh malaikat itu, maka rahmat Allah telah menghendaki untuk mengirimkan kepada umat manusiapara rasul-Nya yang membawa hidayat sebelum Allah mempersalahkan mereka terhadap dosa-dosa yang dilakukan mereka, lalu Allah mengumumkan kepada manusia pada hari perisytiharan permusuhan agung di antara, Adam dan syaitan itu bahawa Dia akan membawa hidayat kepada mereka dan akan membalas segala perbuatan mereka selepas itu mengikut apa yang dilakukan mereka sama ada mereka mengikuti jalan yang sesat atau mematuhi jalan hidayat.

***Pengumuman Pengiriman Rasul-Rasul Selepas Turunnya Adam Ke Bumi***

فَإِمَّا يَأْتِيَنَّكُم مِّنِّي هُدًى فَمَنِ ٱتَّبَعَ هُدَاىَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَىٰ ﴿١٢٣﴾

*"Kemudian jika datang kepada kamu hidayat dari-Ku, maka sesiapa yang mengikut hidayat-Ku, maka dia tidak akan sesat dan tidak akan mendapat kecelakaan."(123)*

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِى فَإِنَّ لَهُۥ مَعِيشَةً ضَنكًا وَنَحْشُرُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ أَعْمَىٰ ﴿١٢٤﴾

قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِىٓ أَعْمَىٰ وَقَدْ كُنتُ بَصِيرًا ﴿١٢٥﴾

قَالَ كَذَٰلِكَ أَتَتْكَ ءَايَٰتُنَا فَنَسِيتَهَا وَكَذَٰلِكَ ٱلْيَوْمَ تُنسَىٰ ﴿١٢٦﴾

وَكَذَٰلِكَ نَجْزِى مَنْ أَسْرَفَ وَلَمْ يُؤْمِنۢ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِۦ وَلَعَذَابُ ٱلْءَاخِرَةِ أَشَدُّ وَأَبْقَىٰٓ ﴿١٢٧﴾

*"Dan sesiapa yang berpaling dari peringatan-Ku, maka dia akan memperolehi kehidupan yang amat sengsara dan Kami akan kumpulkannya pada hari Qiamat dengan keadaan buta(124). Dia berkata: Wahai Tuhanku! Mengapakah engkau kumpulkanku dengan keadaan buta sedangkan aku dahulu seorang yang celik?(125). Jawab Allah: Begitulah (balasannya), kerana dahulu ayat-ayat pengajaran Kami telah datang kepada kamu lalu kamu lupakannya dan begitulah pada hari ini kamu pula dilupakan(126). Dan demikianlah Kami mengenakan balasan terhadap orang yang melampaui batas dan tidak beriman kepada ayat-ayat Tuhannya dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu adalah lebih berat dan lebih kekal."(127)*

Pemandangan ini ditayangkan selepas kisah pertarungan Adam dengan syaitan seolah-olah ia merupakan sebahagian dari kisah itu. Ia diumumkan

di alam al-Mala'ul-A'la selepas tamat kisah itu. Ia merupakan perintah Ilahi yang telah diputuskan sejak sekian lama tanpa diubah dan dipindakan lagi.

فَمَنِ ٱتَّبَعَ هُدَايَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَىٰ ١٢٣

*"Maka sesiapa yang mengikut hidayat-Ku, maka dia tidak akan sesat dan tidak akan mendapat kecelakaan"(123)*

### *Hidayat Menyelamatkan Manusia Dari Kesesatan Dan Kecelakaan Dunia Dan Akhirat*

dia akan aman dari kesesatan dan kecelakaan, kerana mengikut hidayat Allah. Kesesatan dan kecelakaan menunggu manusia di luar ambang Syurga, tetapi Allah menyelamatkan setiap orang yang mengikuti hidayat-Nya dari keduanya. Kecelakaan adalah hasil dari kesesatan walaupun seorang itu tenggelam di dalam kesenangan dan keni'matan hidup, kerana keni'matan itu sendiri merupakan kecelakaan, iaitu kecelakaan di dunia dan kecelakaan di Akhirat, kerana setiap kemenangan dan keni'matan hidup yang haram akan diikuti akibat-akibat yang buruk. Dan setiap orang yang sesat dari hidayat Allah akan meraba-raba dalam kegelisahan dan kebingungan dan akan berada dalam keadaan terumbang-ambing. Ia terburu-buru dari satu hujung ke satu hujung dan segala langkahnya tidak mantap dan imbang. Kecelakaan sentiasa ditemani keadaan hidup yang meraba-raba walaupun seseorang itu hidup dalam kesenangan dan keni'matan, kemudian di Akhirat pula dia akan menghadapi kecelakaan yang paling besar. Oleh itu barang siapa yang mengikut hidayat Allah, maka dia akan terselamat dari k esesatan dan kecelakaan di dunia. Itulah ganti Syurga yang telah hilang sehingga ia kembali semula ke Syurga pada hari yang dijanjikan Allah.

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُۥ مَعِيشَةً ضَنكًا

*"Dan sesiapa yang berpaling dari peringatan-Ku, maka dia akan memperolehi kehidupan yang amat sengsara."(124)*

Kehidupan yang terputus hubungan dengan Allah dan rahmat-Nya merupakan kehidupan yang sengsara walaupun kehidupan itu berada dalam kesenangan dan keni'matan. Ia merupakan hidup yang sengsara kerana terputus hubungan dengan Allah dan tidak mendapat perlindungan dari-Nya. Itulah kesengsaraan akibat hidup dalam kegelisahan, kebingungan dan keraguan. Itulah kesengsaraan akibat dipermainkan ketamakan dan kebimbangan, dan akibat kerana mereka terlalu sayang kepada harta dan kuasa yang ada di dalam tangan dan kerana bimbang terlepas dari tangannya. Itulah kesengsaraan kerana mengejar ketamakan dan sedih terhadap sesuatu yang hilang dan terluput darinya. Hati manusia tidak akan mencapai ketenangan dan ketenteraman melainkan ia berada di bawah naungan Allah. Ia tidak akan merasa tenteram melainkan dia berpegang dengan agama Allah yang teguh dan tidak putus. Ketenangan dan ketenteraman yang dicetuskan keimanan itu melipatgandakan erti hidup dari segala dimensinya. Kehidupan tanpa ketenteraman yang dicetuskan keimanan merupakan kesengsaraan yang tidak dapat ditandingkan dengan kesengsaraan akibat kemiskinan dan penafian.

*"Dan sesiapa yang berpaling dari peringatan-Ku"* ((ومن أعرض عن ذكرى)) dan memutuskan hubungan dengan-Ku, *"maka dia akan memperolehi kehidupan yang amat sengsara"* (( فإنّ له معيشة ضنكا )):

وَنَحْشُرُهُۥ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ أَعْمَىٰ ١٢٤

*"Dan Kami akan kumpulkannya pada hari Qiamat dengan keadaan buta."(124)*

Itulah jenis kesesatannya di dunia dan itulah balasannya di Akhirat kerana tidak menghiraukan peringatan Allah di dunia dan apabila dia bertanya Allah:

قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِيٓ أَعْمَىٰ وَقَدْ كُنتُ بَصِيرًا ١٢٥

*"Dia berkata: Wahai Tuhanku! Mengapakah Engkau kumpulkanku dengan keadaan buta sedangkan aku dahulu seorang yang celik."(125)*

Maka jawapan yang diberikan mereka kepada-Nya ialah:

قَالَ كَذَٰلِكَ أَتَتْكَ ءَايَٰتُنَا فَنَسِيتَهَا ۖ وَكَذَٰلِكَ ٱلْيَوْمَ تُنسَىٰ ١٢٦

وَكَذَٰلِكَ نَجْزِي مَنْ أَسْرَفَ وَلَمْ يُؤْمِنۢ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِۦ ۚ وَلَعَذَابُ ٱلْءَاخِرَةِ أَشَدُّ وَأَبْقَىٰٓ ١٢٧

*"Jawab Allah: Begitulah (balasannya), kerana dahulu ayat-ayat pengajaran Kami telah datang kepada kamu lalu kamu lupakannya dan begitulah pada hari ini kamu pula dilupakan(126). Dan demikianlah Kami mengenakan balasan terhadap orang yang melampaui batas dan tidak beriman kepada ayat-ayat Tuhannya dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu adalah lebih berat dan lebih kekal."(127)*

Setiap orang yang berpaling dari peringatan Allah itu telah bertindak melampaui batas. Dia telah bertindak keterlaluan kerana membuang hidayat Allah yang dikemukakan kepadanya, sedangkan hidayat itu merupakan harta kekayaan dan perbendaharaan yang paling bernilai. Dia telah bertindak keterlaluan apabila dia menggunakan matanya untuk meneliti perkara-perkara yang bukan menjadi matlamat ciptaan mata dan dia tidak meneliti sedikit pun ayat-ayat Allah, maka sudah tentu ia hidup sengsara dan akan dihimpunkan di padang Mahsyar pada hari Qiamat dengan keadaan orang yang buta.

Pengungkapan dan penggambaran dalam ayat-ayat ini kelihatan begitu selaras dan seimbang. Gambaran turun dari Syurga, kesengsaraannya dan kesesatan ditandingi dengan gambaran kepulangan semula ke Syurga, keselamatan dari kesengsaraan dan kesesatan. Gambaran kesenangan hidup ditandingi

dengan gambaran kesengsaraan hidup, gambaran hidayat ditandingi dengan gambaran keadaan buta. Semuanya merupakan ulasan di atas kisah Adam, iaitu kisah seluruh umat manusia. Tayangan kisah itu dimulakan di dalam Syurga dan berakhir di dalam Syurga sebagaimana telah diterangkan di dalam Surah al-A'raf dengan sedikit perbezaan gambaran-gambaran tayangan di sana sini mengikut perbezaan penjelasan ayat yang berkaitan.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 128 - 129)**

Setelah pusingan ini berakhir, Al-Qur'an mula memasuki satu pusingan yang lain di sekitar kebinasaan umat-umat yang lampau, iaitu satu pusingan - dari segi masanya - lebih dekat dari Qiamat kerana ia merupakan peristiwa-peristiwa yang dapat disaksikan mata, sedangkan Qiamat merupakan peristiwa alam ghaib yang tidak dapat dilihat dengan mata:

أَفَلَمْ يَهْدِ لَهُمْ كَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُم مِّنَ ٱلْقُرُونِ يَمْشُونَ فِي مَسَٰكِنِهِمْ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأَيَٰتٍ لِّأُو۟لِي ٱلنُّهَىٰ ﴿١٢٨﴾ وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَكَانَ لِزَامًا وَأَجَلٌ مُّسَمًّى ﴿١٢٩﴾

*"Apakah belum nyata kepada mereka beberapa banyak Kami telah membinasakan umat-umat sebelum mereka, sedangkan mereka sendiri pernah menjelajah di tempat-tempat kediaman mereka (yang telah dibinasakan itu)? Sesungguhnya peristiwa-peristiwa itu merupakan bukti-bukti (kekuasaan Kami) kepada orang-orang yang berakal(128). Jika tidak kerana keputusan yang telah diputuskan dari Tuhanmu dan (jika tidak kerana) masa pembalasan (di Akhirat) yang telah ditetapkan nescaya mereka dibinasakan terus (di dunia ini)."(129)*

***Contoh Dari Peristiwa-peristiwa Kebinasaan Umat-umat Yang Silam***

Apabila mata dan hati menjelajah dalam peristiwa-peristiwa kebinasaan umat-umat yang silam, melihat kesan-kesan dan tempat-tempat kediaman mereka dari dekat, apabila daya khayal mengkhayalkan rumah-rumah yang telah ditinggalkan oleh penghuni-penghuninya yang pertama, mengkhayalkan tubuh-tubuh mereka yang telah hilang dan bayang-bayang mereka yang telah berlalu, mengkhayalkan gerak-geri dan diam mereka, fikiran-fikiran dan impian-impian mereka, kerungsingan-kerungsingan dan cita-cita mereka, apabila dia merenungi himpunan bayangan-bayangan, gambaran-gambaran, emosi-emosi dan perasaan-perasaan yang berbagai-bagai bentuk itu kemudian dia membuka matanya, maka dia tidak akan nampak suatu apa selain dari kekosongan belaka. Di waktu ini barulah dia sedar betapa luasnya jurang zaman yang sedang membuka mulutnya untuk menelan masa kini sebagaimana ia telah menelan masa silam. Di waktu ini barulah dia sedar bagaimana berkuasanya qudrat Ilahi yang telah membinasakan umat-umat yang silam dan dia tetap pula berkuasa untuk membinasakan umat-umat yang datang selepas mereka. Di waktu inilah dia dapat memahami erti dari amaran Allah kerana contoh teladan telah pun ditunjukkan di hadapan mata mereka. Mengapakah kaum Musyrikin tidak mahu mengikut jalan hidayat, sedangkan peristiwa-peristiwa kebinasaan umat-umat yang silam itu mengandungi contoh-contoh teladan yang dapat memberi petunjuk kepada orang-orang yang berakal?:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأَيَٰتٍ لِّأُو۟لِي ٱلنُّهَىٰ ﴿١٢٨﴾

*"Sesungguhnya peristiwa-peristiwa itu merupakan bukti-bukti (kekuasaan Kami) kepada orang-orang yang berakal."(128)*

Jika tidak kerana Allah telah berjanji dengan mereka bahawa Dia tidak mahu menghapuskan mereka kerana sesuatu hikmat yang tinggi sudah tentu mereka telah ditimpa kebinasaan sebagaimana yang telah berlaku kepada umat-umat yang silam, tetapi Allah telah membuat, keputusan-Nya dan menangguhkannya kepada satu masa yang tertentu untuk membalas mereka:

وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَكَانَ لِزَامًا وَأَجَلٌ مُّسَمًّى ﴿١٢٩﴾

*"Jika tidak kerana keputusan yang telah diputuskan dari Tuhanmu dan (jika tidak kerana) masa pembalasan di Akhirat) yang telah ditetapkan nescaya mereka dibinasakan terus (di dunia ini)."(129)*

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 130 - 132)**

Dan apabila balasan mereka telah ditangguhkan kepada suatu masa yang tertentu, maka ini bererti bahawa mereka bukannya dibiarkan begitu sahaja. Oleh sebab itu, wahai Muhammad, janganlah engkau menaruh perasaan terkilan terhadap mereka dan terhadap kesenangan dan keni'matan hidup mereka kerana kesenangan hidup itu hanya diberi untuk menguji mereka sahaja, sedangkan segala apa yang diberikan kepadamu sebagai limpah kurnia itu adalah lebih baik dari kesenangan hidup yang diberikan kepada mereka sebagai ujian:

فَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ ٱلشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا ۖ وَمِنْ ءَانَآئِ ٱلَّيْلِ فَسَبِّحْ وَأَطْرَافَ ٱلنَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرْضَىٰ ﴿١٣٠﴾ وَلَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِۦٓ أَزْوَٰجًا مِّنْهُمْ زَهْرَةَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا لِنَفْتِنَهُمْ فِيهِ ۚ وَرِزْقُ رَبِّكَ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ﴿١٣١﴾

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَوٰةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا ۖ لَا نَسْـَٔلُكَ رِزْقًا ۖ نَّحْنُ نَرْزُقُكَ ۗ وَالْعَٰقِبَةُ لِلتَّقْوَىٰ ﴿١٣٢﴾

*"Oleh itu hendaklah engkau bersabar di atas segala perkataan mereka dan bertasbihlah (dirikanlah solat) dengan memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari (solat Subuh) dan sebelum ia terbenam (solat Asar), dan bertasbihlah pula (dirikanlah solat) pada waktu malam hari (solat Isyak) dan pada dua hujung siang (solat Maghrib dan Zuhur) supaya engkau mendapat kepuasan jiwa(130). Dan janganlah engkau memanjangkan pandangan matamu kepada ni'mat-ni'mat yang telah Kami kurniakan kepada beberapa golongan dari mereka, iaitu ni'mat bunga-bunga hidup dunia untuk Kami ujikan mereka, sedangkan rezeki Tuhanmu adalah lebih baik dan kekal(131). Suruhlah keluargamu mendirikan solat dan hendaklah engkau menunaikannya dengan tekun. Kami tidak meminta rezeki darimu, malah Kamilah yang memberi rezeki kepadamu dan akibat yang baik itu diuntukkan kepada orang-orang yang bertaqwa."(132)*

Hendaklah engkau bersabar menghadapi perkataan-perkataan mereka yang kufur, mengejek, mengingkar dan menolak. Janganlah engkau bersusah hati dan sedih terhadap sikap mereka. Bertawajjuhlah kepada Allah dan bertasbihlah dengan memuji Allah sebelum matahari terbit, dan sebelum ia terbenam, iaitu bertasbihlah di limun-limun pagi yang tenang ketika hari siang mula bernafas dan berkembang dengan kegiatan hidup dan bertasbihlah di waktu senja yang tenang ketika matahari sedang memberi selamat tinggal dan alam mula menutup matanya. Bertasbihlah dengan memuji Allah di waktu-waktu siang dan malam dan berhubunglah dengan Allah di sepanjang hari supaya:

*"Supaya engkau mendapat kepuasan jiwa."(130)*

Ucapan tasbih itu merupakan perhubungan dengan Allah, dan setiap jiwa yang berhubung dengan Allah akan merasa tenang tenteram dan puas. Ia merasa puas kerana berdamping dengan Allah Yang Maha Pengasih dan merasa tenang tenteram kerana berada di bawah perlindungan Allah yang aman.

Rasa kepuasan jiwa dan kerelaan itu merupakan hasil dari amalan tasbih dan ibadat. Ia merupakan ganjaran secara langsung yang tumbuh di dalam jiwa dan berkembang subur di dalam lipatan-lipatan hati seseorang.

Mengadaplah Tuhanmu dengan amalan ibadat:

وَلَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِۦٓ أَزْوَٰجًا مِّنْهُمْ

*"Dan janganlah engkau memanjangkan pandangan matamu kepada ni'mat-ni'mat yang telah Kami kurniakan kepada beberapa golongan dari mereka."(131)*

Iaitu kesenangan hidup dunia iaitu perhiasan, keni'matan, harta benda, anak pinak, pangkat kebesaran dan kuasa:

زَهْرَةَ الْحَيَوٰةِ الدُّنْيَا

*"Iaitu ni'mat bunga-bunga hidup dunia."(131)*

Iaitu bunga-bunga hiasan yang dikeluarkan oleh kehidupan dunia sebagaimana tumbuh-tumbuhan mengeluarkan bunga-bunganya yang indah dan menarik, tetapi bunga-bunga itu cepat layu walaupun cantik dan indah. Tujuan Kami memberi keni'matan hidup dunia kepada mereka ialah untuk:

لِنَفْتِنَهُمْ فِيهِ

*"Untuk Kami ujikan mereka."(131)*

Dengan ujian ini terdedahlah mutu hakikat diri mereka yang sebenar melalui tindak-tanduk dan perilaku mereka terhadap ni'mat dan kesenangan hidup dunia ini. Ia adalah suatu keni'matan yang cepat hilang sama seperti bunga-bunga yang cepat layu:

وَرِزْقُ رَبِّكَ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ﴿١٣١﴾

*"Sedangkan rezeki Tuhanmu adalah lebih baik dan kekal."(131)*

Kerana ia dikurniakan sebagai ni'mat bukannya dikurniakan untuk tujuan ujian. Rezeki dari Allah itu adalah rezeki yang amat baik kekal tidak layu, tidak mengeliru dan memperdayakan.

Ayat ini bukanlah bertujuan menyeru supaya bersikap zahid terhadap keni'matan-keni'matan hidup dunia, tetapi tujuannya ialah supaya manusia berpegang kukuh dengan nilai-nilai sebenar yang kekal abadi dan berpegang kukuh dengan perhubungannya dengan Allah dan kepuasan hatinya dengan perhubungan itu, agar mereka jangan lekas tumbang di hadapan kepesonaan kekayaan dan tidak hilang pegangan mereka yang kukuh terhadap nilai-nilai iman yang luhur, dan agar mereka sendasa merasa bebas dari pengaruh kesenangan-kesenangan hidup dunia yang batil yang mempesonakan mata manusia.

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَوٰةِ

*"Dan suruhlah keluargamu mendirikan solat."(132)*

Kewajipan pertama seseorang Islam ialah mengubahkan rumahtangganya kepada sebuah rumah-tangga seorang Muslim dan menyuruh anggota keluarganya supaya menunaikan fardhu solat yang menghubungkan mereka dengan Allah. Dengan itu bererti dia menjurus seluruh hidup mereka ke arah satu tujuan yang luhur, dan alangkah ni'matnya hidup di bawah naungan sebuah rumahtangga, di mana seluruh anggotanya bertawajjuh kepada Allah.

وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا

*"Dan hendaklah engkau menunaikannya dengan tekun."(132)*

Hendaklah engkau mendirikan solat dengan sempurna dan dapat merealisasikan kesan-kesannya. Solat dapat mencegahkan manusia dari kejahatan dan kemungkaran.

Inilah kesan-kesannya yang sebenar, tetapi solat memerlukan ketekunan agar ia dapat sampai ke darjat yang boleh melahirkan kesan-kesannya yang baik di dalam perasaan dan tingkahlaku manusia. Jika tidak maka solat itu bukanlah solat yang didirikan dengan betul, malah ia hanya merupakan harakat-harakat tubuh badan dan kata-kata yang diucapkan sahaja.

Amalan solat, ibadat dan bertawajjuh kepada Allah itu merupakan kewajipan-kewajipan engkau, sedangkan Allah tidak mendapat apa-apa darinya, kerana Allah itu Maha Kaya. Dia, tidak memerlukan engkau dan tidak pula memerlukan ibadat para hamba-Nya:

لَا نَسْـَٔلُكَ رِزْقًا نَّحْنُ نَرْزُقُكَ

*"Kami tidak meminta rezeki darimu, malah Kamilah yang memberi rezeki kepadamu."(132)*

Sesungguhnya ibadat itulah yang merangsangkan perasaan taqwa:

وَٱلْعَٰقِبَةُ لِلتَّقْوَىٰ ﴿١٣٢﴾

*"Dan akibat yang baik diuntukkan kepada orang-orang yang bertaqwa."(132)*

Hanya manusialah pihak yang mendapat keuntungan dari amalan ibadatnya di dunia dan di Akhirat. Apabila mereka beribadat, mereka akan mendapat kepuasan jiwa dan akan merasa tenang dan tenteram dan selepas itu mereka akan mendapat ganjaran yang amat sempurna dan Allah itu Maha Kaya, Dia tidak berkehendak kepada semesta alam.

* * * * * *

**(Pentafsiran ayat-ayat 133 - 135)**

Ketika surah ini hampir tamat, Al-Qur'an kembali berbicara tentang para pembesar Quraysy yang hidup mewah dan bersikap mendustakan da'wah Rasulullah s.a.w. Mereka menuntut dari beliau supaya membawa bukti mu'jizat yang lain setelah beliau membawa Al-Qur'an kepada mereka, sedangkan Al-Qur'an itulah yang menerang dan menjelaskan segala apa yang dibawa oleh agama-agama Allah yang silam sebelum beliau:

وَقَالُوا۟ لَوْلَا يَأْتِينَا بِـَٔايَةٍ مِّن رَّبِّهِۦٓ ۚ أَوَلَمْ تَأْتِهِم بَيِّنَةُ مَا فِى ٱلصُّحُفِ ٱلْأُولَىٰ ﴿١٣٣﴾

*"Dan mereka berkata: Mengapa dia tidak membawa kepada kami satu bukti dari Tuhannya? Apakah belum datang kepada mereka keterangan Al-Qur'an yang amat jelas yang membenarkan apa yang terkandung di dalam kitab-kitab yang terdahulu?"(133)*

Hanya sikap keras kepala dan degil sahaja yang mendorong mereka mengemukakan cadangan ini, jika tidak, maka Al-Qur'an ini sahaja sudah cukup (menjadi bukti kebenaran, beliau), kerana Al-Qur'anlah yang menyambung agama Islam sekarang dengan agama Allah sebelumnya. Al-Qur'anlah yang menyatukan sifat-sifat dan arah tujuan agama-agama itu dan Al-Qur'anlah yang menjelas dan menghuraikan segala perkara yang tidak dijelaskan di dalam kitab-kitab suci yang dahulu.

Allah S.W.T telah memberi alasan keuzuran kepada para pendusta itu, lalu Dia mengutuskan kepada mereka Nabi Muhammad s.a.w. selaku penamat sekalian rasul:

وَلَوْ أَنَّآ أَهْلَكْنَٰهُم بِعَذَابٍ مِّن قَبْلِهِۦ لَقَالُوا۟ رَبَّنَا لَوْلَآ أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا فَنَتَّبِعَ ءَايَٰتِكَ مِن قَبْلِ أَن نَّذِلَّ وَنَخْزَىٰ ﴿١٣٤﴾

*"Dan sekiranya Kami binasakan mereka dengan sesuatu 'azab sebelum turunnya Al-Qur'an ini nescaya mereka berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapakah Engkau tidak mengirimkan seorang rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu sebelum kami mendapat kehinaan dan kehampaan."(134)*

Sebenarnya mereka belum lagi ditimpa kehinaan dan kekecewaan ketika ayat ini dibaca kepada mereka, tetapi itulah gambaran nasib kesudahan yang tetap akan menimpa mereka, di mana mereka akan mengalami kehinaan dan kehampaan dan mungkin ketika itulah mereka berkata *"Wahai Tuhan kami! Mengapakah Engkau tidak mengirimkan seorang rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu...."* Kini alasan ini tidak diberikan kepada mereka kerana mereka tidak lagi mempunyai apa-apa alasan dan keuzuran.

Apabila penjelasan ayat sampai ke tahap menggambarkan nasib kesudahan mereka yang tetap menunggu mereka, maka Rasulullah s.a.w. diperintah berlepas tangan dari mereka supaya beliau tidak lagi menderita kesusahan dan kerungsingan kerana sikap mereka yang menolak keimanan itu, dan supaya beliau mengumumkan kepada mereka bahawa beliau sedang menunggu nasib kesudahan yang akan menimpa mereka dan oleh itu biarlah mereka turut bersama menunggu dengan cara yang disukai mereka:

قُلْ كُلٌّ مُّتَرَبِّصٌ فَتَرَبَّصُوا۟ ۖ فَسَتَعْلَمُونَ مَنْ أَصْحَٰبُ ٱلصِّرَٰطِ ٱلسَّوِىِّ وَمَنِ ٱهْتَدَىٰ ﴿١٣٥﴾

*"Katakanlah: Setiap orang masing-masing menunggu, maka tunggulah kamu dan kelak kamu akan mengetahui siapakah yang mendapat jalan yang lurus dan siapakah yang telah mendapat hidayat."(135)*

* * * * * *

Demikianlah berakhirnya surah ini yang dimulakan dengan sebuah pernyataan yang menafikan bahawa tujuan diturunkan Al-Qur'an ini ialah untuk menyusahkan Nabi s.a.w. dan seterusnya menggariskan fungsi Al-Qur'an:

*"Melainkan semata-mata supaya ia menjadi peringatan kepada orang yang takut kepada Allah."(3)*

Akhir surah ini juga selaras dengan permulaannya kerana akhir surah ini merupakan peringatan dan amaran terakhir kepada mereka yang berguna diberi peringatan, dan tiada lagi tugas yang lain selepas menyampaikan peringatan kepada mereka melainkan hanya menunggu akibatnya dan akibat itu tetap berada di tangan Allah.

**(Tamat Juzu' Yang Keenam Belas)**